



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

# KANDUNGAN

## **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
---	-------------

## **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA -MERAFAK SEMBAH DAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNNIAH SEMPENA PERTABALAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI**

(Halaman 2)

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

## **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019	(Halaman 23)
Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019	(Halaman 63)
Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019	(Halaman 70)
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019	(Halaman 85)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh
5. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang
6. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
7. “ Tuan Aknan A/L Ehtook
8. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong
9. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
10. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
11. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
12. “ Puan Bathmavathi Krishnan
13. “ Dato' Chai Kim Sen
14. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
15. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin
16. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat
17. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
18. “ Datuk Haji Husam bin Musa
19. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
20. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid
21. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
22. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
23. “ Datuk John Ambrose
24. “ Tuan Kamarudin bin Abdun (Perlis)
25. “ Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
26. “ Dato' Sri Khairudin Samad
27. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
28. “ Datuk Lee Tian Sing
29. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pertahanan]
30. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
31. “ Datuk Lim Pay Hen
32. “ Tuan Manolan bin Mohamad
33. “ Dato' Haji Marzuki bin Yahya [Timbalan Menteri Luar Negeri]
34. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim
35. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin
36. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid

37. Yang Berhormat Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
38. “ Dr. Mohd Radzi bin Md.Jidin [Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi]
39. “ Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
40. “ Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
41. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
42. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
43. “ Datuk Ng Chiang Chin
44. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
45. “ Dr. Nuing Jeluing
46. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
47. “ Dato’ Ong Chong Swen
48. “ Datuk Paul Igai
49. “ Datuk Rabiyah binti Ali
50. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris
51. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
52. “ Puan Raj Munni binti Sabu
53. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
54. “ Datuk Razali bin Idris
55. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
56. “ Datuk Sambanthan A/L Manickam
57. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
58. “ Puan Sopiah binti Sharif
59. “ Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh (Selangor)
60. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
61. “ Datuk Theodore Douglas Lind
62. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Pahang)
63. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri]
64. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
65. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
66. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
67. “ Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili(Sarawak)
67. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)

**DEWAN NEGARA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**

Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 31 Julai 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.03 pg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nombor berapa?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya tak boleh kesan tetapi saya hendak pencerahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pencerahan berhubung dengan soalan-soalan Parlimen yang saya kemukakan. Banyak saya tujukan kepada Perdana Menteri tetapi nampaknya semua soalan-soalan itu disalurkan kepada kementerian-kementerian yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tak ada. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Laksamana...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham soalan tersebut tetapi ini bukan masanya untuk merujuk kepada peraturan mesyuarat. Selepas waktu soalan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** *All right.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **MERAFAK SEMBAH DAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH SEMPENA PERTABALAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI**

**10.06 pg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini bersidang semula pada hari ini, Rabu, 31 Julai 2019 setelah bercuti umum sehari bersempena Istiadat Pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda yang berlangsung dengan penuh adat istiadat di Balai Rong Seri Istana Negara telah selamat disempurnakan semalam mengikut tradisi kesultanan Melayu pada tarikh yang amat istimewa iaitu pada Hari Keputeraan sebenar Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri.

Sebagai Ahli Dewan Negara, marilah kita bersama-sama memberi isi dan makna kepada Titah Seri Paduka Baginda Tuanku yang menggariskan peri pentingnya usaha dalam meningkatkan tadbir urus integriti, memerangi rasuah dan mempertahankan keluhuran undang-undang. Seri Paduka Baginda Tuanku telah menitahkan agar mengambil pengajaran daripada Titah Almarhum Paduka Ayahanda iaitu mencetuskan sesuatu krisis adalah mudah tetapi mencari jalan penyelesaiannya adalah sangat susah. Perpaduan amat penting demi mencapai kemakmuran rakyat serta pembangunan ke arah pembentukan negara maju.

Bagi pihak Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahlinya, patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi ucapan tahniah sempena pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Patik-patik sekalian turut ingin merafak sembah tahniah dan ucapan selamat sempena ulang tahun hari keputeraan sebenar Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Semoga Tuhan Yang Maha Kuasa melanjutkan usia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua serta memberi taufik dan hidayah untuk Seri Paduka Baginda Tuanku berdua mencerminkan prinsip keadilan dan kesaksamaan sepanjang pemerintahan lima tahun akan datang bagi memakmurkan dan menyejahterakan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Dirgahayu Tuanku.

*Daulat Tuanku!*

*Daulat Tuanku!*

*Daulat Tuanku!*

*[Diikuti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat] [Tepuk]*

■1010

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sejauh mana kajian dilakukan dalam kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman penjenayah.



**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menjawab soalan pertama di hari terakhir sidang Mesyuarat Kedua Dewan Negara kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian, pihak kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) malah MOU di antara JPJ dan PDRM telah pun bermula pada tahun 2012 lagi dan satu jawatankuasa teknikal antara JPJ dan PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.

Berhubung isu berkaitan kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman jenayah, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019 kedua-dua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baharu penggunaan cermin gelap oleh orang awam iaitu kenderaan persendirian dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan.

Bagi permohonan atas faktor kesihatan pula, pengesahan daripada doktor pakar dan untuk jenis-jenis penyakit tertentu yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dijadikan sebagai panduan bagi meluluskan permohonan.

Pemakaian peraturan standard antarabangsa UN ECE R43 merupakan faktor aplikasi penggunaan cermin gelap dan pihak kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan pindaan terhadap Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lut Sinar Lain) (Pindaan) 2019 bagi memastikan kenderaan yang berada di Malaysia mengikut standard piawaian yang diaplikasikan di peringkat antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya meneliti setiap jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pagi ini. Seperti yang kita ataupun yang diketahui umum, peraturan cermin gelap yang diumumkan oleh pihak kementerian pada 8 Mei tahun ini mendapat pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat.

Apabila kerajaan membenarkan pemasangan cermin gelap bagi penumpang belakang kepada semua jenis kenderaan persendirian selain mengekalkan kadar VLT bagi cermin hadapan dan cermin di bahagian sisi pemandu dan penumpang hadapan. Pemasangan cermin gelap ini memberi keselesaan kepada penumpang dari segi privasi dan kepanasan akibat cuaca luar serta dari aspek keselamatan dan sebagainya. Soalan saya, bolehkah pihak kementerian mengemukakan kajian atau statistik yang telah dilakukan oleh kementerian untuk kita melihat sejauh mana kadar langsung kes-kes jenayah dan kaitannya dengan penggunaan cermin gelap.

Selain itu, soalan tambahan juga saya berkaitan dengan bayaran atau fi yang dikenakan ke atas pemohon yang memohon untuk pemasangan cermin gelap pada semua bahagian. Seperti sedia maklum, untuk permohonan pemasangan cermin gelap pada kenderaan akan dikenakan bayaran iaitu bagi setiap permohonan dikenakan sebanyak RM50 dan apabila diluluskan, akan dikenakan bayaran sebanyak RM5,000 untuk tempoh selama dua tahun sahaja.

Apabila tempoh sah laku tamat, pemohon akan dikenakan fi yang sama dalam setiap permohonannya. Tidakkah ini polisi bersifat sebagai mesra golongan kaya? Jika pemakaian cermin gelap tadi berkadar langsung dengan risiko keselamatan, tidakkah penggunaan fi itu boleh dianggap suatu *double standard* kepada masyarakat awam yang tidak mampu? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain di atas soalan tadi. Ada dua bahagian, yang pertama berkenaan dengan apakah dari segi kajian kita berkaitan dengan jenayah. Setakat yang saya dilaporkan, semenjak ianya dilaksanakan, boleh dikatakan tidak ada apa-apa perubahan berkaitan dengan berlakunya jenayah yang berkaitan dengan perubahan peraturan cermin gelap ini. Itu yang pertama.

Keduanya, berkenaan dengan bayaran. Memang betul apa yang Yang Berhormat Senator sebutkan tadi tentang kadar-kadar bayaran yang dikenakan. Akan tetapi soalan Yang Berhormat adalah adakah ini bermakna bahawa hanya golongan kaya sahaja yang akan mendapat faedah kerana mampu bayar dan bukan kalangan miskin.

Setakat laporan yang saya peroleh Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa yang banyak memohon misalnya statistik pada bulan Jun, bulan yang pertama, kita dapat 51 permohonan dan daripada permohonan ini ianya di atas asas dua perkara iaitu keselamatan dan kesihatan. Dari segi itu, 80 peratus ialah peniaga yang hendakkan cermin gelap diteruskan ataupun diperbaharui kerana sebab-sebab keselamatan. Kalau mereka ini peniaga, maka betullah bahawa mereka mampu bayar. Memang untuk bulan Jun kita telah dapat kutip RM110 ribu hasil baharu kepada kerajaan kerana sebab itu. Manakala untuk sebab-sebab kesihatan yang lainnya ianya tidak dikenakan apa-apa bayaran jika ianya melepasi peraturan yang dikenakan sebagaimana yang saya maklumkan tadi.

Jadi kalau ada kes-kes masyarakat yang miskin dan yang memerlukan- tak mungkin peniaga ini miskin. Akan tetapi kalau yang miskin itu atas sebab kesihatan, ianya diluluskan tanpa apa-apa bayaran selain daripada bayaran permohonan RM50 sahaja. Jadi, saya yakin bahawa ianya bukan sekadar mesra orang-orang yang berkemampuan tetapi sahayanya ianya mesra kepada seluruh rakyat yang memerlukan cermin gelap yang mana dengan peraturan baharu ini melonggarkan lagi syarat-syarat yang sedia ada sebagaimana Yang Berhormat Senator maklum. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Alan. Eh, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh, boleh. Panggil nama Alan pun boleh lah [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dihormati. Walaupun penduduk kita mematuhi kepada peraturan ataupun penempatan baharu iaitu kita boleh pakai cermin gelap di sisi belakang, kiri dan kanan penumpang dan belakang, tetapi masalah kerumitan yang timbul adalah kepada khususnya kepada penduduk-penduduk di utara Sarawak iaitu di Miri, Limbang, Lawas dan juga Sabah.

Oleh sebab kita terpaksa mengguna pakai jalan raya Brunei Darussalam. *We still do not have the road access*, dengan izin. Negara Brunei langsung tidak boleh pakai cermin gelap. Satu *percent* pun tak boleh. Cara mereka menguatkuasakan adalah mereka menahan dan saman *on the spot*, dengan izin. Ataupun *you have to tear off* cermin gelap. Kalau tidak, *they saman on the spot*.

So, perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen di Limbang, Lawas dan sebelum ini. Saya harap mungkin satu perbincangan dua hala boleh diadakan di antara negara Malaysia dan Brunei supaya kita mencari satu penyelesaian yang bermuafakat dan boleh diterima pakai.

Saya bercadang mungkin- sebab kita ini guna pakai jalan raya untuk transit sahaja, persinggahan. Adakah mungkin Jabatan Kastam Brunei boleh mengeluarkan permit khusus selama mungkin 24 jam untuk kenderaan tersebut. Kalau selepas 24 jam, dia tidak keluar dari Brunei, maka saman boleh dikeluarkan ke atas kenderaan kita. Itu masalah yang timbul selama ini. Saya harap mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kementerian Pengangkutan dan masuklah dalam perbincangan bersama Brunei, negara jiran kita yang baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

■1020

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang amat menarik dan sudah tentunya Yang Berhormat pun maklum bahawa ianya tidaklah di bawah kuasa kita 100 peratus. Sudah tentu jika ada kesempatan kita akan bincang dengan pihak negara Brunei tersebut.

Dalam kaitan itu, sekadar saya ingin maklumkan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peraturan yang kita baharu laksanakan ini adalah dari segi hubungan antarabangsa juga sebab ianya adalah peraturan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh sebab kita anggota WTO yang melaksanakan peraturan ini, saya harap Brunei juga sebagai negara WTO menghormatinya dan mungkin itu satu asas perbincangan kita dengan pihak Brunei nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Kesavadas.

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya ada dalam soalan nombor 71, ya ada tapi saya harap ada jawapan bertulislah. Soalan saya ialah baru-baru ini terdapat banyak pendapat mengenai isu-isu dengan penggunaan cermin gelap berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan ancaman jenayah. Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah terdapat apa-apa kajian statistik mengenai unsur-unsur ini sebelum pelaksanaan peraturan mengenai cermin gelap ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jawapan itu...

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Kalau tidak ada statistik, boleh secara bertulislah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi Menteri dah jawab buat masa sekarang dalam kajian mereka, tidak ada perubahan dalam statistik jenayah.

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** No, selain daripada jenayah macam dia kata untuk kemalangan, kelajuan adalah satu sebab tetapi tidak ada statistik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dengan cermin gelap?

**Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana saya maklumkan, kajian telah pun dibuat sebelum dilaksanakan dan selepas dilaksanakan kita teruskan kajian ini. Di bawah Kementerian Pengangkutan ada Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang mengkaji hal-hal ini dan ada juga Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) yang terus membuat kajian. Apabila kami menerima laporan dan jika ianya ada kaitan dengan pelaksanaan peraturan cermin gelap yang baharu ini, sudah tentu maklumat itu kita akan pakai untuk dasar kita yang selanjutnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Tuan Zaiedi Suhaili, sila.

**2. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili** minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah peratusan capaian terkini Bajet 2019 ke atas sasarannya dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan dan berapakah jumlah hasil kutipan cukai yang telah diperoleh setakat 30 Jun 2019.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM314.55 bilion telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 merangkumi RM259.85 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM54.7 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan.

*Slow* sikit baca senang nak tulis Tuan Yang di-Pertua. Sehingga 30 Jun 2019, sejumlah RM124.769 bilion atau 48.01 peratus telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Mengurus manakala sebanyak RM23.763 bilion atau 43.34 peratus telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Pembangunan.

Peratus perbelanjaan ini adalah selari dengan unjuran prestasi pertengahan tahun. Setakat 30 Jun 2019, jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM85.1 bilion. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan **Tuan Zaiedi**.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya meminta jaminan daripada kerajaan bahawa semua perbelanjaan yang telah diluluskan ini, bajet yang telah diluluskan ini akan dapat dilaksanakan dalam tahun ini dengan sepenuhnya ataupun sekurang-kurangnya kita mencapai 90 lebih peratus.

Ini adalah kerana kerajaan sepatutnya menjadi tonggak utama untuk menggerakkan domestik ekonomi kita, merencanakan domestik ekonomi kita barulah ada disokong oleh pelabur-pelabur tempatan dalam negara sendiri dan juga pelabur-pelabur dari luar negara.

Jadi soalan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pada masa sekarang dan juga pada tahun hadapan untuk kita merencanakan kegiatan atau domestik ekonomi kita? Soalan kedua ialah apakah bentuk bayangan belanjawan kita tahun 2020, apa bayangannya? Kita tahu seperti mana tadi sebahagian daripada perbelanjaan untuk pembangunan, saya fikir sejumlah RM4.346 bilion telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Setakat ini berapakah telah dibelanjakan untuk negeri Sarawak daripada RM4 bilion ini? Berapakah kita belanja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini rayuan daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Yang Berhormat, ini bukan perbahasanlah Yang Berhormat.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya, ya. Ini rayuan daripada penerima-penerima Bantuan Sara Hidup (BSH). Di Sarawak saya difahamkan bahawa begitu sukar sekali untuk penerima-penerima ini menunaikan baucar bantuan ini kerana hanya satu bank sahaja iaitu Bank Simpanan Nasional. Ada yang menunggu di bank dari pukul 4 pagi bahkan ada yang sanggup tidur di kaki lima bank semata-mata untuk dapat menunaikan, tunai bantuan ini. Jadi dapatkan kerajaan mempertimbangkan supaya bank-bank lain juga diberi peluang untuk mereka boleh *cash* bantuan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zaiedi. Saya tidak tahu jawapan soalan ini ataupun rumusan daripada perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi tetapi saya cuba untuk menjawabnya Tuan Yang di-Pertua.

Tentang jaminan yang diminta, memang menjadi satu KPI bagi kita di MOF untuk memastikan bahawa yang telah diperuntukkan ini untuk kita belanjakan. Biasanya dalam belanja mengurus Tuan Yang di-Pertua, biasanya tidak ada masalah perbelanjaan untuk belanja mengurus ini. Kadang-kadang yang mungkin menjadi sedikit masalah ialah di bawah Perbelanjaan Pembangunan kerana seperti mana yang kita tahu apabila ianya telah diluluskan, ia kadang-kadang mengambil masa bagi pihak kementerian yang tertentu untuk melantik juru perunding dan sebagainya, memanggil kontrak, *award of contract*, kadang-kadang kena *recall* dan sebagainya.

Akan tetapi memang Yang Berhormat Tuan Zaiedi, kita akan memastikan bahawa apa yang telah diperuntukkan ini harus dibelanjakan kerana kita bersetuju seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa *domestic spending* ini, dengan izin, adalah antara perkara yang akan menyebabkan ekonomi kita bergerak. Jadi memang hasrat kita begitulah selain daripada kita mengharap FDI yang masuk, *domestic spending* ini juga mampu untuk menggerakkan ekonomi dan kita mengharap ianya akan memberi kesan seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Berkenaan dengan bayangan Belanjawan 2020, ia bila bayang ini kadang-kadang bayang pun tidak berapa nak jelas lagi Yang Berhormat.

## ■1030

Akan tetapi, memang proses belanjawan ini kalau dengan kementerian itu, kita dah bermula sejak awal tahun lagi. *First budget consultation* telah kita buat dengan *stakeholder* yang telah menghantarkan memorandum cadangan-cadangan kepada kita, kita sudah buat. *Alhamdulillah*, hari itu memang penuh dewan *budget consultation* yang kita buat.

Peringkat seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita akan membuat *focus group discussion* berkenaan dengan hal ehwal wanita, berkenaan macam-macam. Bukan sebab Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada di sebelah saya, saya sebut ini. Memang ia salah satu daripada topik *focus group* yang mana kita akan dapatkan lagi lebih detil pandang-pandangan daripada *stakeholders* untuk kita masukkan di dalam belanjawan kita nanti.

Untuk berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk Sarawak, yang itu, Yang Berhormat Senator Dr Zaiedi, saya mohon dijawab secara bertulis kerana detilnya tidak ada bersama saya.

Akhirnya ditanyakan tentang Bantuan Sara Hidup (BSH) untuk penerima di Sarawak. *Saya stand corrected*. Kalau di Semenanjung dan saya kira sama juga di Sabah dan di Sarawak, sebenarnya bukan hanya satu bank saja yang dibenarkan untuk dikeluarkan ini. Sebenarnya BSH yang dulunya bermula dengan BRIM, kemudian kita *migrate* kepada BSH dan kita sudah buat pun *first round* pada bulan Mac dulu, yang *first round* yang diberikan dulu itu. Kemudian kita buat pemutihan dan ada beberapa syarat-syarat baharulah oleh kerana dilihat bahawa apabila sampai kepada ketua keluarga lelaki, kadang-kadang benda itu tidak dibelanjakan kepada keluarga. Jadi, dibuat ini- maknanya diberikan kepada isteri.

Bila proses ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, maka kadang-kadang maklumat yang diberikan itu tidak tepat. Kadang-kadang nama silap sikit saja, satu *alphabet* silap ataupun akaun nombor dia yang dulunya silap, dengan sendirinya kita akan *auto create* akaun baharu bersama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) sebab BSN ini di bawah kawalan kita. Jadi, itu yang berlaku, bukan hanya satu bank sahaja dibenarkan. Kalau dulu dia pernah dengan *CIMB Bank*, bila dia *reregister* namanya betul, *number* akaunnya betul, dia akan terus terima dengan banknya yang terdahulu. Akan tetapi kalau berlaku kesilapan, kita hendak *bank in* tidak boleh, ia akan *auto create* akaun baharu di bawah BSN.

Di Sarawak juga dan di Sabah, di kawasan pedalaman yang tidak ada kemudahan bank dan sukar untuk mereka ini, jadi itu kita bagikan secara tunai, Tuan Yang di-Pertua, dan kita pergi ke tempat mereka untuk tunai itu disampaikan. Untuk *tranche* yang kedua dan ketiga ini disekalikan sebab hendak pergi sekali-sekali pun payah [*Ketawa*]

Jadi, pergi kita- bagi yang lain ini, ia ada *second tranche* yang sudah lepas dan ada *third tranche*. Akan tetapi untuk yang tunai ini, *second and third tranche* kita sekalikan, diberikan sekali dan pergi ke tempat mereka yang berada di pedalaman. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini saya petik daripada soalan pokok yang berkaitan dengan peratusan capaian terkini Bajet 2019 ke atas dan sasarannya.

Berkaitan dengan tersebut, Kerajaan Pakatan Harapan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM100 juta untuk program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India melalui Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) dalam Bajet 2019.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy telah pun melaporkan dalam Dewan ini secara bertulis bahawa hanya RM31.5 juta diagihkan setakat ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah baki peruntukan sebanyak RM69.5 juta sudah disalurkan kepada agensi tersebut ataupun Kementerian Kewangan mengambil langkah untuk mengkaji balik? Ini kerana terdapat beberapa aduan terhadap MITRA dalam pengagihan peruntukan ini kepada NGO yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan, orang Sungai Petani, sama negeri ini. Sebenarnya saya pun ikuti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' baru-baru ini. Untuk menjawab soalan tersebut, sukacita saya maklumkan bahawa peruntukan RM100 juta yang telah diluluskan di dalam bajet telah kita salurkan kepada kementerian yang berkenaan untuk dibelanjakan.

Apabila hanya berlaku RM31.5 juta sahaja yang berjaya dibelanjakan setakat ini, saya kira mungkin ada masalah-masalah lain dari segi bagaimana peruntukan itu hendak diluluskan, Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab untuk peruntukan diluluskan, perlu ada kertas kerja, kemudiannya di-*vetted through* oleh kementerian berkenaan. Mungkin ada maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan, kena patah balik pergi minta maklumat tambahan dan sebagainya.

Hasrat kita RM100 juta untuk dibelanjakan itu sudah kita berikan kepada kementerian berkenaan. Saya ingat apabila kelulusan ataupun syarat-syarat untuk kelulusan itu diperolehi, ia akan diluluskan. Kita mengharapkan RM100 juta ini akan dapat dibelanjakan untuk manfaat khususnya bagi masyarakat India di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibenarkan, satu soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Menteri menjelaskan mengenai terdapatnya perbincangan dengan pemegang taruh satu bajet hendak dibentangkan. Soalan saya ialah khusus sebab saya Senator daripada Pulau Pinang. Contohnya apabila sesuatu bajet itu dibuat, adakah sedikit ruang untuk ia di-*adjust*? Contoh, dalam kes reklamasi tanah di Pulau Pinang yang baru-baru ini yang kebetulan saya terlibat secara langsung. Perkara tersebut, Kerajaan Pulau Pinang terpaksa merancang sebegitu kerana ketika itu kita belum memerintah Kerajaan Pusat. Jadi Kerajaan Pulau Pinang cuba melakukan dengan modul reklamasi tersebut untuk membiayai *Penang Transport Master Plan*.

Jadi soalan saya ialah baru-baru ini, Kerajaan Pulau Pinang telah mengusulkan sekiranya Kerajaan Pusat boleh membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai pembiayaan tersebut. Jadi sekiranya ia boleh berlaku, ia akan mengurangkan beban terutama mereka masyarakat nelayan di kampung yang akan memberi impak langsung kepada projek reklamasi tersebut.

Jadi soalan saya, di dalam kementerian mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh terutama kerajaan negeri, adakah terdapat *adjustment* boleh dibuat apabila sekarang ini kita berada di dalam kedudukan berbeza apabila Kerajaan Pusat juga dikuasai oleh pentadbiran yang sama? Itu saja soalan saya.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Yusmadi daripada Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk mana-mana projek ataupun rancangan pembangunan hendak dijalankan, memang ia akan kita lihat dari segi *viability*-nya dan juga sudah tentu kalau ia *viable*, daripada mana sumber pembiayaan yang akan dibuat. Dan juga keutamaan, *priority* tersebut. Ini sebab memang sejak beberapa lama ini, bajet kita adalah bajet yang defisit yang mana khusus untuk projek-projek pembangunan ini ialah dana ataupun sumber pembiayaannya ialah daripada pinjaman.

Untuk menjaga disiplin fiskal negara, kita tidak boleh berterusan berhutang dengan kadar yang tinggi yang akan menjejaskan keyakinan orang yang hendak memberi hutang kepada kita tentang kemampuan kita, kemampuan kita untuk membuat pembayaran balik.

Jadi, untuk isu di Pulau Pinang ini, *adjustment*-nya sebab kita masih lagi dalam proses untuk memuktamadkan Belanjawan 2020, kita boleh melihat balik model pembiayaan sepertimana yang disebut Yang Berhormat Senator Yusmadi tadi sama ada melalui projek yang sedemikian yang akhirnya membuat *reclamation* diberikan kepada pihak swasta dan kemudian hasilnya itu digunakan untuk membuat pembiayaan *public transport* di Pulau Pinang. Itu salah satu model.

## ■1040

Model-model yang lain yang boleh kita fikirkan juga ialah mungkin melalui- oleh kerana Pulau Pinang antara negeri yang kedudukan kewangannya adalah baik. Kalau kerajaan negeri bersedia untuk mengecilkan sedikit apa yang hendak dicadangkan itu, yang dikatakan menimbulkan kerisauan kepada nelayan-nelayan kita ialah dengan kerajaan negeri sendiri mungkin boleh *propose* untuk membuat pinjaman yang mana sudah tentu kerajaan negeri tidak boleh pinjam terus, dia kena melalui Kerajaan Pusat. Maknanya kita hanya memberi *guarantee* ataupun jaminan bahawa itu akan dapat dilaksanakan. Ya. Jawapannya, kita masih boleh membuat *fine-tuning* di sana sini Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mewakili Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan untuk bertanya soalan nombor tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat hadir pada Dewan ini, kena tulis pada saya supaya boleh mewakili. Kali ini saya membenarkan kerana Yang Berhormat Menteri ada dekat Dewan ini.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Akan tetapi, sebelum itu saya ingin mewakili Dewan untuk mengalu-alukan tetamu-tetamu yang datang ke Dewan pada pagi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih. Tetamu-tetamu dari kerabat Banda Aceh yang diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhammad Jumadilah Narugaya, Panglima Perkasa Berdaulat Darussalam... [*Tepuk*] Selamat datang.

Tetamu kumpulan kedua, Profesor Mikitaka Masuyama, *Vice Counselor of National Graduate Institute for Policy Studies*... [*Tepuk*] Selamat datang.

Tetamu kumpulan ketiga, saya rasa ini tetamu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tetamu dari Pejabat Parlimen Segambut dialu-alukan... [*Tepuk*]

Tetamu yang akhir sekali dalam *list* saya adalah dari tetamu *Merdeka Center for Opinion Research*. Selamat datang kepada semua dan saya harap lawatan ini memberi manfaat kepada semua. Soalan saya nombor tiga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**3. Puan Bathmavathi Krishnan** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan bilakah Perjanjian Marrakesh akan ditandatangani untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan atas perkhidmatan beliau selama ini. Saya difahamkan hari ini merupakan hari terakhir beliau ada di dalam Dewan Negara... [*Tepuk*] Saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kerana sering membangkitkan isu-isu kebajikan orang kurang upaya dan menjadi *spokesman*, dengan izin mereka di dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya Perjanjian Marrakesh dikawal selia oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), di bawah Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Inti pati utama Perjanjian Marrakesh ini adalah pelaksanaan pengecualian karya hak cipta terhadap keperluan orang kurang upaya, penglihatan untuk mendapatkan akses kepada karya-karya dalam format boleh akses melalui *authorized entity*. Melalui pengecualian bersyarat yang diberikan kepada *authorized entity* ini, sebarang karya boleh dilakukan tanpa memerlukan keizinan daripada pemegang hak cipta tersebut.

Penyertaan Malaysia ke dalam Perjanjian Marrakesh dapat memberi faedah kepada golongan orang kurang upaya penglihatan bagi mendapatkan akses kepada bahan-bahan hak cipta seperti penerbitan buku format *braille* dan sebagainya.

Sehingga hari ini, triti ini telah disertai 41 buah negara dan kementerian kita memberi sokongan penuh sekiranya Perjanjian Marrakesh ini ditandatangani oleh kerajaan untuk membolehkan golongan OKU penglihatan mengakses bahan-bahan penerbitan tanpa had. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini bukan hari terakhir tetapi persidangan terakhir untuk 12 orang Ahli Yang Berhormat. Seramai 12 orang akan kosongkan Kerusi.

Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan golongan OKU penglihatan ya. Nampaknya statistik menunjukkan bahawa ada peningkatan orang-orang kurang upaya penglihatan ini meningkat disebabkan oleh antara lain adalah sebab penyakit diabetes. Jadi, pihak *Malaysian Association of the Blind* (MAB) ada menyediakan beberapa program untuk memberi latihan kepada OKU penglihatan.

Akan tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dana yang diperoleh dari kerajaan amat berkurangan. Kalau dahulunya RM700 ribu untuk menyelenggarakan *MAB Gurney Training Centre*, Taman Harapan dan juga untuk operasi. Sekarang ia dikurangkan kepada RM200 ribu. Jadi, adakah kerajaan boleh memberi perhatian lebih kepada golongan OKU penglihatan ini dengan memberi MAB dana yang lebih? Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk OKU penglihatan, statistik terkini adalah 47,876 orang dan ini merupakan 8.7 peratus daripada jumlah golongan OKU. Untuk OKU penglihatan, negeri paling tinggi sekarang adalah negeri Selangor dengan jumlah OKU yang berdaftar 6,365 orang untuk golongan OKU penglihatan, diikuti negeri Kedah sebanyak 5,063 orang dan negeri ketiga adalah negeri Johor sebanyak 5,012.

Saya setuju dengan isu masalah kekangan bajet dan ini bukan sahaja untuk OKU penglihatan, untuk semua kumpulan sasar kita terdapat pengurangan bajet. Saya percaya bukan sahaja kementerian kita, malah saya rasa semua kementerian juga. Apa yang saya cadangkan sekarang ini adalah apabila mereka datang untuk memohon bajet ataupun dana peruntukan, saya selalu salurkan mereka balik kepada wakil-wakil rakyat di kawasan.

Oleh kerana ramai tidak tahu terutamanya NGO OKU, mereka tidak tahu mereka boleh mohon daripada Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negeri di situ. Saya tidak tahu sama ada Senator ada peruntukan atau tidak tetapi kalau ada... *[Disampuk]* Kalau ada, boleh salurkan juga dan membantu kita. Oleh kerana kumpulan sasar untuk kementerian kita memang terlalu besar. Kita ada lebih daripada 1,600 NGO yang memohon RM22 juta peruntukan daripada kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**4. Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Perdana Menteri menyatakan, dengan pelbagai fitnah yang dilemparkan kepada kerajaan dan Menteri Kabinet ketika ini, adakah kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk mewujudkan Akta Antiberita Tidak Benar yang bersifat lebih adil dan lengkap.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Antiberita Tidak Benar ini masih wujud lagi sebab baru-baru ini Dewan ini telah pun menolak. Jadi, kita kena tunggu setahun kalau hendak buat pemansuhan itu. Jadi, buat masa ini akta masih wujud tetapi tidak ada apa-apa pendakwaan dibuat di bawah akta ini. Tentang soalan Yang Berhormat, adakah kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk mewujudkan Akta Antiberita Tidak Benar yang bersifat lebih adil dan lengkap?



Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini belum ada apa-apa keputusan dibuat oleh pihak kerajaan untuk sama ada hendak wujudkan semula akta yang bersifat lebih adil dan lengkap. Ini kerana kita memikirkan bahawa buat masa ini, kita mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk, dengan izin, *deal with fake news*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, kerana hari ini merupakan Mesyuarat akhir bagi saya untuk sesi ini sebelum tamat Oktober, sama dengan Puan Bathmavathi Krishnan.

Oleh kerana Yang Maha Mulia daripada Aceh ada di Dewan ini. Jadi saya hendak bagi pantunlah untuk soalan nombor lima ini.

■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:**

*Buah kedondong buah delima;  
Sedap dimakan bersama-sama;  
Mesyuarat ini mesyuarat terakhir saya;  
Saya kemukakan soalan nombor lima... [Tepuk]*

5. **Datuk Haji Abidullah bin Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian akan menggabungkan dua agensi di bawah kementerian iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Apakah pelan jangka panjang dan bagaimana ITBM tetap boleh beroperasi sebagai institusi yang mengendalikan penterjemahan terunggul di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga kini masih belum terdapat cadangan untuk menggabungkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Walau bagaimanapun, penggabungan atau pembubaran agensi akan terus dikaji dari semasa ke semasa dalam usaha memantapkan pengurusan organisasi di kementerian ini. Kewujudan ITBM adalah kekal dan masih relevan bagi memainkan peranan sebagai badan penterjemahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan itu, kedudukan ITBM akan diperkasakan bersama-sama agensi lain yang berada di bawah penyeliaan kementerian ini. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab. Ini kerana soalan kawan saya ini yang sama bekerja di ITBM. Jadi, soalan tambahan saya, apakah perkembangan terkini dan program-program yang dijalankan oleh kementerian untuk menambah baik dan meningkatkan kemahiran penterjemah, penyunting, jurubahasa dan profesional bahasa yang berkaitan untuk memenuhi keperluan negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Program-program untuk memperkasakan.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Memang salah satu fungsi ITBM adalah untuk menyediakan penterjemah dan juga menyediakan latihan kepada jurubahasa kita. Jadi, ini memang merupakan salah satu fungsi di bawah ITBM, di mana mereka akan menganjurkan kursus-kursus supaya orang-orang yang minat, boleh menyertai dalam kursus tersebut untuk *upskilling* mereka. Jadi, ini memang salah satu fungsi ITBM. Oleh sebab itu, kita memang rasa fungsi ITBM ini perlu dikekalkan. Oleh sebab itu, kewujudan ITBM masih relevan. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas, 24 Julai Timbalan Menteri sudah jawab dan memberi jaminan untuk membantu ITBM. Soalan saya ialah adakah Kementerian sedia untuk membenarkan ITBM menjual buku-buku ITBM yang baharu dan yang sudah siap dicetak akan tetapi masih berada dalam stor ITBM? Saya difahamkan kebanyakan perpustakaan-perpustakaan sekolah masih kekurangan buku sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya kita memang tidak ada halangan untuk ITBM menjual buku-buku mereka dan sebenarnya kita memang menggalakkan mereka untuk menjualkan. Oleh kerana stok sedia ada memang banyak lagi. Saya percaya ITBM juga mengadakan pelbagai usaha untuk menjualkan buku-buku mereka seperti mereka telah menyertai dalam Pesta Buku Antarabangsa, mereka telah mengadakan pakej untuk Ahli-ahli Parlimen.

Di mana Ahli-ahli Parlimen boleh memberi sumbangan supaya buku-buku itu mereka beli daripada ITBM dan ITBM akan hantar buku itu pergi ke perpustakaan kawasan mereka ataupun di sekolah mereka. Pada masa yang sama, kita juga ada pakej satu demi satu, maknanya kalau ada pihak agensi kerajaan yang membeli buku daripada ITBM, mereka akan dapat buku percuma yang datang daripada KPM. Ini semua usaha kita untuk membantu ITBM untuk menjualkan hasil buku mereka supaya ini akan menjadi *income* kepada ITBM. Jadi, ini jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**6. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kuota haji 2019, dan berapakah kuota haji tambahan yang dipohon dan diluluskan pada tahun 2019.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih juga Yang Berhormat Senator Datin Rahimah yang telah bertanya soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 peratus daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *United Nations World Population Prospect*. Justeru itu, kuota rasmi Jemaah Haji Malaysia bagi musim 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi adalah seramai 30,200 orang.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat jua, tahun ini kerajaan telah memohon kuota tambahan bagi jemaah haji negara ini daripada Kerajaan Arab Saudi seperti biasa berlaku tiap-tiap tahun. Namun, kelulusan jumlah kuota tambahan adalah tertakluk atas pertimbangan dan kuasa mutlak Raja Arab Saudi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan telah pun menerima kuota tambahan tersebut. Namun, sebagai syarat kelulusan kuota tambahan, Kerajaan Arab Saudi meminta supaya jumlah kuota tambahan yang diperolehi tidak dihebahkan melalui apa-apa jua medium dan tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu jelas sekali.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah perancangan dibuat oleh kerajaan dan Tabung Haji agar tempoh menunggu giliran untuk mengerjakan haji ini dipendekkan serta keutamaan secara kuota khas diberi kepada warga emas yang belum menjejak kaki ke Mekah? Maksud saya, mereka yang pertama kali melakukan ibadat haji ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Ada dua soalan.

Pertama, berkenaan dengan memendekkan tempoh menunggu, dan yang kedua, berkenaan dengan warga emas.

Berkenaan dengan tempoh menunggu, buat makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada bulan ini tempoh menunggu ialah 120 tahun. Kalau kita mendaftar haji pada bulan ini, 120 tahun ya. Kalau bulan lepas, 117 tahun. Jadi, memang kita nampak bahawa tempoh menunggu ini begitu lama. Namun, sebab itulah kuota khas itu yang dari 0.1 peratus daripada populasi kita tidak boleh buat apa sebab ia ialah satu kuota yang *fixed* ya, berpandukan kepada populasi. Maka, kita hanya berharap kepada kuota tambahan.

Kita harus berusaha untuk mendapatkan kuota tambahan ini awal supaya kita boleh *clear the backlog*. Oleh kerana kuota tambahan ini kuasa mutlak Kerajaan Arab Saudi, maka amat penting kita berusaha sedaya mungkin untuk memendekkan, mencepatkan dapat kuota tambahan ini dan untuk menggunakan untuk *clear the backlog* kita dari segi tempoh menunggu.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Ada dua cara, dua inisiatif bagaimana kita membantu warga emas. Pertama, berkenaan dengan- saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini berkenaan dengan wujudnya Tabung Warga Tua. Tabung Warga Tua ini ditubuhkan di bawah Kumpulan Wang Lembaga Tabung Haji pada tahun 1999 bertujuan untuk membiayai sebahagian dari jumlah bayaran haji warga tua yang telah terpilih menunaikan haji tetapi terpaksa menolak tawaran kerana kesulitan kewangan. Sumber utama dana Tabung Warga Tua ini adalah melalui sumbangan derma daripada pendeposit Tabung Haji dan lain-lain individu.

Buat makluman Yang Berhormat Senator, bagi tahun 2019, pemilihan melibatkan seramai 50 orang bakal haji warga tua dengan jumlah peruntukan sebanyak RM459,000. Pembiayaan adalah termasuk mencukupkan bayaran haji sebanyak RM9,980 dan sumbangan RM500 untuk setiap jemaah. Jadi, itu inisiatif yang pertama.

#### ■1100

Inisiatif yang kedua pula, buat makluman Ahli Yang Berhormat, ialah setiap tahun apabila Tabung Haji menawarkan 30,200 kuota itu kepada bakal-bakal jemaah haji, akan terdapat keadaan di mana ada jemaah yang akan menolak tawaran tersebut di atas alasan kesihatan mungkin, ada yang sakit, ada yang menjaga keluarga yang sakit, ada yang dalam keadaan edah dan sebagainya. Jadi, selalunya rayuan daripada warga emas, rayuan mahram, rayuan pengiring warga emas akan diberikan keutamaan di dalam mengisi kuota yang ditolak tadi. Jadi, ini juga membantu di dalam rayuan daripada warga emas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tahu, soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi ialah supaya memberi kelebihan kepada warga emas. Bermakna, bukan sahaja dari segi tabung ataupun kepada orang yang tidak mahu mengambil tempat tetapi ada atau tidak dasar itu boleh tukar bila orang yang hendak pergi menunaikan haji itu, yang tua kita bagi, orang yang muda itu belakang?

**Puan Fuziah binti Salleh:** Setakat ini, dasar itu belum dilaksanakan. Setakat ini sedang dikaji bagaimana kita hendak mengurangkan tempoh menunggu. Antara perkara yang dilaksanakan ialah untuk menghentikan pendaftaran haji kali kedua. Jadi, itu boleh juga memendekkan tempoh menunggu.

Akan tetapi, untuk warga emas memotong *queue* untuk dibawa ke hadapan, yang itu belum lagi diletakkan sebagai dasar dalam Tabung Haji. Namun, boleh kita kaji sebagai salah satu daripada dasar-dasar ke hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Tuan Haji.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin bertanya tentang adakah di sana visa ataupun kuota kehormat yang diberikan kepada Menteri ataupun Perdana Menteri ataupun sebagainya, di mana saya difahamkan ada kuota ini ataupun visa ini tidak digunakan? Apakah perkara ini boleh kita manfaatkan kepada rakyat yang begitu lama menunggu tadi? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Sebenarnya, kuota khas ini yang kita katakan mengikut populasi tadi, ia tidak boleh ditambah, ia tetap dan tidak ada kuota khas atau kuota kehormat yang diberikan kepada Tabung Haji. Sekiranya ada kuota khas, kuota lain kepada Menteri-menteri, itu kita panggil kuota Furada. Maksudnya Menteri boleh memohon kepada Kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan kuota Furada.

Kuota Furada ini tidak ada kena-mengena dengan Tabung Haji dan dia tidak ada kena-mengena dengan pengurusan jemaah di bawah Tabung Haji. Ia asing dan ia tidak kacau kuota. Tabung Haji tidak ada kena-mengena, tidak terlibat di dalam pengagihan kuota tersebut dan penggunaan kuota tersebut. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak. Silakan... *[Ketawa]*

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *Ladies first,* Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin duduklah *[Ketawa]* Silakan, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maklumlah ini pun persidangan terakhir saya pada hari ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa kuota yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi adalah 0.1 peratus dan biasanya akan ada kuota tambahan lebih kurang 20 ribu ke 30 ribu, kebiasaan yang saya dimaklumkan.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kerajaan hendak memastikan keselesaan jemaah haji terutamanya apabila berlakunya kuota tambahan? Ini disebabkan contohnya di Muzdalifah ataupun di Mina yang mana kawasannya, itulah dia, terhad. Maknanya dia tidak boleh tambah khemah melebihi kawasan sebab itu memang dari segi hukum, dari segi ibadahnya, memang itu kawasannya.

Maka, apabila ditambahnya kuota- khususnya di Mina, khemah-khemah yang disediakan adalah untuk 0.1 peratus itu. Akan tetapi apabila kita ada penambahan 30 ribu ke 40 ribu, maka kemungkinan khemah-khemah yang ada itu tidak mencukupi dan akhirnya akan menjejaskan keselesaan dan juga kebajikan jemaah-jemaah yang ada. Maka saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kerajaan hendak memastikan apabila ada penambahan kuota ini, ia turut memberi keselesaan kepada jemaah yang pergi? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari segi penempatan. Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Berkenaan dengan kuota tambahan, tadi saya maklumkan bahawa kuota tambahan ini ialah tertakluk atas pertimbangan dan kuasa mutlak Raja Arab Saudi. Ia juga tertakluk kepada waktu ia dikeluarkan. Kalau ia dikeluarkan awal, maka kita ada peluang, Tabung Haji ada peluang untuk menyusun lebih awal untuk memastikan keselesaan jemaah haji, untuk memastikan logistik dan juga memastikan penerbangan, tempat tinggal serta juga untuk menguruskan kawasan di Mina serta di Arafah.

Jadi, ini kita sedia akui bahawa ini satu perkara yang harus kita ada *balance*, di mana kita hendak memastikan bahawa jemaah haji itu kita jaga dengan baik supaya tidak terlalu berhimpit dalam kawasan yang kecil, kawasan yang telah disediakan. Sekiranya wujud keadaan di mana kuota tambahan ini kita peroleh awal, contohnya sebulan atau dua bulan sebelum Ramadhan, ada masa untuk menambah ruang dan menyusun semula keadaan di Mina dan di Arafah. Saya harap jawapan itu memenuhi soalan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak. Yang Berhormat Senator Datuk Abbas kata, "*Sebagai Presiden, dapat*". Tidak dapat. Dia bukan kerana Presiden, fasal orang *last*. Hari ini hari terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, soalan tambahan [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya pun hari terakhir juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak lama lagi saya pun hari terakhir juga [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Bila sebaris inilah hampir-hampir hendak habis.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan sebab ini *viral* dalam *Facebook*, dalam *WhatsApp* dan sebagainya bahawa 10 ribu yang diberikan kuota tambahan ini, Tabung Haji menggunakannya untuk bagi kepada orang yang masuk pakej sahaja. Apakah benar atau tidak? Sebab pakej ini bayar mahal.

Jadi kalau dapat 10 ribu tambahan tetapi kita bagi kepada pakej ini, pakej ini kebanyakannya yang sudah pergi 15 kali atau 20 kali. Ini yang kaya-raya ini. Jadi, itu tidak baiklah bagi rakyat jelata yang sedang *queue* panjang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Berkenaan dengan pakej untuk kuota tambahan. Sekali lagi saya ulang, kita memang hendak menjaga keselesaan jemaah haji. Jadi, apabila kuota tambahan ini sebaik-baiknya kita dapat kuota tambahan ini, dasar yang sebaik-baiknya untuk kita gunakan kuota tambahan ini ialah untuk *clear backlog*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *clear backlog*.

Akan tetapi, ada ketika, apabila kuota tambahan ini datang lewat- ini mengikut sejarah ya, mengikut sejarah. Apabila ia datang lewat, kita berhadapan dengan masalah logistik di mana kita mungkin tidak dapat men-*charter* penerbangan, kita tidak dapat hendak menguruskan penempatan untuk jemaah haji sebab waktu haji, keadaan rumah-rumah haji ini begitu penuh dan *high demand*. Jadi mungkin kalau *last minute*, kita tidak dapat hendak menguruskan penempatan-penempatan dengan kos yang muassasah.

Jadi ada ketika- saya bukan bercakap tentang tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Ada ketika sebelum ini, daripada kita rugi kuota itu, mungkin terpaksa diberikan kepada syarikat-syarikat yang mungkin telah mengambil risiko mereka sendiri dengan *booking* bilik-bilik ya, *booking* bilik-bilik yang mahal, yang membolehkan mereka membawa pakej.

■1110

Akan tetapi kalau kita hendak memastikan kita *clear backlog* dan ini adalah hasrat kerajaan pada hari ini untuk *clear backlog*, memendekkan tempoh menunggu. Maka, antara faktor-faktor kritikal ialah mendapatkan kuota tambahan ini awal. Kalau mendapatkan kuota tambahan ini awal, boleh kita uruskan dari segi logistik, boleh kita uruskan dari segi penempatan, boleh kita uruskan daripada tempat tinggal di Mina, di Arafah, sewaktu *masya'ir* dan sebagainya.

Jadi, itulah faktor-faktor yang menjadi kekangan kepada kerajaan Tabung Haji dalam menguruskan jemaah haji. Namun, itu bukan polisi yang terbaik. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator, itu bukan dasar yang terbaik kerana dasar yang terbaik ialah untuk *clear backlog*. Akan tetapi ada kalanya daripada rugi, dibenarkan, diberikan kepada pakej-pakej. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kena bagi kepada Presiden Majlis Senator soalan nombor empat walaupun dalam Peraturan Mesyuarat soalan nombor 3.

Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kedatangan delegasi Persatuan Guru Siva Malaysia, dan juga *Asia-Pacific Entrepreneur Associate Chamber of Commerce* ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan dapat memberi manfaat kepada tetamu yang hadir, *in syaa Allah*.

**7. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah jumlah peserta KWSP i-Suri di setiap negeri dan apakah tindakan yang telah dilakukan untuk menambah peserta dari luar bandar yang kurang literasi teknologi terkini.

**Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, program caruman sukarela insentif i-Suri fasa satu telah mula dilancarkan pada 15 Ogos 2018. Kementerian telah meletakkan sasaran pendaftaran seramai 100 ribu orang suri rumah dan wanita bagi tahun ini.

Sehingga 30 Jun tahun ini, jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program i-Suri adalah seramai 109,022 orang. Jumlah ini telah melebihi sasaran kementerian kita. Jumlah keseluruhan setakat ini adalah 109,022 orang dan negeri paling tinggi yang telah mendaftar i-Suri adalah negeri Kelantan nombor satu dengan jumlah pendaftaran sebanyak 20,213 orang.

Keduanya adalah negeri Sarawak 18,364 orang dan negeri ketiga adalah negeri Terengganu sebanyak 17,731 orang. Bagi menggalakkan pendaftaran i-Suri dalam kalangan wanita dan suri rumah yang memenuhi kriteria kelayakan, kementerian melalui agensi pelaksana iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama rakan strategik seperti Amanah Ikhtiar Malaysia masih menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif *mobile team* dan siaran media.

Inisiatif mempromosikan i-Suri melalui program *outreach* oleh JKM dan Amanah Ikhtiar Malaysia di lihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasar. Usaha menggiatkan pendaftaran ini perlulah dilaksanakan secara bersama dan berterusan oleh pelbagai pihak termasuklah penglibatan komuniti setempat dan juga Ahli Parlimen terutamanya peserta yang berdaftar dengan eKasih dan diperolehi melalui proses verifikasi, dengan izin, di lapangan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih, tetapi sebelum pada itu saya ingin- sebelum saya meneruskan soalan saya, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah dan pengiktirafan sempena 31 Julai ini Hari Pahlawan kepada semua yang telah berjasa kepada negara termasuk Angkatan Tentera Malaysia dan juga polis.

Ucapan ini juga kepada mereka yang telah awal memberikan sumbangan kepada negara kita seperti Haji Abdul Rahman Limbong, Mat Kilau, Tok Janggut dan juga daripada kepimpinan PAS dan sebagai insan ini saya- pertama patut kita ucapkan terima kasih kepada mereka, *in syaa Allah*.

Jadi, tentang soalan saya ialah soalan saya seterusnya bagaimana pihak kementerian untuk melipat gandakan kepada mereka yang berada di kampung-kampung dan sejauh mana juga pelaksanaan RM200 kepada setiap peserta dapat dilaksanakan? Saya juga ingin bertanya tentang tempat caruman seperti di kaunter panel MBB, PBB, BSN dan RHB, ini sahaja kaunter yang telah disediakan. Jadi, bagi penduduk luar bandar, adakah kerajaan ada bercadang untuk mewujudkan mesin seperti ATM dan sebagainya bagi memudahkan mereka membuat caruman? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih. Kebanyakan soalan tambahan tersebut saya telah pun jawab bahawa kita turun dengan *mobile team* kita. Kalau kita melihat data yang telah saya bacakan, tiga-tiga negeri ini ada banyak kawasan luar bandar dan tiga negeri ini mencatatkan pendaftaran paling tinggi. Ini merupakan satu usaha cemerlang oleh *mobile team* kita, di mana mereka giat turun negeri Kelantan paling tinggi, diikuti dengan negeri Sarawak dan Terengganu. Mereka pergi ke kawasan dan mereka pergi daftarkan dengan golongan ini. Malah, kalau kita lihat Kerajaan Negeri Terengganu sendiri membuat caruman bagi pihak sesetengah wanita ini dan mereka merekodkan 61 peratus pendaftaran i-Suri.

Jadi, kita galakkan semua pihak termasuk kerajaan negeri untuk membantu. Cuma, mesej kepada golongan ini, kita kena ambil masa untuk jelaskan. Ini kerana bukan satu program kebajikan di mana kita bagi duit percuma. Ini melibatkan caruman daripada peserta. Bermaksud, peserta wanita itu kena carum RM5 sebulan, baru kerajaan akan *top up* RM40 sebagai simpanan. Duit ini mereka tidak boleh keluarkan, untuk simpanan. Jadi, ada ramai yang keliru kenapa kita perlu bagi duit kepada kerajaan, bagi duit kepada kita. Jadi mesej ini memerlukan banyak masa untuk turun ke padang, jelaskan kepada mereka.

Soalan mengenai bank, yang itu mesyuarat penyelarasan masih berjalan bagaimana kita boleh memperbaiki lagi. Buat masa ini, caruman hanya boleh dibuat di Pejabat KWSP ataupun Bank Simpanan Nasional (BSN). Kita akan terus berbincang dengan agensi-agensy yang terlibat terutamanya KWSP untuk kita memudahkan lebih ramai lagi peserta wanita untuk turut terlibat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KWSP di negeri Kelantan dan juga agensi-agensy yang terlibat seperti kerajaan negeri kerana mereka memang paling efektif dan bersungguh-sungguh dalam memperkenalkan i-Suri di Kelantan.

Selain daripada itu, bagi saya peruntukan untuk kita mengangkat kerjaya suri rumah dan menjaga kebajikan suri rumah ini adalah suatu peruntukan yang berbaloi untuk negara. Ini kerana sekurang-kurangnya kita dapat *save* dua kos. Pertamanya iaitu kos pembangunan sumber manusia. Apabila kerjaya suri rumah ini dikukuhkan, maka banyakkah bajet untuk kita membangunkan sumber manusia yang produktif dapat dikurangkan.

Keduanya, kos untuk menangani gejala sosial. Ini sebab, kalau di barat mereka kira berapakah kos yang harus dikeluarkan untuk menangani gejala sosial. Jadi, soalan saya apakah langkah-langkah lain selain daripada menambah peruntukan i-Suri untuk memastikan kerjaya sebagai suri rumah ini, macam kita pun suri rumah juga walaupun ada kerjaya lain, diperkukuhkan dan pembangunan kerjaya ini di mantapkan terutamanya dimasukkan dalam Belanjawan Negara secara efektif agar kos-kos lain itu dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama adalah tadi Yang Berhormat Senator ada mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, tetapi tidak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan yang baharu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk semua.

**Puan Hannah Yeoh:** Ya lah. Ini adalah Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dan kita turun dan tidak membelakangkan kerajaan negeri pembangkang. *Top three states*, dengan izin, adalah kerajaan negeri pembangkang kita usahakan untuk berikan manfaat kepada suri rumah.

**Puan Asmak binti Husin:** Minta maaf Timbalan Menteri, lupa hendak sebut tadi. Akan tetapi dan agensi tadi termasuk Persekutuan. Cuma saya hendak bagi deklarasi sedikit, sebenarnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Puan Asmak binti Husin:** Perancangan KWSP ini dia bermula daripada Pakatan Rakyat dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Keduanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila soalan sudah tanya, bila Menteri jawab itu, Menteri jawablah. Kalau kekeliruan, baru bangun. Kalau hendak minta yang fasal tak berterima kasih itu- itu, dengan izin, *if politeness* sahaja.

#### ■1120

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keduanya adalah usaha kita menjaga golongan suri rumah ini, apa lagi usaha yang kita akan lakukan. Seperti yang telah dijawab banyak kali adalah geran untuk membina lebih banyak taska di tempat kerja. Ini kerana *target* kita sekarang adalah untuk membolehkan golongan suri rumah yang hendak bekerja, *career comeback*, mereka boleh dengan senang keluar pergi bekerja tanpa merasa khuatir siapa yang akan menjaga anak mereka.

Jadi tahun ini sahaja kementerian ini telah menerima geran RM10 juta dan kita telah membina 66 buah taska baru di tempat kerja di banyak agensi kerajaan. Daripada 66 buah taska ini, 18 buah taska daripada taska ini dibina di hospital kerajaan untuk membolehkan jururawat terus bekerja dan juga golongan cikgu dan anggota polis wanita semua juga mendapat perhatian kalau mereka hendak balik ke tempat kerja.

Ketiganya adalah usaha yang boleh dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa di mana kementerian mereka sedang mencari jalan melalui perundangan untuk mewajibkan golongan suami menjaga golongan isteri. Kita lihat tanggungjawab untuk menjaga suri rumah ini terletak di bawah bahu suami. Kalau kita semuanya kena dijalankan oleh kerajaan, suami akan cuci tangan dan melepaskan tanggungjawab. Jadi, kita minta semua pihaklah, tidak kira kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan terutamanya suami sendiri kena mengambil berat, jaga dan memberikan pengiktirafan kepada golongan suri rumah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

*Barisan Nasional, Pakatan Harapan,  
Soalan saya nombor lapan.*



**8. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, bilangan kes-kes memperdayakan dan penipuan pakej pelancongan dan umrah yang direkodkan sehingga Jun 2019 dan sejauh manakah tindakan yang diambil ke atas syarikat agensi pelancongan haram.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan statistik pihak kementerian dari tahun 2017 hingga Jun 2019, jumlah kompaun keseluruhan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM2,439,725 yang melibatkan lebih 5,000 kes dan merangkumi pelbagai kesalahan. Manakala bagi kes berkaitan umrah dari tahun 2012 hingga Jun 2019 pula, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM668,500 yang melibatkan 115 kes ke atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

Selain daripada itu, secara keseluruhannya bagi tahun 2018 sehingga Jun 2019, sebanyak 13 syarikat telah dibatalkan lesen manakala satu syarikat telah digantung lesen perniagaannya. Bagi kes umrah pula, dari tahun 2009 hingga Jun 2019 sebanyak 12 buah syarikat yang telah dibatalkan lesen pengendalian pelancongan dan satu syarikat telah ditarik lesen dalam bidang *outbound*.

Kementerian ini memandang serius syarikat-syarikat pelancongan yang beroperasi secara haram. Oleh yang demikian, mana-mana yang syarikat yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen telah melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] di mana apabila disabitkan dengan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau di penjara selama tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana agensi pelancongan yang berlesen dengan kementerian untuk berurusan atau menjalin perhubungan perniagaan dengan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan pelancongan yang tidak dillesenkan oleh kementerian ini. Jika disabitkan dengan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau di penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kebanyakan kes penipuan berkaitan dengan pakej pelancongan juga melibatkan kes-kes penawaran bilik-bilik atau kemudahan yang ditempah melalui aplikasi *android* atau *smartphone* yang tidak setara dengan paparan iklan dan harga yang ditawarkan semasa membuat tempahan.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bagaimana kerajaan mengawal selia pengiklanan bagi tempahan bilik atau kemudahan pelancongan yang berada dalam aplikasi digital serta sejauh mana kerangka perundangan kementerian disepadukan penguat kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Saya jelaskan di sini bahawa terdapat dua jenis bentuk penipuan. Satu, pakej yang diada-adakan iaitu penipuan secara terang-terangan.

Kedua adalah servis yang tidak dijanjikan seperti apabila pergi ke sana sepatutnya tinggal di hotel lima bintang, tapi duduk hotel bawah jambatan ataupun hotel satu bintang. Jadi, dua jenis bentuk penipuan ini dan macam penipuan terang-terangan macam satu pakej yang tidak diadakan ini adalah seperti kes di Terengganu baru ini di mana 300 guru-guru ditipu dengan pakej di mana dia janjikan cuma RM3,000 padahal syarikat itu tidak berlesen. Jadi, membuatkan penipuan secara terang-terangan. Cara penipuan itu dia dapat surat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan sebagainya.

Jadi, saya di sini ingin menasihatkan kita pun telah mengambil beberapa langkah untuk memberi penerangan ataupun *awareness* kepada mereka yang hendak pergi umrah iaitu kempen kesedaran dan hebahan awam berkenaan mengelakkan penipuan iaitu hendaklah berurusan dengan agensi-agensi umrah yang berlesen dan bukan individu. Setengah itu ada individu-individu yang menawarkan pakej. Jadi, kita kena berurusan hanya dengan agensi umrah yang berlesen.

Keduanya, hendaklah menyemak pakej yang hendak dibeli itu khususnya di bawah harga RM4,900. Kalau harga bawah RM4,900 kena berhati-hati kerana tidak ada pakej umrah yang di bawah RM4,900, okey.

Ketiga, tidak terpedaya dengan tawaran pakej umrah tajaan pihak-pihak yang diragui. Macam tadi itu, satu syarikat dan satu yayasan yang tidak pernah mengadakan pakej umrah tetapi tiba-tiba yayasan itu mengadakan pakej umrah.

Apabila Yang Berhormat Senator sebenarnya bertanya tentang digital ini, ini dinamakan DIY di mana dia hendak buat sendiri, pergi umrah dengan cara sendiri, beli visa daripada syarikat-syarikat, *booked* hotel sendiri dan *booked* penerbangan sendiri tetapi sampai sana kadang-kadang kalau ada masalah, tersangkut, dia akan cari pihak kita juga. Jadi, banyak yang dipanggil DIY, pakej DIY ini. Jadi pihak kementerian ini tidak mengiktiraf mana-mana individu yang hendak pergi menjalankan umrah dengan cara DIY ini.

Jadi saya hendak memberi nasihat kepada mereka-mereka di luar yang hendak pergi umrah, hendaklah kita semak dengan web ataupun laman rasmi pihak kementerian, syarikat-syarikat mana yang didaftarkan untuk menjalankan dan mengendalikan umrah. Hendaklah semak balik dengan kita. Jadi, kita juga banyak membuat strategik *partnership* ataupun kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian dan masjid-masjid, kita buat penerangan bagaimana untuk mengelak kes-kes penipuan umrah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua Terengganu kah?

**Datuk Razali bin Idris:** Satu saja Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey. Yang sana itu Perlis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, Perlis.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya ada soalan yang spesifik tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab sedikit tentang penipuan umrah di negeri Terengganu. Jadi soalan saya yang paling mustahak.

#### ■1130

Apakah tindakan sekarang terhadap syarikat tersebut yang memang popular di Terengganu bab-bab penipuan umrah, ziarah kepada kakitangan Pejabat Pendidikan termasuk guru-guru? Ini penting. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Khusus kepada Pejabat Pendidikan Terengganu dan secara am tindakan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih. Ya, saya ada sebut fasal kes di Terengganu yang mana melibatkan satu yayasan dinamakan Yayasan Bakti Negara Terengganu (YBNT) yang membabitkan kerugian lebih RM4 juta kepada lebih 300 guru pada tahun 2016 kerana suspek utama sebelum ini dia meloloskan diri, tidak dapat dikesan.

Baru-baru ini, polis telah berjaya menangkapnya. Saya rasa pada awal Julai baru-baru ini, polis berjaya menangkap suspek utama ini. Polis sedang menjalankan siasatan, dakwaan. Dia akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan dan MOTAC sendiri, pihak kementerian sendiri akan buka semula kertas pendakwaan di bawah Akta 482 ini.

Jadi, kes ini di bawah perhatian polis kerana ia melibatkan penipuan dan pihak MOTAC cuma melihat dari segi lesen ataupun tidak ada lesen menjalankan perniagaan umrah. Itu secara spesifiknya tentang kes di Terengganu itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Boleh tambah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada saya. Cumanya, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas kesungguhan untuk mengatasi masalah pakej-pakej terutamanya penipuan.

Cuma, soalan saya, saya hendak tanya, berapakah jumlah pakej ataupun setakat ini tindakan yang kementerian ambil? Maksudnya dari segi bilangan syarikat-syarikat yang telah mengadakan ataupun yang telah membuat penipuan ini. Oleh sebab kalau kita tengok sekarang ini kalau ada orang-orang kita ini kalau kata syarikat itu murah terutamanya yang hendak pergi umrah itu, dia berminat sangat walaupun dia tidak tahu kesan yang akan timbul di sebaliknya.

Cuma, saya hendak tanya dari segi jumlah hukuman yang dikenakan atau penalti yang dikenakan oleh pihak kementerian. Apalagi kita hendak berhadapan dengan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2020. Jadi, harap kementerian ambil beratlah dalam soal ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi jawapan ini sama juga. Silakan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Saya rasa Tahun Melawat Malaysia tidak melibatkan umrah sebab umrah ia *outbound*, ia luar Malaysia. Tahun Melawat Malaysia datang ke Malaysia. Jadi, tidak relevanlah kalau dikatakan Tahun Melawat Malaysia.

Sebenarnya kita telah pun membatalkan lesen-lesen syarikat-syarikat umrah yang didapati bersalah. Saya sebut tadi 13 buah syarikat yang kita telah pun batalkan lesen. Saya sebut satu-satulah untuk perhatian Dewan iaitu:

- (i) Warith NY Travel & Tours;
- (ii) Tijaratun Nur Travel & Tours;
- (iii) Qaisar Travel & Tours;
- (iv) Permata El-Nur Travel & Tours;
- (v) Hijjaz Legend Travel & Tours;
- (vi) J & J Mesra Travel & Tours;
- (vii) Seven Seas Travel & Tours;
- (viii) Yadh Travel & Tours Sdn Berhad;
- (ix) ANF Holidays Sdn Berhad;
- (x) Madain Al-Taqwa Travel & Tours Sdn Berhad;
- (xi) Irna Yakin Travel & Tours;
- (xii) Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn. Berhad yang dilarang menjalankan *outbound*; dan
- (xiii) Ukhwah Firdausi Travel Sdn. Berhad.

Syarikat ini semua kita letakkan dalam laman web rasmi MOTAC dan boleh kita semak jika salah satu syarikat ini juga mengendalikan umrah-umrah yang ditawarkan. Jadi, saya bagi pihak kementerian, memang kita sedang meneliti. Ada kes-kes yang melibatkan lesen disalahgunakan dan sebagainya, kita akan ambil tindakan seperti inilah. Jadi, saya menjawablah Yang Berhormat Senator tadi. Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah jumpa. Saya ingin merujuk kepada Peraturan 22(5). Izinkan saya baca Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** “Setiasaha adalah diberi kuasa menyunting pertanyaan-pertanyaan yang dihantarkan.” Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah kemukakan beberapa soalan khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi soalan-soalan tersebut telah dilencongkan ke Kementerian Pengangkutan, ke Kementerian Pertahanan. Adakah itu yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak datang menjawab soalan itu?

Ini kerana saya *quote* ataupun petik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjawab soalan di *Malaysiakini*. “*Bukan salah saya. Saya tidak ke Parlimen kerana tiada soalan untuk saya.*” Jadi, adakah itu menyebabkan soalan ini tidak dijawab oleh Perdana Menteri? Mohon pencerahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan soalan, kadang-kadang soalan itu terlalu panjang. So, Setiasaha Dewan menyunting soalan-soalan tersebut. Akan tetapi, untuk memastikan siapa yang akan menjawab soalan-soalan tersebut, itu termaktub kepada soalan dia.

Ini bermakna banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ini ingat bahawa soalan itu ditujukan kepada suatu kementerian kerana pada pendapat Ahli Yang Berhormat, soalan itu di bawah kementerian tersebut. Akan tetapi apabila Setiasaha Dewan memanggil ataupun mengadakan mesyuarat dengan kementerian-kementerian tersebut, mereka mendapati bahawa soalan itu bukan soalan berkenaan dengan kementerian yang telah ditujukan oleh Ahli Yang Berhormat.

So, kerana itu soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat itu tidak semestinya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang terbabit. Perkara yang dibangkitkan dalam soalan ditujukan kepada kementerian tersebut. Walaupun soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak keluar untuk dijawab pada sesi soal jawab lisan tetapi soalan itu dijawab secara bertulis.

So, apabila Ahli Yang Berhormat itu ingat jawapan itu bukan semestinya patut dijawab oleh kementerian tersebut, boleh dibawa kepada perhatian Dewan dan kita akan memastikan bahawa perkara itu tidak berulang.

Akan tetapi, pada pendapat saya, selama tiga tahun selaku Yang di-Pertua Dewan Negara, tidak pernah ada masalah di mana soalan itu ditujukan kepada kementerian salah. Ada juga yang mana ia bertindih kepada dua kementerian dan kita ada pernah menukar soalan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum soalan itu diterbitkan, kita ada mesyuarat dan selepas mesyuarat dengan pegawai-pegawai kerajaan berkenaan dengan kementerian-kementerian tersebut, soalan itu dibawa kepada saya di mana harus dijawab oleh kementerian atau tidak mengenai hal negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Kedua adalah ada tak soalan itu betul-betul boleh dijawab oleh kementerian kerana tidak boleh difahami dan ada soalan yang terlalu panjang dan kena disunting.

So, saya berharap Yang Berhormat ini jangan pula ingat hendak panggil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang jawab kena jawab. Jawab pasal apa? Dia kena ada peluang untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jikalau beliau tidak sibuk dan ini di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, saya pasti dia akan datang menjawab.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.39 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie untuk mengadakan peruntukan bagi penerimaan masuk Peguam Syarie untuk mengawal selia amalan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1140

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:**

*Kalau dicucuk jangan melenting;  
Harimau yang tidur diusik jangan;  
RUU Guaman Syarie amat penting;  
Izinkan saya memulakan cadangan.*

Peguam syarie tidak setaraf dengan peguam bela dan peguam cara. Peguam syarie, peguam kelas kedua. Itulah persepsi yang dilontarkan terhadap peguam syarie, sedangkan peranan yang digalas oleh peguam syarie ini sama besarnya dengan peranan yang digalas oleh peguam bela dan peguam cara. Sebagaimana peguam bela dan peguam cara, peguam syarie bertanggungjawab dalam membantu menegakkan keadilan serta menentang sebarang bentuk kezaliman.

Tugas peguam syarie sebagai pegawai mahkamah, membantu Mahkamah Syariah memberikan keadilan berasaskan syariah dan syariah amat menitikberatkan soal-soal keadilan... *[Berucap dalam bahasa Arab] "Bertaku adillah, sesungguhnya ia hampir dengan sifat orang yang bertakwa".*

Bahkan, keadilan itu mesti disertai dengan kebijaksanaan dan juga kecekapan peguam syarie dalam mengemukakan hujah-hujah dan mengemukakan keterangan-keterangan yang boleh diterima oleh mahkamah yang boleh mempengaruhi keputusan sesuatu kes anak guamannya. Di atas kesedaran inilah selain daripada tanggungjawab menegakkan keadilan dan bagi meletakkan peguam-peguam ini pada tahap profesion mereka yang tinggi, maka sudah tiba masanya kita meletakkan kedudukan peguam syarie agar duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan peguam bela dan peguam cara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar. Tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehat hati sejahtera. Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Menyedari hakikat ini, sudah tiba masanya kita meletakkan kedudukan peguam syarie agar duduk sama rendah dan sama tinggi dan sudah tiba masanya profesion guaman syarie ini diiktiraf sebagai satu kerjaya yang profesional di sisi undang-undang.

Justeru dalam agenda dan komitmen kerajaan hari ini memperkasakan dan menambah baik institusi mahkamah dan perundangan syariah, profesion guaman syarie merupakan salah satu komponen penting yang akan diberikan tumpuan.

Dalam konteks Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 telah digubal bagi menggantikan undang-undang yang terpakai pada masa ini di Wilayah-wilayah Persekutuan iaitu Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993. Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 ini telah digubal melalui kuasa di bawah seksyen 59 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Walau bagaimanapun, ia adalah sangat terhad dan tidak meliputi semua aspek yang berkenaan dengan pentadbiran dan pengawal seliaan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Ahli Dewan, usaha untuk menggubal ini bukanlah baharu dan saya tidak pernah mendabik dada bahawa ia dilakukan oleh saya ataupun pegawai-pegawai saya. Usaha ini telah pun kembali dari masa yang lama iaitu pada tahun 1984. Dalam usaha untuk memartabatkan Mahkamah Syariah dan juga profesion guaman syarie ini, pelbagai liku dan cabaran telah dilalui sehinggalah pada tahun 1995, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah menyambung usaha untuk menggubal undang-undang ini dan telah ditambah baik dari semasa ke semasa lanjutan perbincangan dan libat urus dengan pemegang-pemegang taruh. Rang undang-undang ini juga turut diperjuangkan dan dinanti-nantikan oleh peguam-peguam syarie.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, setelah tahun 1984 usaha ini telah digerakkan, disambung dengan penubuhan satu Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil pada tahun 1995, usaha-usaha ini tidak kesampaian walaupun di pintu Parlimen ataupun Dewan Negara. Usaha yang telah dibuat oleh mereka yang bertungkus-lumus daripada peguam-peguam syarie yang lama, tokoh-tokoh, peguam-peguam, tokoh-tokoh pejuang Mahkamah Syariah seperti Tan Sri Datuk Profesor Ahmad Ibrahim, seperti sekarang masih ada lagi iaitu Tan Sri Mohd Razali dan rakan-rakan lain yang bertungkus-lumus bagi memastikan Mahkamah Syariah dimartabatkan termasuklah peguam-peguam syarie.

Akan tetapi saya tidak pernah hidup zaman itu dan saya tidak tahu kenapa undang-undang ini tidak sampai walaupun di pintu Dewan. Apabila saya mengambil alih, saya melihat ini satu yang cukup baik dan saya telah menggerakkan semula jawatankuasa yang akan menilai balik, menambah baik dan menghidupkan usaha-usaha Akta Profesion Guaman Syarie ini. *Alhamdulillah*, setahun setelah itu kita telah membentangkannya pada 15 Julai yang lalu di Dewan Rakyat. Dibahaskan dengan panjang lebar dan hari ini telah tiba masa untuk kita bahaskan di Dewan Negara bagi menggambarkan bahawa usaha yang panjang ini mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui mesyuaratnya bertarikh 27 Februari 2019. Seterusnya, rang undang-undang ini telah diangkat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah diperkenankan oleh baginda pada 6 April 2019.

Adalah amat penting di sini untuk saya jelaskan bahawa proses yang diperlukan ataupun *due process* untuk undang-undang ini sampai kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan. Dengan kata lain, pihak kami di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama, tidak sama sekali membelakangkan keperluan Yang di-Pertuan Agong dan juga Majlis Agama Islam yang perlu meluluskannya dahulu sebelum diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, barulah perkara itu bukan bawa di Parlimen, barulah perkara itu dibawa ke Majlis Jemaah Menteri dahulu dan kemudian baru dibawa ke parlimen.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan, sepatutnya rang undang-undang ini telah dibentangkan pada sesi yang lalu. Akan tetapi waktu itu, kekangan paling besar ialah kita belum mendapat kelulusan daripada Yang di-Pertuan Agong. Lalu, kertas yang hendak dibentangkan awalnya ke Majlis Jemaah Menteri ditarik balik dengan segera kerana menghormati tata prosedur yang kita pakai dalam mengemukakan apa-apa juga ruang pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan, di mana Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan ketua agama bagi Wilayah Persekutuan dari segi hendak meluluskan apa-apa undang-undang.

Oleh sebab itulah, saya ingin jelaskan di sini bahawa tidak timbul isu yang dibangkitkan bahawa rang undang-undang ini membelakangkan Yang di-Pertuan Agong, mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong kerana semuanya berlaku dengan kesedaran, makluman, pengetahuan yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

#### ■1150

Ini amat penting kerana mungkin nanti perbahasan kita akan berlegar di sekitar kuasa yang ada kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, ingat tarikh yang penting. Majlis Agama Islam Wilayah, 27 Februari 2019 telah bersetuju dengan rang undang-undang yang baharu ini. Manakala kemudian dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda yang kemudiannya setelah meneliti dan membaca serta memahami isi kandungannya dan melihat akan niat baik untuk memastikan peguam-peguam syarie ini dimartabatkan. Maka pada 6 April 2019, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan *paper* ataupun pindaan kepada rang undang-undang yang kita telah putuskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas pertimbangan. Saya mohon kepada Ahli Dewan untuk membuat perkiraan terhadap asas-asas pertimbangan rang undang-undang ini dibuat. Pertama, rang undang-undang ini akan menjadi satu undang-undang khusus yang mentadbir dan mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan. Negeri lain tidak ada, negeri lain tidak ada lagi rang undang-undang ini kerana ia perlu mendapat perkenan daripada Raja-Raja dan Sultan-sultan di negeri masing-masing.

Akan tetapi di peringkat Wilayah Persekutuan, kita telah sediakan satu peruntukan ini bagi kita mengawal profesion guaman syarie ini secara komprehensif. Akhirnya melibatkan isu-isu profesionalisme, tahap kecekapan dan juga pemantauan serta pembelaan bukan sahaja kepada peguam syarie tetapi kepada pelanggan-pelanggan yang mengambil khidmat daripada peguam-peguam syarie ini.

Sebagaimana yang ditekankan sebentar tadi bahawa undang-undang yang diguna pakai bagi mentadbir profesion guaman syarie di Wilayah Persekutuan pada masa ini. Makna sebelum undang-undang ini dikemukakan, yang terpakai untuk mengawalinya apa?

Kaedah-kaedah Peguam Syarie yang duduk di bawah Akta Pentadbiran Islam atau digelar atau dipanggil sebagai Akta 505 Wilayah Persekutuan. Ia duduk di situ dahulu dan ia hanya duduk di bawah Kaedah-kaedah Peguam Syarie sahaja yang sifatnya terlalu terhad. Ia terlalu terhad dan dia tidak meliputi aspek-aspek yang lebih besar seperti profesionalisme, kecekapan, pengawal seliaan dan juga apakah jaminan pelanggan-pelanggan akan lebih terselamat dan dijamin jika berlaku *negligence* ataupun kecuai.

Oleh kerana itu, ia hanya memperuntukkan tentang Jawatankuasa Peguam Syarie sahaja. Kelayakan dan penerimaan masuk peguam syarie serta bahagian tatatertib sahaja. Tiada peruntukan yang berhubung dengan pengawal seliaan, tiada peruntukan yang berhubung dengan etika-etika, tiada seliaan yang berhubung dengan hatta akaun pelanggan dan akaun syarikat yang kadangkala disalahgunakan oleh para peguam syarie ini.

So, semua ini dengan tiada peruntukan ini, kawal seliaan dan sebagainya, disiplin juga tiada peruntukan. Maka, kita memerlukan satu struktur yang lebih jelas. Satu punca kuasa yang lebih mantap. Satu yang lebih tuntas dalam mengawal tahap profesionalisme peguam-peguam syarie kita.

Oleh kerana itu, ia dilihat amat perlu dan kekurangannya amat jelas di dalam peruntukan yang tersedia ada hari ini di bawah seksyen 59 Kaedah-kaedah Peguam Syarie. Di atas keperluan inilah, maka kita memperkenalkan Akta Profesion Guaman Syarie yang akan memberikan lagi satu tahap yang lebih baik, tahap kawal seliaan sama ada daripada segi profesionalisme mahupun daripada segi menjamin kebajikan anak-anak guaman yang mengambil khidmat mereka.

Itu satu perkiraan pertama yang saya mohon Ahli Dewan memahaminya, kenapa Akta Profesion Guaman Syarie ini sangat-sangat diperlukan. Kedua, Kaedah-kaedah Peguam Syarie yang digubal sejak tahun 1993 tersebut juga tidak pernah dipinda atau ditambah baik selepas penggubalan dan penguatkuasaannya. Maknanya, yang di dalam peruntukan yang ada hari ini jika tanpa ada rang undang-undang yang baharu ini tidak pernah pun diperbaiki atau dipinda. Bermakna, dia sudah barangkali *outdated* dengan keperluan yang canggih yang ada pada hari ini.

Justeru itu, rang undang-undang inilah yang akan menggantikan Kaedah-kaedah Peguam Syarie tersebut dan ia telah digubal begitu komprehensif yang mana dalam penggubalan itu kita mengambil kira sepanjang pelaksanaannya sejak 1993, apa kelemahan-kelemahannya yang telah saya sebutkan tadi, apa perubahan-perubahan baru dalam konteks disiplin guaman dan apa perkara-perkara baharu yang diperlukan supaya peguam-peguam syarie kita tidak lagi dilihat sebagai peguam-peguam yang ketinggalan di belakang dalam membawa isu-isu ke mahkamah syariah.

Antara perkara yang akan diperkenalkan - jadi kalau ditanya, "*Kalau begitu, apa yang baharu?*" Apa yang dikatakan rang undang-undang ini menangani permasalahan yang tidak dapat dipenuhi oleh Akta 505 sebelum ini di bawah seksyen 59. Maka ini jawapannya, yang menyebabkan perkara baharu bagi menyambut perkembangan semasa dan juga keperluan para peguam syarie dan pelanggan-pelanggannya iaitu pertama, penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie yang bertanggungjawab.

Antaranya menetapkan kelayakan untuk diterima masuk sebagai peguam syarie dan mengadakan sesuatu kursus dan pengajaran bagi melayakkan seseorang memohon diterima masuk sebagai peguam syarie. Maknanya Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie ini, siapa-siapa yang hendak mengamalkan profesionnya di Wilayah Persekutuan, dia kena lalui satu lembaga kelayakan.

Ini adalah bagi memastikan bahawa peguam-peguam syarie ini benar-benar layak dan benar-benar kompeten untuk membawa kes-kes yang mereka telah diberikan, wakalah untuk bercakap di depan hakim-hakim syarie kita. Di dalam ini juga, lembaga kelayakan ini juga, dibuat pelbagai kursus dan pengajaran bagi melayakkan seseorang memohon diterima masuk sebagai peguam syarie. Maknanya, kita meningkatkan lagi dia punya tahap profesionalisme dia.

Kedua, penubuhan Badan dan Majlis Peguam Syarie. Kita pernah dengan *Bar Council*, Majlis Peguam tetapi kita tidak pernah mendengar Majlis Peguam Syarie yang ada ia punya punca kuasa, yang ada ia punya struktur. Nah, ini peluang yang paling terbaik dalam rang undang-undang baharu yang kita perkenalkan di mana ada satu badan yang kita namakan sebagai Majlis Peguam Syarie.

Pertama kalinya setelah 30 tahun perjuangan. Kami daripada kerajaan yang ada ini amat prihatin untuk melihat Majlis Peguam Syarie ini sama taraf dengan *Bar Council* dalam membawa isu-isu di mahkamah dan sebagainya.

Jadi tidak timbul apa-apa isu yang mengatakan kononnya kita tak ambil berat soal Islam dan sebagainya. Kita melihat ini sebagai *priority*, keutamaan. Kalau orang nak tengok Islam itu ditegakkan, orang nak tengok peguam-peguam Islam yang membawa Undang-undang Syariah untuk dipertahankan. Mana mereka? Maka kita menyatakan, inilah dia lambang kepada komitmen kita bagi meletakkan mahkamah syariah apabila peguam-peguam syarie ini diberi *empowerment* yang begitu besar dengan satu punca kuasa yang berstruktur, maka hakim-hakim syarie juga mesti berada pada tahap yang lebih baik. Itu termasuk dalam pakej kita sebenarnya apabila kita mengasaskan dasar yang kita namakan sebagai 'Dasar Menuju Negara Rahmah'. Maka, salah satu aspek perundangan dan kehakiman ini kita letakkan pada tahap yang lebih profesional.



## ■1200

Penubuhan Badan dan Majlis Peguam Syarie yang bertanggungjawab bagi menjaga kebajikan dan mengawal selia peguam-peguam syarie. Contohnya, mereka juga dikenakan yuran dan levi ke atas peguam syarie mengikut kadar yang ditetapkan. Ada komitmen. Dia bayar dia punya yuran.

Melantik jawatankuasa-jawatankuasa. Dia boleh lantik jawatankuasa-jawatankuasa di dalam hendak mempertingkatkan lagi peguam-peguam syarie ini.

Dia juga bertanggungjawab untuk memajukan, menyediakan kemudahan-kemudahan serta menjaga kepentingan peguam syarie dan kebajikan mereka dan sebagainya. Dulunya terabai, tidak ada satu yang berstruktur untuk melihat keperluan-keperluan yang saya sebutkan tadi. Sudah ada Majlis Peguam Syarie, mungkin antara lain isu yang sering kali dibabitkan dengan peguam-peguam syarie ini dari segi etika, dari segi disiplin. Ramai yang tertipu. Bayar mahal-mahal, kes tidak bawa. Akhirnya, hilang. Hendak tuntutan, apa platform hendak tuntutan, di mana? Tidak ada. Seperti kalau ada *Bar Council* yang dalam peguam bela, peguam cara, ada untuk tempat mengadu dan sebagainya.

Akan tetapi hari ini kita hendak meletakkan- di sebalik kita hendak meningkatkan profesion peguam-peguam, kita juga hendak mengawal kepentingan anak-anak guamannya agar tidak ditipu dengan nama peguam syarie. Orang kita, bila dengar 'syarie' itu, okeylah itu. Tidak akan hendak tipu, peguam syarie.

Akan tetapi, kadangkala yang menyedihkan, banyak dengan nama Islam itulah mereka menipu pelanggan-pelanggan mereka. Hari ini pun ramai orang yang tipu dengan nama Islam, sama sahaja. Hanya sebut Islam, bahawa elok semua, tidak ada yang salah, tidak ada yang apa. Ini juga yang berlaku kepada mereka yang menggunakan nama "peguam syarie" tetapi mereka juga menipu anak guaman mereka. Banyak kes-kes yang kita terima. Akan tetapi, siapa yang hendak *handle* ini?

Maka itulah, kita telah mewujudkan dalam akta ini penubuhan lembaga tatatertib, *disciplinary board* yang bertindak sebagai satu badan eksklusif dalam mengendalikan tindakan tatatertib ke atas peguam syarie. Ada ia boleh ambil tindakan. Ada ia boleh ambil apa-apa tindakan yang boleh sampai tahap tarik balik lesen guaman syarie.

Bagi saya, ini satu yang cukup bagus. Kalau kita bercakap tentang Islam, Tuan Yang di-Pertua, maka Islam lebih-lebih kena letak keadilan itu. Kalau kita bercakap tentang Islam, Tuan Yang di-Pertua, Islam lebih-lebih kena jaga profesionalisme. Itu sebab dalam Islam bila disebut, "*Inallaha ya'muru bil adli*", ia masukkan sekali, "*wal ihsan*". Bukan sahaja adil tetapi ihsan. Kita terjemah ihsan apa? Ihsan buat baik- bukan. Ihsan itu ialah mengikut prosedur-prosedur. Itulah bermaknanya berbuat baik. Kalau berbuat baik tapi langgar prosedur, itu bukan berbuat baik, Tuan Yang di-Pertua. Berbuat baik, maknanya ihsan, ialah berbuat sesuatu dengan mengikut prosedur.

Maka, salah satu prosedur darinya ialah mesti ada satu tatatertib, satu disiplin. Itu sebablah di dalam Islam bila menyebut tentang *al-adlu*, ia akan sebut tentang ihsan yang maknanya memastikan mengikut prosedur-prosedur. Menjaga tatatertib, menjaga perilaku. Sudah kalau dia buat sesuatu yang salah, apa badan yang akan mendakwanya? Apa badan yang akan mengambil tindakan? Maka, kita perkenalkan penubuhan lembaga tatatertib bagi menjaga etika para peguam syarie kita.

Ketiganya, dalam akta ini, keperluan bakal-bakal peguam syarie ini menjalani latihan dalam kamar, *chambering* selama tempoh enam bulan. Dulu tidak ada. Dulu sama ada dia akan di-*interview*, dibual cara ataupun dia akan ambil *exam*. Itu sahaja. Kalau lulus, lulus. Kalau tidak, tidak. Ada sesetengah negeri pula berbeza. Kadang-kadang dia punya *exam* ketat. Kadang-kadang ada sesetengah negeri itu dia hanya *interview* ambil syarat sahaja masuk, begitu. So, apa yang mengawal sebenarnya ini semua?

Maka, kita kata tahap profesionalisme- orang itu mungkin belajar syariah tetapi bila masuk mahkamah, ia bukan tentang hukum. Dia masuk mahkamah, ia juga tentang prosedur. Dia juga tentang kaedah macam mana hendak bawa kes itu. Bukan sekadar dia ada ilmu.

Maka, macam mana peguam cara, peguam bela yang daripada disiplin satu lagi, mereka mesti lalu *chambering* untuk masuk menjadi peguam syarie. Kita memperkenalkan juga yang kita namakan sebagai latihan dalam kamar selama enam bulan. Baru dia layak.

Kemudian untuk jadi satu peguam syarie yang telah pun melalui proses, bukan sekadar tahu ilmu dia apa tetapi dia tahu prosiding, dia tahu macam mana hendak bawa kes, dia tahu macam mana hendak bawa, kemukakan hujah, dia tahu hendak bawa bukti dan sebagainya.

Maka, sebelum itulah, *chambering* ini dalam tempoh enam bulan dirasakan oleh jawatankuasa ini sebagai amat wajar untuk kita kenakan bagi bakal-bakal peguam syarie ini. Ini adalah penting untuk membiasakan diri mereka dengan perundangan substantif dan tatacara yang perlu dipatuhi dalam pengendalian sesuatu kes. Latihan ini pula akan dipantau oleh *master* yang disebut sebagai peguam syarie kanan yang akan jadi dia punya *master*. Dia akan pantau. Kalau istilah kita, ada mursyid, ada pembimbing. Dia boleh tegur, dia boleh bimbing mana yang dia kena *improve*. Selama enam bulan, bayangkan. *Level*, tahap profesionalisme peguam-peguam syarie ini akan sampai kepada satu *level* yang kita harapkan.

Kemudian juga kita ada di dalam akta ini pengawalan seliaan dari sudut etika dan disiplin peguam syarie. Sebagai contoh, macam mana kita hendak jaga mereka, *etiquette* mereka dengan dia punya pelanggan. Kita asingkan akaun firma dan akaun anak guam dan keperluan mendapatkan laporan akauntan bagi tujuan pembaharuan sijil amalan tahunan.

Maknanya, untuk dia hendak *renew yearly*, dia mesti dapat satu perakuan daripada akauntan supaya tidak berlaku di kalangan peguam syarie yang hari ini kadangkala dia letak sekali akaun pelanggan dengan akaun firma. Di situlah banyak berlaku pembohongan. Di situlah banyak berlaku pemalsuan. Di situlah banyak berlaku penipuan. Oleh kerana itu, kita hendak jaga supaya akaun ini diasingkan seperti yang ada di dalam peguam bela dan peguam cara. Kemudian, dia hendak perbaharui, dia kena dapat perakuan daripada satu laporan akauntan daripada konsultan yang diiktiraf. Saya melihat dari sudut pembaharuan ini dengan punca kuasa yang lebih berstruktur. Maka, ia adalah antara elemen yang penting untuk memastikan yang kita sebut dari awal, tahap profesionalisme peguam-peguam syarie ini berada pada tahap yang paling terbaik.

Pada masa ini, pentadbiran dan pengawal seliaan hal ehwal berkaitan dengan profesion guaman adalah terletak di bawah undang-undang yang saya sebutkan tadi iaitu di bawah Wilayah Persekutuan. Oleh kerana itu, kita meletakkan satu *benchmark* yang baharu, satu piawaian yang baharu dengan akta yang baharu ini agar profesion guaman syarie ini terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita memahami bahawa rang undang-undang ini juga adalah penting, setelah mengambil kira segala keperluan-keperluan yang saya sebutkan tadi, rang undang-undang ini juga akan menzahirkan hasrat kerajaan hari ini dalam usaha memperkasa mahkamah syariah. Sebab, orang selalu tanya, kerajaan hari ini buat apa untuk memperkasakan mahkamah syariah. Sebab, ada orang menganggap memperkasakan mahkamah syariah itu hanya dengan RUU 355, habis.

Sebenarnya pemerksaan mahkamah syariah itu lebih luas daripada sekadar meningkatkan denda ataupun penjara ataupun sebatan. Kita tersepit dengan satu yang menganggap kalau hendak mahkamah syariah hendak elok, tingkatkan lagi hukuman. Sedangkan, kita tidak melihat kepada keperluan apa yang kita namakan sebagai *officer of the court* iaitu siapa? Peguam-peguam syarie. Mereka akan masuk mahkamah.

#### ■1210

Kalau mereka diberikan peruntukan hanya RUU 355 tetapi tahap profesionalisme mereka di mana? Tahap mereka ini dipertingkatkan di mana? Apa jadi kalau isu-isu disiplin, etika di mana? Maka kita melihat mempertingkatkan Mahkamah Syariah, mempertingkatkan *officer in court* dahulu iaitu peguam-peguam syarie supaya mereka ini boleh memainkan peranan yang penting *to carry justice*. *The court*, hakim, mungkin dia *decide on justice*. Akan tetapi yang hendak membawa *justice* itu siapa, yang memperjuangkan *justice* itu, hak keadilan itu, yang akan bercakap di dalam kamar-kamar Mahkamah Syariah siapa, kalau bukan peguam-peguam syarie.

Jadi, bagaimana kita mengharapkan hanya hakim-hakim dengan hukuman yang lebih berat, tanpa ada satu peningkatan terhadap peguam-peguam syarie yang merupakan *officer in court*, yang memainkan peranan yang penting dalam membantu mahkamah untuk mengendalikan prosiding yang lebih efisien, membuat keputusan yang lebih adil, membuat keputusan yang lebih saksama.

*Officer in court* ini membantu hakim sebenarnya. Bukan sekadar hendak bubuh hukum, bagi hukuman tinggi selesai masalah, bukan. Ia adalah soal *justice*. Ia adalah soal keadilan. Ia adalah soal hendak memberikan yang terbaik. Maka siapa yang akan meletakkan *the judges on their toes*? Siapa yang akan meletakkan *the judges before they make any judgement*, dengan izin. Inilah peguam-peguamnya yang akan bercakap, yang akan berhujah, yang akan memastikan prosedur itu lebih efisien.

Maka oleh sebab itulah kita menganggap bahawa RUU ini adalah untuk melahirkan kompetensi peguam syarie yang digarap dan ditambah baik dari semasa ke semasa melalui pelbagai inisiatif. Bukan sahaja habis ada undang-undang ini, selesai. Akan ada lagi kursus-kursus melalui punca kuasa yang ada di dalam ini untuk meningkatkan keberkesanan mereka dalam memberikan- *to carry justice* dan dalam membawa keadilan, bukan sahaja untuk mahkamah tetapi juga untuk mereka yang menjadi anak guamannya, dipastikan kebajikan mereka tidak disalah gunakan.

Bagi kita memahami apakah isi kandungan RUU ini yang menterjemahkan hasrat awal yang saya telah syarah kan daripada awal tadi. RUU ini mengandungi 11 bahagian Tuan Yang di-Pertua dan 93 fasal, agak tebal.

Oleh sebab ia merupakan rang undang-undang yang baharu, ia agak tebal sebab kita hendak memastikan piawai atau standard itu dapat dicapai dan ada ruang-ruang untuk dibaiki, bukan ia ini mutlak. So, ada 11 bahagian dan 93 fasal. Saya ringkaskan bahagian tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini:

- (i) Bahagian I mengandungi fasal 1, 2 yang memperuntukkan tajuk ringkas dan pentafsiran perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam RUU ini;
- (ii) Bahagian II mengandungi fasal 3 hingga 10 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan yang saya sebutkan awal tadi, penubuhan lembaga peguam syarie, fungsi dan kuasa-kuasanya;
- (iii) Bahagian III mengandungi fasal 11 hingga 27 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan penerimaan masuk peguam syarie dan daftar peguam syarie;
- (iv) Bahagian IV mengandungi fasal 28 hingga 32 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan pengeluaran sijil amalan tahunan;
- (v) Bahagian V mengandungi fasal 33 hingga 38 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan hak dan keistimewaan peguam syarie;
- (vi) Bahagian VI mengandungi fasal 39 hingga 41 memperuntukkan perkara berkaitan dengan nama firma peguam syarie;
- (vii) Bahagian VII mengandungi fasal 42 hingga 63 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, fungsi dan kuasa-kuasanya;
- (viii) Bahagian VIII pula mengandungi fasal 64 hingga 76 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan amalan, etika, kelakuan dan tata tertib profesional peguam syarie;

- (ix) Bahagian IX mengandungi fasal 77 hingga 85 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan prosiding tatatertib terhadap peguam syarie. Kalau kita hendak mengambil tindakan kepada peguam syarie ini, apakah prosiding tatatertib pun kita telah memperincikannya dalam Bahagian IX;
- (x) Bahagian X, fasal 86 hingga 88 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan Kumpulan Wang Tatatertib; dan,
- (xi) Bahagian XI mengandungi fasal 89 hingga 93 yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan perkara fi, kerahsiaan, kuasa untuk meminda jadual dan pelbagai perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, RUU ini merupakan satu undang-undang khusus yang mentadbir dan mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan dan diharapkan ia menjadi satu *benchmark* atau model untuk diambil oleh negeri-negeri lain.

Ini disebabkan kita faham di dalam pentadbiran Islam, semua kuasa untuk membuat enakmen tentang pentadbiran Islam akan kembali kepada kuasa negeri. Kalau negeri-negeri yang ada raja-raja dan sultan, mereka akan membawa kepada Majlis Agama Islam, kemudian membawa kepada perkenan raja-raja dan sultan di negeri masing-masing, barulah dikemukakan kepada kerajaan negeri, seterusnya ke Dewan Undangan Negeri dan dibahaskan, kemudian diluluskan atau diperbuat enakmen-enakmen baharu tentang pentadbiran Islam.

Saya tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi lebih daripada sekadar membuat tontonan kepada seluruh negeri, model kepada satu undang-undang yang dinamakan Profesion Guaman Syarie. Lebih daripada itu, terpulanglah bagaimana negeri-negeri untuk mereka hendak ikut dan sudah tentu- saya ulang balik, semua perkara ini perlu mengikut *due process* untuk mendapatkan apa sahaja perkenan. Kita ada platform-platform yang telah disediakan di peringkat penyelarasan *Federal* dengan negeri di dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, dalam Majlis Raja-Raja.

Semua ini boleh digunakan sebagai platform untuk memastikan kalau undang-undang ini dipakai di Terengganu, contohnya. Kalau undang-undang ini dipakai di Kelantan, contohnya. Kalau undang-undang ini digubal, contohnya di Pulau Pinang. Undang-undang ini digubal di Melaka. Undang-undang ini digubal di Sabah, maka tidak timbul lagi peguam-peguam syarie ini Tuan Yang di-Pertua, apabila dia pergi negeri lain, dia hendak kena buat cara negeri itu.

Dia pergi negeri ini, dia kena hendak buat cara negeri ini kerana ia sudah diseragamkan. Ini bermakna, apabila ia di-*standardize*-kan, diseragamkan- makna kalau saya sudah ada semua keperluan itu di wilayah, saya boleh masuk terus contohnya di Selangor, saya boleh terus masuk terus di Terengganu tanpa saya melalui prosesnya *all over again*. Dengan kata lain, saya hanya perlu memperbaharui sijil guaman saya tanpa saya *start* balik 'A' to 'Z'.

Inilah kebaikan, sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator daripada negeri, Yang Berhormat balik, cakaplah kepada kerajaan negeri masing-masing supaya dengan itu boleh dibawa sebagai satu usaha.

Kami di peringkat *Federal* bersiap sedia untuk membantu apa-apa yang boleh kami berikan bagi memastikan para peguam-peguam syarie kita akan dapat berada pada tahap profesionalisme, kompetensi, kualiti dan yang lebih penting, kebebasan para peguam syarie ini. *They must be independent*, dengan izin. Dia tidak boleh tertakluk dan terikat dengan satu badan yang membuat kerja lain, dia cuma tumpang sahaja. Begitu maksudnya. Dia perlu ada satu kebebasan, dia menentukan masa depan, dia menentukan apa masalah sebab... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Orang Mekah lebih tahu masalah dia. Kalau peguam syarie, dia lebih tahu masalah dia daripada orang lain.

Maka jika ada satu badan yang bebas sebegini, maka mereka dapat dengan berbagai-bagai peluang yang ada dengan akta ini dapat memperbaiki diri mereka masing-masing. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, ia juga bermatlamat untuk menjaga *masalah 'ammah* sebagai satu tuntutan *maqasid syariah* iaitu menjaga dan memelihara kepentingan orang awam yang menggunakan khidmat para peguam syarie. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua,

## ■1220

*Jauh sudah hamba kembara;  
Merantau niat menuntut cuma;  
Selesai sudah hamba bicara;  
Mohon Dewan sudi terima.*

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa, Menteri di JPM, pengkhususan agama. Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie telah dibentangkan hurai dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri kita. Terima kasih banyak.

Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie untuk mengadakan peruntukan bagi penerimaan masuk peguam syarie untuk mengawal selia amalan profesion guaman syarie di Wilayah Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dalam senarai saya yang disediakan ini ada lebih kurang tujuh tokoh-tokoh yang akan bahaskan hal ini. Kalau ada, boleh bagi lagi. Saya mulakan dengan dahulu iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, dipersilakan.

## 12.21 tgh.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Pertama, tahniah kerana Yang Berhormat Menteri sendiri yang bentangkan RUU ini.

Yang Berhormat Menteri mulakan dengan pantun Tuan Yang di-Pertua, tidak manis kalau tidak jawab.

*Kanak-kanak bermain ting-ting;  
Sambil bermain sambil berkenalan;  
RUU Guaman Syarie sangat penting;  
Membantu mahkamah memastikan keadilan... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan kerana membawa satu RUU yang tertangguh lebih 30 tahun. Dalam masa setahun, kerajaan baharu ini telah berani untuk buat RUU ini menaiktarafkan amalan peguam syarie dan juga menaiktarafkan Mahkamah Syariah. Mudah-mudahan dengan RUU ini profesion peguam syarie ini tidak dilihat sebagai *second class lawyer*. Mereka sama taraf dengan peguam-peguam lain. Ini kerana saya tengok kes-kes yang hendak dibawa ini banyak sangat.

Saya bacakan sedikit statistik. Statistik pendaftaran penceraian Mahkamah Syariah tahun 2013 hingga tahun 2017. Tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, masa bercinta *rak* betul tetapi ramai pula yang bercerai. Agak terpengaruh dengan drama-drama yang bercinta dan bercerai. Kalau kita lihat tahun 2013 jumlah yang mohon bercerai seluruh negara ialah 49,718. Tahun 2014 terus meningkat ke 53,113 dan seterusnya meningkat pada tahun 2015 58,164 dan tahun 2016 terus meningkat juga ke 60,674 dan tahun 2017 terus meningkat ke 60,090.

Daripada jumlah ini, Selangor menjuarai mendaftar untuk bercerai. Mungkin mereka yang berdaftar di luar mohon mendaftar di Selangor. Selangor daripada tahun 2013 - 10,154 meningkat ke 11,072 pada tahun 2014, dan tahun 2015 - 11,896, dan terus meningkat ke 12,513 pada tahun 2016 dan tahun 2017 - 12,203.

Diikuti oleh Johor, tahun 2015 - 5,920, tahun 2016 - 5,984, dan tahun 2017 - 6,128.

Kedua Kedah, lepas Johor, Kedah. Saya baca tiga sahaja. Kedah pada tahun 2015 - 5,199, tahun 2016 - 5,506 dan tahun 2017 - 5,655.

Negeri yang paling tidak ramai mohon adalah Perlis. Mungkin kerana tidak ramai penduduknya.

Ini menggambarkan klien-klien yang akan dikendalikan oleh Mahkamah Syariah yang begitu besar. Ini kerana semua penceraian akan didaftar di mahkamah dan perlukan satu jumlah besar peguam syarie untuk kendalikan kes ini. Tidak seperti Mahkamah Sivil. Selepas jatuh hukum pergi ke *appeal court and upper court*. Dalam kes penceraian, selepas jatuh hukum bercerai, banyak kes-kes lagi terlibat. Soal nafkah dalam *iddah*, soal *hadhanah* berebut hendak jaga anak, soal harta sepencarian dan lain-lain. Ada banyak, lima atau enam kes lagi, menjadikan kes Mahkamah Syariah kalau jumlahnya 60 ribu akan kali lima menjadi 300 ribu.

Untuk makluman, Wilayah pun meningkat juga. Oleh sebab RUU ini untuk Wilayah-Wilayah setahun tahun 2013 - 3,611, tahun 2014 - 3,832, tahun 2015 - 3,908 dan meningkat seterusnya tahun 2016 - 4,159 tetapi menurun pada tahun 2017 kepada 3,978...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, bilangan penceraian itu bertambah-tambah?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Meningkat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita tidak tahu?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Meningkat.

Saya tidak hendak bahaskan punca penceraian di sini. Mungkin ruang lain boleh kita bahas fasal penceraian tetapi hendak beritahu bahawa betapa banyaknya kes yang akan dibawa ke Mahkamah Syariah yang perlukan peguam syarie yang kompeten untuk memastikan keadilan.

Kalaulah seandainya satu pasangan ada dua orang anak, setahun di seluruh Malaysia ada 120 ribu anak yang menjadi rebutan. Dalam masa 10 tahun, 1.2 juta anak yang bermasalah. Apa yang menarik dalam kes ini ialah saya dapat rungutan, kes-kes Mahkamah Syariah tidak berkesudahan, sampai lima tahun dan ada satu kes 20 tahun dan yang seriusnya lepas jatuh hukum pun umpamanya nafkah, biasanya suami tidak beri nafkah kepada anak-anak secara sepatutnya.

Jadi, inilah kita perlukan satu pasukan peguam syarie untuk mengendalikan kes-kes ini dengan sempurna dan baik. Pastikan bahawa kes-kes tertanggung- cuma kerisauan saya ialah apa jadi dengan mereka yang tidak berkemampuan untuk membawa kes ke mahkamah kerana tidak mampu hendak membayar *fees* yang ditentukan oleh pasukan peguam-peguam syarie ini. Apakah ada istilah *pro bono* umpamanya seorang peguam katakan kendalikan 10 kes setahun seumpamanya kes-kes percuma memastikan bahawa membela mereka-mereka yang tidak mampu.

Saya difahamkan untuk *Bar Council at least*, sekurang-kurangnya lima kes *pro bono* kena bawa. Akan tetapi tidak nyatakan dalam perbincangan tadi apakah peguam syarie juga wajib mengendalikan kes-kes begini supaya memberi pembelaan kepada mereka yang tidak mampu untuk bawa ke mahkamah. Akhirnya mereka menjadi mangsa kepada masalah keluarga dan tidak dapat berkeadilan di mahkamah.

Satu lagi ialah ada juga kes seumpamanya seandainya peguam tidak *proceed the case*, apakah ada satu insurans yang boleh menjamin anak guamnya terbela. Ini kerana ada juga peguam-peguam syarie ini atas kesibukan dan sebagainya dia tidak bawa kes. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, penipuan-penipuan dalam kes. Kemudiannya *chambering* enam bulan. *Bar Council- chambering* sembilan bulan.

## ■1230

Apakah enam bulan mencukupi untuk seorang peguam baharu kendalikan kes *chambering*? Kemudian, apakah perlu masa lebih lama untuk *chambering*? Ini kerana sekarang hanya *interview* sahaja.

Satu lagi saya hendak bawa kes ialah soal kelayakan. Saya dapati di seluruh negara, kelayakan antara negeri-negeri tidak standard. Untuk Wilayah Persekutuan, Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Negeri Perak mencampurkan istilah ada diploma daripada UIA atau UKM.

Negeri Perak ada ditambah Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam daripada UIA, Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam daripada Universiti Kebangsaan atau mana-mana diploma yang setaraf dengan diploma yang disebut dalam sub perenggan 1, dan sub perenggan 2, daripada mana-mana universiti. Akan tetapi, tidak ada satu universiti pun menyenaraikan UiTM.

Saya difahamkan UiTM juga ada *post graduate legal practice*, tetapi tidak ada satu pun yang menyenaraikan UiTM di sini. Ataupun ketika dibuat ini tidak ingat UiTM ada, atau universiti-universiti lain. Mungkin USIM juga ada menawarkan diploma untuk *shariah practice* ini. Jadi, ini juga tidak dimasukkan dalam *clause* ini.

Saya dapati kelayakan tidak standard. Ada sesetengah negeri membenarkan *degree in law* memadai campur dengan diploma *shariah practice*. Akan tetapi yang biasanya yang lain gunakan Sarjana Muda Syariah.

Itulah saya rasa, saya menyokong usaha ini untuk menaik taraf amalan guaman syarie dalam memastikan soal keadilan itu ditegakkan. Sebab, saya dapat banyak *complain* yang mana saya pernah jadi Yang Berhormat dahulu, tempat rujukan ibu tunggal. Ramai jumpa saya mengadu soal-soal keadilan tidak diberi. Memang saya antara yang mesra wanita...

**Seorang Ahli: Mesra wanita?**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Mesra wanita. Jadi, keadilan ini... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua senyum dekat saya. Saya mesra wanita sebab banyak jumpa- ya lah, di bandar, di mana mereka hendak mengadu kes? Biasanya mengadu kepada pejabat wakil rakyat untuk memastikan keadilan diberikan. Banyak kes tertangguh yang tidak diselesaikan. Saya rasa yang pentingnya ada *time frame*. Umpamanya selama enam bulan atau setahun, kes mesti dihabiskan.

Saya difahamkan mahkamah *once* kita *registered* untuk fail kes, kes selesai selama enam bulan. Ada juga umpamanya bekas suami yang tidak bertanggungjawab tidak datang ke mahkamah. Apakah tindakan sewajarnya diberikan kepada mereka? Kalau ada *time frame* ini, kita boleh tahu apakah kes ini boleh selesai dalam masa enam bulan atau setahun. Sebab, dia kata- dia cakap dalam bahasa Arab lah... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Betul, ustaz ya? Penantian satu penyeksaan. Menanti kes yang lama ini menyeksa mangsa kes-kes penceraian. Ini belum lagi kes-kes lain, kes-kes harta pusaka dan sebagainya. Kita difahamkan ada banyak harta pusaka yang tidak diselesaikan. Jadi, kes-kes yang lain juga begitu.

Jadi, saya menyokong usaha ini, mudah-mudahan ada peningkatan...

**Puan Asmak binti Husin:** Yang Berhormat, mohon pencilan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tertarik berkaitan dengan hasrat menyeragamkan pengambilan diploma ataupun *chambering* sebelum praktis.

Cuma, isu yang dibangkitkan oleh peguam muda kepada saya ialah dari segi kos. Macam di UiTM, buat pengetahuan Yang Berhormat, memang kita ada- sebab sebelum ini saya mengajar subjek ini, kos ini. Memang sudah ada Diploma Pentadbiran dan Kehakiman Syarie dan UiTM adalah yang termurah, sangat jauh berbeza dengan kos yang disediakan IPTA-IPTA yang lain. Ini menyebabkan ramai orang hendak masuk UiTM untuk mendapatkan sijil bagi membolehkan mereka praktis. Namun begitu, tempatnya adalah sedikit.

Jadi, kalau kita seragamkan- isu yang timbul adalah dari sudut kos. Jadi, saya juga ingin bertanya, mungkin pihak kerajaan ada perancangan, bagaimana mungkin untuk memastikan kos itu tidak meningkat? Kalau kata kos itu meningkat, mungkin dia akan memberi *effect* juga kepada kes.

Seterusnya yang kedua, apabila bercerita tentang KPI tadi, saya difahamkan kita sudah ada KPI bagaimana pengurusan kes dan sebagainya. Jadi, mungkin ada juga isu yang berkaitan dengan penangguhan kes dan sebagainya. Jadi, saya mohon klasifikasi daripada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah ini masih berkaitan dengan kompetensi, ketidakcukupan fasiliti dan sumber ataupun berkaitan dengan- memang berkaitan dengan penambahan kes setiap tahun yang tidak mampu dibendung oleh kita. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya rasa pandangan baik daripada Yang Berhormat Senator yang juga pernah menjadi pensyarah di UiTM. Kita akui pengajian di UiTM adalah yang termurah. Oleh sebab UiTM ini ditaja sepenuhnya oleh kerajaan berbanding dengan universiti-universiti yang lain. Akan tetapi, kalau hendak diseragamkan, Yang Berhormat Menteri boleh mencadangkan.

Satu lagi adalah soal *master* untuk *handle chambering*. Berapa lama tempoh *master*-nya? *Seven years* atau *five years* untuk dia boleh *handle chambers*, pelajar-pelajar *chambers* ini?

Satu lagi adalah soal disiplin, kawalan disiplin ini. Sebab, kita tidak boleh pandang mudah. Walaupun dia orang agama, ada juga orang agama melanggar peraturan dan disiplin. Ini kita kena ketatkan supaya *board*-nya jelas untuk *handle* kes-kes disiplin ini.

Jadi, saya rasa saya sudah *cover* sebahagian dan sebahagian besar akan di-*cover* oleh Senator yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini untuk menaik taraf mahkamah syariah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya sebagai pemimpin kerdil amat risau akan masalah ini. Lazimnya, masalah penceraian ini melahirkan porak-perandanya institusi keluarga itu. Biasanya, saya berdebar apabila mendengar orang itu bercerai. Saya pun takut, teringat anak-anaknya. Pincanglah persekolahan anaknya. Itulah. Saya minta hari ini tokoh-tokoh yang handal memberi pendapat supaya pak Menteri kita dengar.

Saya pun tengok tadi nama Yang Berhormat Puan Asmak Husin tidak ada di sini tetapi dia pakar juga. Saya minta dia bercakaplah. Tempat yang baik. Sebab, hati saya apabila mendengar fasal itu, berdebar. Takutnya apa jadi anak bangsa saya yang tidak berdosa itu. Terima kasih.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

### 12.38 tgh.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya turut berbahas bagi Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas pembentangan rang undang-undang ini yang saya kira memang sudah masanya untuk satu kawal selia ke atas profesion guaman syarie diadakan.

Akta Profesion Peguam Syarie yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk mengawasi dan menyelaras demi pemantapan profesion ini dalam pelbagai aspek seperti penerimaan sebagai pegawai mahkamah, tindakan disiplin, penentuan, kecekapan dan kualiti profesion peguam syarie.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ketua Hakim Syarie merangkap Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah pada bulan Mac lalu iaitu Profesor Yang Amat Arif Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar yang terkenal sebagai seorang hakim yang dinamik, saksama dan berinovasi tinggi. Adalah diharapkan di bawah kepimpinan beliau akan dapat menerajui perubahan-perubahan yang jitu bagi memartabatkan syiar Islam di mahkamah syariah.



## ■1240

Tuan Yang di-Pertua, profesion peguam syarie berperanan lebih menonjol dengan penggubalan undang-undang keluarga Islam pada tahun 1984 yang lalu. Khidmat peguam syarie diperlukan terutamanya bagi golongan wanita yang menuntut hak selepas penceraian khususnya dalam hal ehwal tuntutan nafkah yang wajib dibayar oleh bekas suami.

Namun, kita dapati sejak 1984 bila masa Undang-undang Keluarga Islam digubal masih ramai lagi golongan wanita yang menuntut nafkah gagal dibayar. Ini adalah kerana sistem dan peraturan di mahkamah masih tidak berjaya untuk membantu dengan berkesan sehinggalah ke hari ini.

Saya difahamkan masalah ini berlanjutan kerana bagi satu kes penceraian, tuntutan selepas penceraian perlu membuka lima fail dengan kod yang berbeza. Ini macam tadi Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob katakanlah tadi. Selepas penceraian dia ada banyak lagi tuntutan-tuntutan seperti nafkah, hadanah dan sebagainya. Maka, ini satu proses yang kompleks memakan masa yang panjang dan kos yang tinggi selain proses ini juga memberi tekanan emosi yang keterlaluan kepada isteri-isteri dan anak-anak kerana perlu turun naik ke mahkamah.

Maka, saya ingin penjelasan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, pertama, berapakah statistik tunggakan kes nafkah di JKSM dan Mahkamah Syariah sehingga kini? Sebab saya hanya mendapat satu statistik yang merupakan statistik pendaftaran kes nafkah Mahkamah Syariah seluruh Malaysia iaitu jumlah keseluruhan di seluruh negeri adalah sebanyak 12,983. Akan tetapi, saya tidak pasti sama ada statistik ini adalah statistik kes tertanggung ataupun ialah yang baru berdaftar. Akan tetapi, apa pun jumlahnya adalah amat besar iaitu sebanyak 12,983 keseluruhan daripada tahun 2013 hingga tahun 2017.

Seterusnya, saya juga ingin penjelasan daripada pihak kerajaan. Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan pengurusan Mahkamah Syariah yang lebih efisien termasuk membolehkan profesion peguam syarie bertindak lebih profesional dan efisien dengan menggunakan khidmat kepakaran *National Productivity Corporation* (NPC) yang pernah memberi khidmat penambahbaikan sistem pengurusan dan proses Mahkamah Sivil khusus untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan mahkamah seperti contohnya *filing online* dan sebagainya.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan berkenaan dengan fi guaman. Ini kerana apabila kita baca rang undang-undang baharu ini, kita lihat tidak ada satu klausa yang menyentuh tentang khususnya fi guaman. Ini kerana saya juga ada mendengar banyak sungutan daripada wanita yang bercerai bahawa kos peguam syariah untuk kes Mahkamah Syariah tidak seragam. Ada yang mengenakan bayaran yang tinggi dan mengikut- ada yang mengikut budi bicara peguam.

Maka, saya hendak bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu garis panduan fi peguam yang digubal dan diselaraskan dalam undang-undang kerana keadilan bukanlah hanya untuk mereka yang berduit tetapi keadilan dalam Islam dapat dilihat saksama dan untuk semua. Adalah amat diharapkan dengan rang undang-undang ini supaya dimasukkan aspek saraan dan penetapan kos bagi khidmat guaman syarie khususnya dalam menentukan kadar bayaran tetap klien dan mekanisme penyelesaian apabila berlakunya pertikaian.

Ada juga sungutan mengenai peguam syarie yang ada kalanya kurang profesional semasa mengendalikan kes-kes tertentu. Sekali pun jumlahnya tidak ramai, walau bagaimanapun merujuk kepada Bahagian II di bawah fasal 6- keanggotaan lembaga, saya ingin mencadangkan agar Majlis Peguam Syarie ini dianggotai oleh mereka yang berpengalaman dan komited menegakkan syiar Islam dan berkemampuan mengawasi peguam syarie dengan standard yang tinggi seperti dituntut dalam Islam.

Oleh sebab kalau kita tengok dari segi keanggotaannya tidak ramai dia hanya menyentuh tentang ketua hakim, pengerusi, wakil jabatan peguam dan kemudian saya rasa penjawat awam hanyalah seorang peguam syarie, kemudian ahli akademik dalam bidang syariah dan bidang undang-undang.

Diharapkan supaya lebih diperluaskan agar dapat mendapat input daripada mereka yang lebih berpengalaman di dalam hal ehwal ini untuk menyelaras lembaga yang akan ditubuhkan.

Selain daripada itu, saya hendak juga menyentuh berkenaan dengan fasal 4 yang mana menentukan kelayakan seseorang yang berhasrat untuk memohon bagi menerima masuk bagi peguam syarie ini. Kalau tadi, kita tengok saya rasa Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob pun ada menyentuh tentang bagaimana ketidakseragaman kelayakan bagi setiap negeri-negeri. Memang tidak seragamlah. Maknanya, ada Negeri Sembilan ia menerima Ijazah Sarjana Muda Syariah, kemudian, di Sabah dia sekadar untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang undang-undang Islam dan enakmen. Kemudian, di Sarawak Ijazah Sarjana Muda dari mana-mana institut pengajian tinggi dan sebagainya.

Maka, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah isu kelayakan akademik peguam syarie yang berbeza ini di peringkat negeri wajar diberi perhatian bagi tujuan penyelarasan? Dan sejauh manakah kerajaan telah membuat perbincangan dengan institusi pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta mahupun dengan MQA tentang kelayakan syarat-syarat bagi peguam syarie ini?

Sebab kita tidak mahu nanti apabila undang-undang digubal, ada di kalangan peguam-peguam syariah kita yang tidak- MQA kata tidak terima. Maknanya, *is not*- dia tidak diiktiraf. Maka, sejauh manakah kerajaan telah membuat perbincangan bersama dengan MQA dan juga institusi pengajian untuk memastikan bahawa syarat-syarat kelayakan ini memang diterima oleh lembaga ini supaya tidak ada penganiayaan kepada pelajar-pelajar yang mungkin tengah belajar dan ataupun kepada mereka yang sedang yang telah pun menjadi praktis tetapi tidak diterima dia punya syarat kelayakannya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang fasal 65, 67 dan 68. Sebab bila saya baca dan bincang bersama rakan-rakan peguam syarie ini, kita kurang jelas dengan fasal tersebut yang mana menyentuh tentang penglibatan wang klien.

Mohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan yang lebih dalam di Dewan yang mulia ini supaya ia menjadi satu rujukan di masa akan datang tentang fasal 65, 67 dan 68. Sebab saya tidak berapa- bila kita bincang kita pun tidak berapa faham fasal ini. Begitu juga fasal 86, 87, dan 88, yakni kumpulan wang tatatertib ada juga yang mengatakan adakah perlu peguam syarie dalam akta ini, dalam fasal ini perlu mendapatkan insurans. Mohon pihak Yang Berhormat Menteri boleh perjelaskan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya utarakan dalam rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pelantikan hakim. Walaupun ia bukanlah di dalam rang undang-undang ini tetapi menyentuh tentang keadilan yang perlu dibawa oleh institusi Mahkamah Syariah ini kerana ada juga kaum wanita yang mengalami proses penceraihan dan tuntutan ini ada kes di mahkamah yang merasakan wanita ini di diskriminasikan oleh mahkamah kerana hakim kebanyakannya adalah hakim lelaki.

Saya percaya mungkin ia tidak berlaku tetapi ini adalah di antara perkara-perkara yang memang diutarakan oleh kaum wanita. Di mana merasakan apabila kes mereka dibawa ke mahkamah mereka tidak seolah-olah tidak mendapat keadilan ataupun pemahaman daripada hakim-hakim kaum lelaki sama ada- kadang-kadang ada yang hakim apabila kes penceraihan itu berlaku dia datang dan hakim kata balik rumah dahulu bincang dan sebagainya, sedangkan kaum wanita sudah teraniaya.

Saya mungkin boleh mencadangkan supaya Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan boleh menambah hakim di kalangan kaum wanita supaya tidaklah berlaku perasaan-perasaan begitu terutamanya bagi golongan wanita yang menuntut hak selepas penceraihan khususnya dalam hal ehwal tuntutan nafkah yang wajib dibayar oleh bekas suami.

Akhir kata, saya rasa itu sahaja yang ingin saya utarakan di dalam rang undang-undang ini. Selebihnya mungkin saya akan sentuh sedikit dalam pindaan rang undang-undang yang lagi satu nanti. Saya rasa itu sahaja, sekian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Silakan.

**12.49 tgh.**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berseri hari ini? Nampak berseri.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan terutama sekali Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama kerana telah merealisasikan satu cita-cita yang selama ini saya difahamkan oleh rakan-rakan pengamal terutama pengamal undang-undang syarie untuk mempunyai satu badan profesional guaman untuk menguruskan hal ehwal mereka sendiri. Tahniah *to your record*.

■1250

Di sini saya ingin berbahas hanya tiga perkara. Pertama sekali ialah perkara yang melibatkan isu dasar. Yang Berhormat Menteri, kita faham suatu undang-undang itu mampu untuk meningkatkan profesionalisme sesuatu badan. Cuma dalam hal ini, apa yang lebih mungkin akan memantapkan amalan agama itu sendiri ialah dari segi aspek etikanya itu.

Oleh sebab itu kita ingat *Legal Profession Act* ataupun Rang Undang-undang Guaman telah lama wujud. Pun begitu, isu mengenai salah laku peguam dan sebagainya terutama sekali yang melibatkan anak guam pun berlaku. Malah tidak keterlaluan kalau saya ingin katakan di sini, ia makin bertambah kompleks terutama sekali melibatkan jutaan duit yang banyak.

Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dengan bantuan mereka yang mengamalkan undang-undang ini terutama sekali di bawah seksyen 64 yang memang memberi kuasa kepada pihak berkenaan untuk mengusulkan apa yang dipanggil sebagai kaedah-kaedah mengawal selia amalan. Yang Berhormat Menteri maklum bahawa dunia hari ini kadang-kadang bukan kekurangan cerdik pandai, bukan kekurangan mereka yang layak untuk mengamalkan. Kadang-kadang yang kurang ialah aspek *etiquette* ataupun etika.

Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri, di kala kita dalam proses memastikan undang-undang ini dapat diguna pakai, mungkin dalam masa yang sama dapat berbincang dengan pengamal dan *fraternity* yang terlibat apakah amalan-amalan, kaedah-kaedah etika yang bersesuaian untuk dicadangkan. Kalau perlu, mungkin mewujudkan satu *benchmark* yang tinggi.

Mungkin memperkenalkan- saya difahamkan dari segi kaedah Islam seperti yang kita semua maklum, perkara etika ini kita sangat memandag tinggi. Kadang-kadang dalam keadaan-keadaan tertentu dari segi perkara-perkara berkaitan dengan *conflict of interest*, dengan izin, kadang-kadang dalam Islam itu dia lebih tekan.

Dari segi aspek *siqah*, dari segi aspek kepercayaan, *governance* dan sebagainya, kadang-kadang dari aspek syariah itu saya rasa boleh kita perkemasan dan kita terjemahkan agar cita-cita Yang Berhormat Menteri kita, *rahmatan lil-alamin* itu, keindahan Islam itu dapat dilihat terutama dari segi amalan. Tidak guna kita bercakap hukum hakam tetapi dari segi amalan orang kata, lebih kurang sama. Mungkin dari segi Yang Berhormat Menteri boleh jadikan. Itu satu.

Seterusnya, saya juga ingin mengetengahkan kepada Yang Berhormat Menteri secara umumnya apabila Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) ini wujud. Saya juga mencadangkan agar dari segi aspek institusinya itu juga dapat diwujudkan dengan lebih kemas dan teratur. Saya tahu satu badan institusi itu untuk mewujudkan bangunan sendiri, untuk mengadakan pegawai-pegawai sokongan, staf-staf yang lengkap, itu memerlukan satu dana dan juga sokongan-sokongan pihak tertentu.

Saya rasa adalah tidak salah juga dalam Yang Berhormat Menteri juga melihat bagaimana Menteri di bawah kementerian boleh membantu Majlis Peguam Syarie terutama sekali di peringkat awal ini, peringkat penubuhan. Saya rasa sekiranya mereka dapat bermula dengan baik dengan dukungan kerajaan hari ini- walaupun kita mahu mereka menjadi satu badan yang bebas bukannya satu badan yang kita jadi esok *pak turutlah*, kita mahu mereka menjadi satu badan yang bebas menjaga kepentingan rakyat *through rule of law*, jadi saya rasa dalam hal ini Yang Berhormat Menteri, saya rasa boleh memberi bantuan.

Akhir sekali yang ingin saya ketengahkan ialah aspek keberkesanan undang-undang ini. Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri, bagi saya tidak akan berkesan sekiranya ahli itu sendiri tidak memberi dukungan, kepercayaan yang sebaik mungkin terhadap naskhah undang-undang ini.

Ini kerana kita tahu, saya sendiri pengamal undang-undang walaupun saya belum menjadi pengamal undang-undang syarie secara rasmi, agak terdedah dengan amalan ini melalui pembelajaran dan juga diskusi dengan kawan-kawan. Kita mahu profesion undang-undang ini terutamanya peguam syarie dihormati. Jadi kita perlu mencari jalan agar kurangnya politisasi. Benda ini boleh berlaku sebab ini satu badan yang bagi saya akan terdedah kepada dinamika-dinamika isu-isu semasa.

Ini kerana ketika mana saya di Dewan Rakyat dahulu, Yang Berhormat Menteri pun tahu ketika kita sama-sama di sana, ada dahulu usaha mengatakan persatuan peguam ini sudah bunyi macam suara pembangkang, tidak mewakili. Jadi benda-benda ini bagi saya untuk suatu yang baharu yang hendak diwujudkan, mari kita cari jalan memurnikan perkara-perkara ini supaya ia tidak dipandang salah persepsi. Ini sebab kadang-kadang bagi saya apatah lagi benda ini berkaitan dengan memartabatkan cita-cita undang-undang Islam.

Untuk tujuan rekod Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak rekod ini atas tujuan peribadi ialah ini adalah satu cerita murni yang saya rasa Allahyarham Tan Sri Datuk Profesor Ahmad Ibrahim yang mana bercita-cita jauh apabila beliau sering melihat keterbatasan undang-undang *common law* di dalam mengurus hal ehwal masyarakat terutama masyarakat Malaysia ini.

Jadi, saya rasa ini adalah satu naskhah produk yang perlu kita dedikasikan khas juga kepada tokoh-tokoh yang terlibat sebelum ini iaitu Dato' Razali, ketua-ketua hakim dahulu, peguam-peguam lama dan sebagainya yang saya rasa berusaha sehinggalah ia berjaya pada tahun 2011 ini di bawah kepimpinan pada hari ini dan komitmen yang ditunjukkan dalam kerajaan ini. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang mengusulkan naskhah undang-undang ini...

**Tuan Nga Hock Cheh:** [Bangun]

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ada soalan? Okey.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Hendak minta laluan. Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat Senator merupakan seorang peguam juga, bolehkah saya tanya pandangan Yang Berhormat sama ada seksyen 15(2)(a)(v) yang berbunyi, "*Salinan diperakui apa-apa keterangan dokumen yang menunjukkan bahawa pemohon telah mencapai umur dua puluh satu tahun, beragama Islam dan merupakan sama ada seorang warganegara atau seorang pemastautin tetap Malaysia*", adakah peruntukan ini *ultra vires* atau bertentang dengan Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan terutamanya (2) yang berbunyi- maaf Tuan Yang di-Pertua, copy saya dalam bahasa Inggeris. *So I read in English* dengan izin, "*Except as expressly authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent, place of birth or gender in any law or in the appointment to any office or employment under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or the establishing or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment*".

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya tahu soalan ini akan timbul, tetapi bagus.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu bagi saya, pandang- rakan saya, saya tahu ialah seorang yang sangat berniat baik dalam sesuatu perkara. Ini adalah satu ruang di mana sekiranya ia tidak digubal sebegini, ia akan memberi peluang juga kepada rakan yang bukan Islam juga untuk menjadi pengamal undang-undang.

Cuma dalam konteks ini, saya rasa perkara ini perlu diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, kenapa ia didraf sebegini. Kalau saya secara peribadi sebab saya tahu ketika mana institusi Islam diwujudkan, ramai rakan saya dapat *first class* pun orang bukan Islam ini Tuan Yang di-Pertua, ramai. Orang masyarakat India ada, masyarakat Cina ada dan apabila dia belajar undang-undang syarie ini, kadang-kadang bahasa Arab pun kadang-kadang dia lebih bagus daripada kita yang beragama Islam ini.

Cumanya di sini Yang Berhormat Menteri, saya mengambil pandangan rakan saya ini agar Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa rasionalnya ia dikhususkan hanya untuk orang yang beragama Islam. Ini kerana saya tahu ada satu kes juga dibawa ke mahkamah dahulu oleh seorang pengamal undang-undang, kebetulan saya tahu rakan berbangsa Cina dan beliau pernah mengamalkan, diterima masuk suatu ketika. Saya tahu, saya tidak mahu sebut nama dia, nanti masuk *Hansard*. Saya kenal dia tetapi isu yang ingin saya timbulkan di sini Yang Berhormat Menteri, ada orang yang bukan beragama Islam sebelum ini diterima masuk, malah boleh mengamalkan. Persoalan saya, adakah mudaratnya?

Jadi yang kita hendak faham ini di Dewan yang mulia ini, sekiranya ada satu mudarat yang betul-betul mengekang supaya orang bukan Islam ini menjadi pengamal undang-undang syarie, saya rasa ia perlu dibincangkan dan perlu dibuat keputusan, apatah lagi diperundangan. Jadi di sini sekiranya tidak ada, saya rasa satu pandangan yang diketengahkan oleh rakan saya perlu dijelaskan. Kalau tidak, ia akan mewujudkan satu dengan izin Yang Berhormat Menteri, *Islamic exceptionalism*. Macam kita ini terlalu eksklusif sehinggakan ruang untuk rakan-rakan bukan beragama Islam mengamalkan tidak dapat.

Jadi, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga kerana mengetengahkan soalan ini. Secara peribadi, saya sebenarnya bersetuju *for record*, hatta untuk orang bukan Islam juga sekiranya mahu menjadi pengamal undang-undang syarie. Ini kerana apabila soalan yang sama saya tanya kenapa amalan perbankan Islam boleh, malah kita pun tahu ketika mana Bank Islam diwujudkan, pendeposit- *depositor* ramai yang bukan Islam. Malah, apabila ia ditanya kenapa begitu, mereka melihat dari segi implikasinya, secara praktikalnya memang manfaat itu ada. Di sini saya rasa sekiranya ada- mungkin Yang Berhormat Menteri boleh tanya rakan-rakan di luar sana, apa manfaatnya sekiranya orang bukan Islam ini juga boleh mengamalkan. Adakah mungkin akan timbul suatu ketika di mana mereka akan lebih memahami apabila timbul isu *conflict of law*.

Di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum- di Malaysia ini adalah satu-satu negara daripada negara-negara yang lain, kita ada dua sistem yang mana selalu akan terbentuk *conflict of law*. Saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri, apabila timbul *conflict of law* itu, kita Islam ini berada dalam keadaan *defensive*. Maksud saya itu kita sentiasa kena beri jawapan kepada perkara-perkara yang sebenarnya adalah lebih baik sekiranya masyarakat Islam itu sendiri di peluang untuk memahami undang-undang Islam tersebut, apatah lagi menjadi profesional untuk menjelaskan perkara tersebut kepada mereka yang memerlukan representasi tersebut.

Jadi di sini saya secara peribadi Yang Berhormat Senator Tuan Nga, saya menggalakkan sebenarnya serta saya tahu Yang Berhormat Senator Tuan Nga ini untuk tujuan rekod. Yang Berhormat Menteri, dia seorang pengamal agama Kristian yang sangat baik. Malah, beliau mengamalkan- banyak kita bertukar-tukar pandangan mengenai apa peruntukan, *Bible* dan sebagainya. Malah, banyak benda saya belajar. Jadi untuk mereka yang betul-betul secara komited ingin membantu pentadbiran Islam menjadi lebih baik, saya rasa ia perlu dipertimbangkan. Jadi, itu sahaja pandangan saya jadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak kepada pembahas kita tadi. Saya hendak beritahu, saya senang hati, saya sukacita sebab banyak anak buah saya di bawah Yang Berhormat ini suka pada pantun saya rasa termasuk sahabat saya ini. Yang Berhormat Senator Tuan Nga pun begitu. Bak kata orang tadi, semasa dahulu saya kecil-kecil, kalau kita sakit, atuk kita bagi kita majun. Ubat itu, majun. Jadi...

*Hendak majun diberi majun;  
Majun sebutir di dalam gelas;  
Hendak pantun diberi pantun;  
Akhirnya pantun saya berbalas... [Tepuk]*

Terima kasih. Jadi itu cara pantun ini, hendak tengok apa sebab orang Melayu suka pantun. Ada peribahasa mengatakan,

*Apa tanda si pohon kayu;  
Lebat daunnya elok bersusun;  
Apa tanda orang Melayu,  
Halus budinya bijak berpantun.*

Jam saya pukul 1 tengah hari. Sukacita saya tangguhkan mesyuarat ini ke jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita sambung sesi kita Rang Undang-undang Profesion Guaman dan Syarie. Sekarang saya jemput pula...

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya rujuk Peraturan Mesyuarat 17.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Sekejap ya. Saya panggil nama dahulu. Saya hendak jemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

Ya, sila. Yang Berhormat, sila.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Ya. Izinkan saya merujuk kepada perkara Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 17 untuk menangguhkan mesyuarat bagi seketika untuk satu perkara yang perlu disegerakan.

Saya sebagai Ahli Senator Dewan Negara ingin merujuk dan telah pun mengemukakan satu usul yang perlu disegerakan mengenai kenyataan media dan kenyataan Ahli Parlimen Batu Sapi yang bercanggah dengan rakaman *Hansard* yang juga telah dikeluarkan *statement* oleh Setiausaha Sulit kepada Ahli Parlimen Batu Sapi di Jabatan Perdana Menteri pada 28 Julai 2019.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasih. Soalan ini, Yang Berhormat *Speaker* akan jawab sendiri nanti ya. Dia pesan pada saya, dia akan jawab begitu ya. Yang Berhormat *Speaker* akan datang menjawab ya.

Sila Yang Berhormat.

**2.34 ptg.**

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca selawat]*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana berjaya menyediakan dan mengemukakan rang undang-undang ini setelah sekian lama ia dikaji, dibahas dan dibincangkan oleh pelbagai pihak.

Dengan lulusnya rang undang-undang ini, *inshaa Allah*, dapat membantu menyelesaikan banyak masalah yang melibatkan isu-isu yang berkenaan dengan para peguam syarie itu sendiri dan juga diharapkan dapat mengurangkan lambakan kes yang tertunggak di mahkamah syariah serta dapat memberi pembelaan yang sewajarnya kepada anak-anak guamnya bagi mendapat keadilan yang sepatutnya, terutama isteri-isteri dan anak-anak yang dizalimi dan dinafikan haknya dan lain-lain masalah dan isu sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebelum saya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah lama dirancang. Ia juga telah dibincangkan oleh pelbagai pihak dan telah mengambil kira berbagai-bagai perspektif. Pendek kata, perbincangan tentangnya dianggap menyeluruh.

Justeru itu, ia perlu direalisasikan bagi menambah baik profesion guaman syarie secara khusus dan menaikkan martabat peguam syarie, keadilan dalam perundangan Islam di negara ini. Diharapkan dengan adanya Akta Profesion Guaman dan Syarie ini nanti, ia dapat meningkatkan kualiti, kebajikan dan profesionalisme peguam syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan. Diharapkan juga kemudiannya nanti, akta ini diambil perhatian dan tindakan oleh semua negeri kerana permasalahan berkaitan guaman syarie telah sekian lama wujud di negeri.

Oleh sebab profesion peguam syarie adalah berkaitan dengan amalan keadilan di mahkamah syariah, maka ia secara langsung berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Kedudukan dan peranan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dikekalkan sebagaimana ada dalam undang-undang yang dilaksanakan sebelum ini. Ini adalah bertentangan dengan kehendak Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] yang telah sekian lama diamalkan di Wilayah-wilayah Persekutuan. Hanya Raja-Raja sendiri yang boleh menentukan untuk mengekalkan atau menghapuskannya. Ini adalah kehendak undang-undang yang nyata bukan tafsiran undang-undang. Dengan tiada satu pun peranan atau kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam rang undang-undang ini, maka ini adalah suatu kesalahan.

Dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993, hal ehwal peguam syarie ini ada hubungan langsung dengan kedudukan atau peranan Yang di-Pertuan Agong. Seksyen 59(2) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 menyatakan, "*Bahawa Majlis boleh dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat kaedah-kaedah*".

Walaupun telah begitu jelas peranan Yang di-Pertuan Agong dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 adalah terserlah dalam rang undang-undang yang sedang dibahaskan ini, kelulusan Yang di-Pertuan Agong tidak dinyatakan atau telah ditiadakan. Malah, frasa "*kelulusan Yang di-Pertuan Agong*" telah dicadangkan untuk digantikan dengan frasa "*kelulusan Menteri*". Kedudukan dan peranan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dikekalkan sebagaimana ada dalam- maaf.

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, hak mendapat keadilan adalah salah satu daripada hak asasi manusia yang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikannya kepada yang berhak. Oleh sebab yang menuntut haknya melalui mahkamah mesti mengguna khidmat peguam, khidmat guaman mestilah berbayar. Maka, pihak kerajaan mesti menjaga masalah ini dengan mengambil langkah-langkah yang tertentu kerana tidak semua rakyat mampu untuk membayar fi guaman. Maka, banyak hak yang dinafikan dan kezaliman terus berleluasa tanpa sebarang pembelaan.

Jadi soalan saya, apakah tindakan kerajaan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini? Saya juga ingin bertanya tentang penubuhan Majlis Peguam Syariah sebanding dengan *Bar Council* kerana ia melibatkan kuasa negeri. Soalannya, adakah kerajaan akan menubuhkan sekretariat ataupun perancangan dan juga langkah-langkah serta tindakan seterusnya bagi memastikan tertubuhnya Majlis Peguam Syariah di peringkat nasional? Untuk menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar serius dan bersungguh-sungguh bagi menjayakan hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memartabatkan Mahkamah Syariah yang sekian lama dianaktirikan ini, tidak cukup dengan rang undang-undang ini sahaja. Malah, ia berhubung rapat dengan Akta 355, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah).

Jadi, apakah perancangan kerajaan untuk meminda Akta 355 ini? Adakah kerajaan bercadang untuk membawa rang undang-undang ini supaya Mahkamah Syariah ini dimartabatkan setanding dengan mahkamah-mahkamah sivil? Sesuai dengan Islam sebagai agama Persekutuan. Apa ertinya Islam sebagai agama Persekutuan jika Mahkamah Syariahnya tidak mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan undang-undang di bawah bidang kuasanya sama ada di peringkat negeri dan juga di peringkat Persekutuan.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada membaca ayat yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Antara maksudnya, Allah memerintah supaya berlaku adil dan juga ihsan, dan huraian oleh Yang Berhormat Menteri terhadap ayat ini begitu menarik dan baik sekali. Yang Maha Adil itu secara mutlak adalah Allah SWT dan Allah yang Maha Adil itulah yang memerintah kepada kerajaan supaya berlaku adil. Keadilan itu tidak akan berlaku tanpa memberi hak kepada yang berhak dan menarik hak dari yang tidak berhak. Dalam melaksanakan undang-undang Islam, ada tiga hak yang mesti ditunaikan:

- (i) hak Allah;
- (ii) hak kerajaan; dan
- (iii) hak manusia ataupun hak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, umat Islam di Malaysia sudah sekian lama dinafikan haknya untuk hidup dengan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah. Kita sudah lama berkesalahan dengan Allah kerana gagal melaksanakan tuntutan fardu kifayah dalam melaksanakan undang-undang Islam di negara ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah kesungguhan kerajaan untuk mereformasi atau memartabatkan Mahkamah Syariah supaya Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk melaksanakan tanggungjawabnya, terutama menunaikan hak Allah dalam undang-undang Nya dan juga kerajaan mempunyai haknya tersendiri dan semua umat Islam di negara ini berhak untuk hidup dengan undang-undang Islam.

Umat Islam dipaksa dengan undang-undang yang bercanggah dengan Islam, terutama dalam undang-undang jenayah. Sudah sampai masanya umat Islam diberi hak untuk hidup dengan agamanya yang menjadi agama rasmi negara ini dan untuk hidup dengan undang-undang Islam supaya umat Islam selamat di dunia ini dan juga di akhirat nanti dan layak mencapai keredaan Allah sebagaimana yang dijanjikan. Sekian, terima kasih dan saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Terima kasih.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

## 2.45 ptg.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 pada hari ini. Seperti yang kita ketahui, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan suatu peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syariah, Badan Peguam Syariah dan juga Majlis Peguam Syariah untuk mengawal selia amalan profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.



Akta ini akan menggantikan peruntukan penerimaan masuk seseorang sebagai peguam syarie dan kelakuan peguam syarie yang sebelum ini dikawal selia melalui Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 yang dibuat di bawah subseksyen 59(2), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Dengan wujudnya akta baharu ini, maka Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 akan dipinda serta kaedah yang berkaitan akan dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini merupakan suatu proses penggubalan undang-undang yang telah dimulakan sejak tahun 1984 lagi. Hasrat untuk mentadbir dan mengawal selia profesion guaman syarie untuk peguam syarie di seluruh Malaysia pada ketika itu tidak dapat diteruskan ekoran limitasi bidang kuasa Mahkamah Syariah yang tertakluk di bawah bidang kuasa perundangan negeri.

Seterusnya, pada tahun 1995, satu Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah meneruskan usaha penggubalan undang-undang ini sehingga rang undang-undang ini akhirnya dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Hal tersebut merupakan suatu tempoh yang agak panjang dan saya yakin kajian secara terperinci telah dilakukan untuk mewujudkan undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada sesiapa yang telah terlibat sepanjang penggubalan undang-undang ini dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal Islam yang tertakluk di bawah bidang kuasa perundangan negeri merupakan sebab mengapa akta ini hanya dapat diperkenalkan di Wilayah-wilayah Persekutuan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat kepada penggubalan rang undang-undang ini untuk turut diguna pakai di setiap negeri-negeri.

Namun, isu-isu kelayakan akademik peguam syarie yang berbeza-beza di peringkat negeri wajar diberi perhatian oleh pihak kerajaan bagi tujuan penyelarasan. Kelayakan ijazah dan diploma lepasan ijazah tentu perlu diberi ketetapan khusus bagi memastikan keselarasan dan profesionalisme profesion guaman syarie di seluruh negara. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan berkaitan isu kelayakan akademik peguam syarie yang berbeza-beza mengikut negeri-negeri?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator, nak tanya soalan sedikit, boleh? Minta penjelasan sedikit, boleh?

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Boleh.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey ya. Yang Berhormat Senator setuju atau tidak bahawa kalau rang undang-undang yang sama dibuat di negeri Perlis juga? Persatuan Peguam Syarie ini di negeri Perlis. Sebagai Senator dari negeri Perlis, sebab tadi kita hendak buat kita mulakan dengan Kuala Lumpur dahulu lagi, bukan? Sebab henda-konon hendak dapat kerjasama negeri-negeri, bukan? Sebagai Senator dari negeri Perlis, agak setuju atau tidak kalau perkara ini juga dimulakan di negeri Perlis?

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Saya secara peribadinya memang setuju. Cumanya, apa sahaja penggubalan yang kita hendak buat di peringkat negeri adalah bergantung kepada undang-undang tubuh kerajaan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya akta ini hampir serupa dengan peruntukan di dalam Akta Profesion Undang-undang 1976 kecuali beberapa perkara. Persamaan ini boleh disimpulkan sebagai hasrat untuk memartabatkan institusi Mahkamah Syariah dan profesionalisme profesion guaman syarie.

#### ■1450

Manakala terdapat beberapa perkara yang terkandung di dalam Akta Profesion Undang-undang 1976 yang tidak terdapat di dalam rang undang-undang ini seperti contoh, aspek saaraan peguam syarie dan penetapan kos dalam kes-kes guaman syarie. Jika dilihat di dalam Akta Profesion Undang-undang 1976, saaraan dibuat peguam bela dan peguam cara diberikan peruntukan yang khusus dan jelas.

Perjanjian di antara peguam bela dan peguam cara dengan pihak *client* tentang persetujuan terhadap saraan daripada *client* dinyatakan kaedah-kaedah dan syarat-syarat yang terlibat. Pertikaian terhadap penetapan kos peguam juga dinyatakan mekanisme penyelesaiannya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkaitan aspek penetapan kos dan saraan yang dikenakan kepada *client* terhadap khidmat guaman syarie ini. Adakah perkara saraan dan penetapan kos ini memang tidak ditetapkan peruntukannya di dalam akta ini atau adakah ia akan dirangka melalui kaedah-kaedah tertentu pada peringkat seterusnya? Sekiranya aspek saraan dan penetapan kos bagi khidmat guaman syarie ini tidak diberi peruntukan perundangan yang jelas, maka saya khuatir keseragaman dan pengawalseliaan yang menyeluruh terhadap profesion guaman syarie seperti yang dihasratkan tidak dapat dicapai.

Selain daripada itu, tahap profesionalisme peguam syarie khususnya dalam menentukan kadar bayaran terhadap *client* boleh dipertikaikan dan lebih buruk lagi, apabila mekanisme penyelesaian pertikaian juga tidak dinyatakan dengan jelas di dalam rang undang-undang ini. Saya berharap pihak kementerian memandang dengan serius berkenaan perkara yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membahaskan tentang suatu akta baharu iaitu Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019. Tentulah antara tujuannya adalah untuk kita memperkasakan kedudukan peguam syarie dari sudut hak mereka. Kita lihat sebelum ini agak tidak diberikan hak yang sebenarnya kerana mereka dilihat sebagai orang yang berada di tahap yang kedua selepas peguam sivil.

Sebelum itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana sebelum rang undang-undang ini dibentangkan, perkara ini telah dimohon perkenan kepada Seri Paduka Baginda. Tahniah Yang Berhormat Menteri.

Dalam Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia pada 10 November 2017, jumlah peguam syarie yang ada di negara ini adalah sebanyak 2,768 orang. Adapun jumlah peguam syarie yang terlibat untuk Wilayah Persekutuan hanyalah sejumlah 506 orang iaitu 18.3 peratus. Akan tetapi dalam masa yang sama, mengapakah akta ini tidak dijadikan sebagai satu akta yang menyeluruh, bukan hanya untuk Wilayah Persekutuan tetapi menyeluruh untuk semua negeri dan ia akan memberi manfaat kepada semua para peguam syarie. Inilah yang dihasratkan.

Persoalan seterusnya ialah apakah perancangan pihak kementerian selepas akta ini diluluskan? Apakah perancangan pihak kementerian untuk menambahbaikkan akta ini? Bilakah cadangan pihak kementerian untuk mewujudkan akta yang sama dan menyeluruh untuk semua negara?

Akhir sekali, pengenalan rang undang-undang ini merupakan satu langkah untuk mengangkat profesion guaman syarie di Wilayah-wilayah Persekutuan ke seluruh tahap yang setanding dengan profesion lain khususnya dengan peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Sivil. Saya bersetuju dengan cadangan penggubalan rang undang-undang ini.

Akan tetapi saya berharap pihak kerajaan meneliti dengan secara terperinci persoalan-persoalan yang saya sebutkan tadi. Semoga niat murni yang ingin dilakukan oleh kerajaan dapat mengukuhkan lagi perundangan di negara kita, khususnya untuk masyarakat yang beragama Islam.

Sebelum saya berakhir, ada serangkap pantun ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri.

*Tapai dibuat menggunakan ragi;  
Ragi dibuat di dalam jongkong;  
Jangan bimbang Yang Berhormat Menteri;  
Rang undang-undang yang baik, inshaa Allah saya sokong.*

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya itu berbalas ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Ada sesiapa lagi hendak bercakap, beritahu saya segera ya. Sila.

**2.45 ptg.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019.

Pertama, sebelum saya meneruskan perbahasan, saya ingin merakamkan ucapan jutaan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang mempunyai 93 fasal ini.

Pembentangan ini merupakan suatu penghargaan kepada usaha kerja keras seluruh pasukan yang saya dimaklumkan sebagaimana yang telah pun disebut oleh rakan-rakan Senator yang lain tadi bahawa mengambil masa lebih 30 tahun, yang mana terdiri daripada persatuan pegawai syarie seperti Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia, anggota JAKIM, Mahkamah Syariah, ahli Jawatankuasa Undang-undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, ahli Komuniti Syariah Jabatan Peguam Negara serta rakan-rakan peguam syarie.

Penghargaan juga saya berikan kepada Allahyarham Profesor Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim yang sebenarnya telah mempelopori usaha untuk mewujudkan Akta Profesion Guaman ini sejak dari tahun 1980-an lagi. Dengan wujudnya akta ini yang menekankan berkenaan Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, penubuhan Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie, diharapkan martabat profesion guaman syarie akan diperkasa ke tahap yang lebih terhormat dalam menegakkan hukuman syariah, seterusnya meningkatkan lagi kualiti urus tadbir dan seliaan peguam syarie sebagaimana yang telah juga ditekankan oleh sahabat-sahabat Senator tadi. Secara tidak langsung *insya-Allah*, ia akan memberikan rakyat keyakinan terhadap institusi kehakiman syariah dalam memberi keadilan kepada orang awam. Ulasan pertama peguam bukan Islam tidak boleh beramal sebagai peguam syarie.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang ingin disentuh dalam perbahasan ini. Pertama, berkenaan fasal 12 iaitu berkaitan syarat bagi penerimaan masuk sebagai peguam syarie. Saya menyokong penuh peruntukan syarat yang hanya membenarkan orang-orang yang berkelayakan yang beragama Islam sahaja untuk membuat permohonan sebagai peguam syarie.

Peruntukan ini secara tidak langsung telah mengangkat keputusan yang dibuat di Mahkamah Persekutuan pada Mac 2016 di dalam kes Victoria Jayaseele Martin melawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang memutuskan bahawa peguam bukan Islam tidak boleh beramal sebagai peguam syarie di Mahkamah Syariah. Hal ini juga memberi iktibar dan isyarat yang jelas supaya orang bukan Islam tidak perlu mencampuri urusan umat Islam, selari dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Kafirun yang boleh kita rujuk bersama.

Suka untuk saya membentangkan pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-92 yang bersidang pada 15 hingga 17 Disember 2010 berkenaan hukum melantik orang bukan Islam sebagai peguam syarie. Muzakarah berpandangan bahawa untuk menjadi seorang peguam syarie, seseorang itu perlu mampu menguasai ilmu Al-Quran dan Hadis, bahasa Arab, ilmu *Usul Fiqh* dan *Fiqh* secara keseluruhannya. Apa yang paling penting, ia perlu didasari dengan keimanan kepada Allah SWT, agar tanggungjawab yang dipikul disandarkan hanya kepada Allah SWT dan demi kemaslahatan umat Islam dan keadilan menurut perspektif Islam, sekali gus menjaga kesucian dan kehormatan agama dan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti yakin dan percaya, kecelaruan dan mudarat yang lebih besar akan timbul berbanding kebaikan sekiranya orang bukan Islam dibenarkan untuk memohon dan dilantik sebagai peguam syarie kerana ini akan memberi ruang kepada orang bukan Islam untuk menguruskan hal ehwal orang Islam terutama sekali isu-isu syarak.... [Disampuk] Tidak setuju kah dengan saya itu?... [Dewan ketawa] Oleh itu, saya menyokong peruntukan fasal 12 ini.

#### ■1500

Ulasan kedua, signifikan kuasa Menteri. Perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah berkenaan kuasa Menteri. Perlucutan kuasa Yang di-Pertuan Agong ke atas peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Sejauh manakah ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri dan Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan?

Ketiga, siapakah yang sepatutnya diberi kuasa dalam menentukan kaedah fi yang berkaitan dengan batang tubuh seorang peguam syarie? Pihak Yang Berhormat Menteri atau Majlis Peguam Syarie itu sendiri? Sekiranya di bawah Yang Berhormat Menteri, bukannya ini bermakna tiada kebebasan bersuara diberi kepada peguam syarie sepenuhnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan peguam syarie sendiri dan akta ini sebenarnya akan menyekat peguam syarie daripada bersuara?

Seterusnya keempat, saya amat positif dengan usaha penyeragaman undang-undang syariah di seluruh Malaysia. Banyak ketidakselarasan ini turut memberi kesan kepada psikologi rakyat kita. Ada sesuatu yang dibolehkan di negeri Kelantan, misalnya, tetapi tidak di Perak. Jadi, ia menimbulkan kekeliruan. Contoh lain, pengiktirafan institusi pengajian tinggi yang berlainan bagi menentukan kelayakan peguam syarie. Perkara ini amat penting bagi pelajar-pelajar kita. Bukan itu sahaja, umat Islam sangat perlukan lebih ramai pakar-pakar undang-undang sivil dan syariah daripada latar belakang yang diiktiraf. Kita perlu memudahkan mana-mana yang perlu bagi kemaslahatan kita juga, *in syaa Allah*.

Niat rang undang-undang ini membolehkan peguam syarie mengawal selia sendiri profesion guaman syarie sebagaimana peguam-peguam sivil di bawah Majlis Peguam. Kita memang sangat mahukan peguam syarie mampu bertindak tanpa- *without fear or favor* di dalam beramal sebagai peguam syarie sebagaimana peguam sivil.

Kelima, apakah kajian telah dibuat berkenaan kos yang perlu ditanggung oleh peguam syarie? Jika ada, berapa anggaran kos keseluruhan yang perlu ditanggung oleh peguam syarie sebelum dan selepas rang undang-undang ini dipinda?

Saya difahamkan peguam syarie di bawah Akta Profesion Guaman Syarie 2019 adalah dikehendaki membayar: pertama, fi pengeluaran perakuan peguam syarie ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri di bawah fasal 92; kedua, yuran tahunan sebagai anggota Badan Peguam Syarie iaitu di fasal 47, oleh Majlis Peguam Syarie tidak boleh melebihi RM300; ketiga, levi yang kena dibayar oleh anggota Badan Peguam Syarie tidak boleh melebihi RM300 dalam fasal 47; dan insurans tanggung rugi profesional di bawah fasal 66.

Saya minta Menteri utarakan anggaran kos ini kerana perkara ini penting untuk makluman rakyat di luar sama ada peguam atau rakyat yang akan ambil khidmat peguam syarie.

Terakhir, yang keenam, apakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk mewujudkan Majlis Peguam Syarie demi memartabatkan lagi kedudukan peguam syarie dalam institusi kehakiman negara kita?

Saya akhiri ucapan perbahasan saya dan saya mengharapkan apa sahaja keputusan berkaitan dengan Yang di-Pertuan Agong, ia mestilah dengan telus meminta kelulusan Baginda. Kita tidak mahu wujud implikasi negatif disebabkan kepentingan parti ataupun individu.

Saya mohon agar Menteri perjelaskan persoalan pokok yang menjadi kebimbangan dalam rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat duduk, boleh saya minta satu penjelasan? Di dalam kes yang Yang Berhormat sebutkan keputusan Mahkamah Persekutuan, adakah keputusan sebulat suara atau hanya keputusan majoriti?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih bertanya. Saya ingat saya hendak bagi Yang Berhormat Menteri lah yang jawab ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Tuan Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid. Silakan.

### 3.05 ptg.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur dan amat teruja apabila melihat Rang Undang-undang Profesion Guaman Syariah ini diwujudkan sehingga telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Untuk itu, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Jabatan Perdana Menteri kerana berjaya melaksanakannya. Orang Putih kata, *well done*. Ataupun *navy* kata, "*Bravo zulu*", Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bravo ya.*

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya lihat apabila merujuk kepada Buku Anggaran Belanjawan Tahun 2019, ia merupakan tanggungjawab Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang mempunyai fungsi menggubal dasar, strategi untuk mempertingkatkan prestasi mahkamah syariah negeri-negeri. Akan tetapi, dalam hal ini, kita tumpukan kepada Wilayah Persekutuan dahulu untuk menyelesaikan kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah dalam tempoh enam bulan dan sebagainya.

Untuk itu, memang saya lihat Jabatan Perdana Menteri khususnya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berjaya memenuhi fungsi yang dijanjikan di dalam Buku Anggaran Belanjawan Tahun 2019.

Sedikit perkara yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana apabila kita wujudkan rang undang-undang ini dan diluluskan, kita akan mewujudkan mungkin Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Persekutuan Syariah dah sebagainya, ia tentunya melibatkan ataupun ada implikasi kewangan kepada kerajaan. Untuk itu, kalau ada butiran yang boleh disampaikan kepada kami, saya minta Yang Berhormat Menteri beri pandangan ataupun anggaran berapakah implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh kerajaan apabila rang undang-undang ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi sebelum saya mengundur diri. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita fikirkan kita wujudkan satu akta yakni Akta Gangguan Seksual Ke Atas Kaum Lelaki akibat perlakuan, percakapan dan pemakaian kaum wanita yang boleh menyebabkan kaum lelaki tergodanya hingga boleh menyebabkan perbuatan-perbuatan seperti sumbang mahram, rogol, meraba, pornografi dan sebagainya.

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga perlu dilindungi oleh kerana pelaku-pelaku pemakaian wanita, kita juga tergodanya, kita boleh terjebak dan melanggar undang-undang negara dan boleh didakwa. Untuk itu, kita mohon Yang Berhormat Menteri pertimbangkan supaya ia boleh dibenarkan, supaya kaum lelaki, *inshaa Allah*, boleh selamat, negara menjadi aman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Satu pandangan yang baik. Minta Yang Berhormat Menteri yang jawab.

Hari ini tujuh orang tokoh-tokoh Ahli Dewan Negara kita bercakap dengan panjang lebar dan bernas. Kita nampak Yang Berhormat Menteri kita mendengar dengan penuh teliti dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

### 3.09 ptg.

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:**

Pertama sekali, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan ruang saya untuk, bukan menjawab tetapi membahar. Pandangan-pandangan yang diberi ini tidaklah semestinya mutlak kerana apa yang dibincangkan di sini ialah perkara-perkara yang mendapat pelbagai pandangan dan pelbagai persepsi dan ia tidak akan berakhir.

Ini adalah satu usaha untuk kita memastikan kelulusan kita, jikalau semua bersetuju, adalah di atas kesedaran kita, *our conscious*. Bukan di atas kita terpaksa meluluskannya. Sebab itu saya amat menghargai semua pandangan-pandangan yang telah diutarakan. Adapun sebahagian besar daripada pandangan-pandangan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, adalah isu-isu yang telah pun dibahaskan di peringkat Dewan Rakyat.

#### ■1510

Saya kira itu adalah sebagai satu penegasan semula kepada konsistensi sikap kita pada isu-isu yang telah dibangkitkan. Adapun perkara yang lebih utama saya rasa dan jawapannya adalah lebih panjang di sini termasuklah Perlembagaan Persekutuan dan juga kes yang dibangkitkan iaitu Victoria Jayaseele Martin dengan *Federal Court* tentang isu yang dibangkitkan ada bersama dengan saya di sini.

Akan tetapi saya tidak akan jadikan Dewan mulia ini sebagai satu Dewan mahkamah sebab kita adalah *law maker*. Kita bukan peguam-peguam walaupun sebahagian besar kita adalah peguam tetapi saya kira *law maker* adalah menjangkau mereka yang kita kata peguam-peguam sebab *we make law*. *When we make law*, kita punya *interpretation of the law* mesti *comprehensive*, mesti *inclusive* sebab undang-undang yang akan kita luluskan ini diuji nanti dengan pertikaian-pertikaian di mahkamah di mana kita sudah pun menguasai keseluruhan tajuk-tajuk itu untuk kita pertahankan undang-undang ini.

Oleh sebab itu, saya sentiasa menganggap bahawa kita ini penggubal undang-undang sebenarnya lebih besar daripada sekadar peguam-peguam. Oleh sebab itulah saya merasakan segala pandangan yang diutarakan itu tidak ada yang ditinggalkan melainkan dicatat dalam catatan saya ini dan sebahagian besarnya adalah *repetition* atau pengulangan daripada perbincangan di peringkat Dewan Rakyat. Apa yang paling menarik isu- saya rasa akan saya ambil masa yang agak panjang ialah tentang syarat bahawa untuk menjadi atau masuk dalam guaman peguam syarie ini mengikut akta ini syaratnya mesti beragama Islam.

Saya juga minta rakan-rakan supaya lebih terbuka. Saya sentiasa mempercayai sebagai seorang yang berada dalam bingkai demokrasi, semua undang-undang yang kita bawa sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara akan ada tersinggung isu-isu yang melibatkan Akta Wilayah Persekutuan yang ada kepentingan untuk orang Islam.

Akan tetapi ini bukan bermakna satu kita kata satu halangan kepada yang bukan Islam untuk tidak mempertikaikan atau bertanya sekurang-kurangnya kerana saya meyakini dalam konteks demokrasi kita tidak boleh memilih dan kita tidak boleh menyatakan kaveat-kaveat tertentu untuk di bahas.

Oleh sebab, sebagaimana ianya satu akta seperti akta-akta yang lain, jika di bawa ke Parlimen, kita akan menjangkakan semua orang ada hak untuk memberi pandangan. Apabila di bahas dan apabila diberi penjelasan, akhirnya dalam konteks demokrasi juga Tuan Yang di-Pertua, ia juga perlu diluluskan secara demokratik ataupun ditolak secara demokratik.

Maka, tidak timbul di sini apa-apa isu yang boleh menggugat mana-mana pihak selagi mana kita jelas tentang proses demokrasi kerana yang meluluskannya atau tidak meluluskannya mesti melalui proses demokrasi. Semua kita dilantik secara demokratik dan dipilih juga secara demokratik untuk memberi pandangan dan pendapat di dalam kerangka kuasa yang ada dan di dalam kerangka Perlembagaan yang kita pakai dalam perbincangan-perbincangan kita.

Oleh itu, saya tertarik dengan isu ini sebab masa di Dewan Rakyat, tidak ada daripada yang mempertikaikan soal syarat ini. Cuma, di Dewan Negara ini dan saya kira oleh kerana Dewan Negara ini ialah yang lebih tinggi kerana dia yang akan meluluskan, saya rasa *this Senate has all the right to questions* perkara-perkara sehingga akhirnya kita menerimanya secara demokratik dan kita luluskannya juga secara demokratik. Itu sikap yang saya ambil Tuan Yang di-Pertua sepanjang saya menjadi Ahli Parlimen. Mempercayai bahawa sistem demokrasi itu lah akhirnya akan memutuskan setelah diberi ruang untuk kita bahas.

Mungkin dalam jawapan saya ini- saya ada berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Oleh sebab malam ini ada Santapan Diraja. Jadi saya mohon- mungkin Tuan Yang di-Pertua pun terlibat malam ini ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Jadi, kita malam ini hendak kena pakai *mess kit*, sejam hendak kena siap. Jadi, saya harap saya boleh dapat ruang yang selesa untuk diletakkan supaya masing-masing boleh bersiap-sedia untuk majlis yang besar ini.

Kita mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari yang saya kira dia adalah mesra wanita. Cuma saya hendak *question*, mesra wanita atau mesra ibu tunggal? Itu ada dua perkara yang berbeza itu. Isu yang dipersoalkan ialah tentang banyak yang tidak secara *direct* berkaitan dengan kami iaitu peningkatan cerai. Maksud kami itu dalam akta yang kita bahaskan ini.

Walaupun demikian, apa yang ada kaitannya mungkin di atas sifat usaha kita untuk meningkatkan profesionalisme peguam-peguam syarie ini, kita harap boleh membantu agar ibu-ibu yang dicerai, isteri-isteri yang dicerai dan kemudian dibiarkan mereka itu maka peguam-peguam syarie ini yang telah dipertingkatkan akan mampu untuk membantu mereka sama ada dari segi profesionalisme mereka ataupun dari sudut tadi ada menyinggung persoalan kemampuan mereka.

Saya faham masalah ini sebab ramai sejak saya jadi Menteri Agama ini, sama juga macam Yang Berhormat, saya pun juga mesra wanita sebenarnya. Akan tetapi malangnya, yang ramai jumpa saya ibu-ibu tunggal. Jadi, mereka datang mengadu hal itulah. Ada yang dah berpuluh tahun cerai tidak dapat nafkah. Anak, dia besarkan. Dia hendak tuntutan balik, tidak dapat. Suami hilang. Kadangkala dihina dengan suaminya yang diketahui hartanya berapa. Kadangkala, tuntutan yang diminta itu dibagi dengan nilai yang cukup rendah. Itu semua kita tahu. Itu semua adalah *predicament* mereka yang menjadi mangsa-mangsa suami-suami culas yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, kita melihat perkara ini dua aspek. Saya tidak menyatakan dengan adanya akta ini selesai masalah ini. Tadi ada ditanya tentang adakah ini kerana soal kecekapan atau soal masalah lain? Jawapannya, semua masalah ini berkait antara satu sama lain. Paling besar ialah isu-isu yang melibatkan mahkamah terpaksa tumpu kepada pelbagai aspek. Dia hendak minta cerai satu, kemudian nafkah, kemudian hadanah dan berbagai-bagai perkara yang kadangkala mahkamah itu sendiri di atas sifatnya itu, kadangkala *judgement* lambat keluar, satu.

Kedua, dah keluar *judgement* tetapi penguatkuasaan tidak ada. Malah, suami-suami culas yang tidak bertanggungjawab ini tidak peduli pun. Mereka tidak peduli pun. Datanglah surat mahkamah atau apa, sebab dia tahu *so what*. So, kita melihat perkara ini maka kita ada satu bantuan sokongan keluarga. Bantuan sokongan ini kita ada bagi *certain period of time* untuk isteri-isteri yang dicerai ini kita bantu mereka dan kita membiayai kos guaman mereka.

Kadangkala ia dilanjutkan bukan sekadar kos guaman, tetapi juga keperluan harian mereka. So, itu sebahagian daripada hendak meringankan soal beban ini.

Akan tetapi saya rasa yang paling besar selain daripada akta ini ialah usaha kita yang telah pun diluluskan oleh Majlis Jemaah Menteri baru-baru ini iaitu penubuhan Mahkamah Khas Bahagian Hadanah dan juga Bahagian Nafkah. Maknanya, mahkamah ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak akan bincang benda lain. Dia akan bincang dan bawa kes-kes itu di satu mahkamah khas.

■1520

Satu bahagian khas yang tentang nafkah dan hadanah ini dan lebih penting ialah dalam itu kita meletakkan satu macam ada di dalam perundangan sivil yang lain iaitu ada *bailiff*. *Bailiff* ini kita boleh hendak ambil menyita harta si suami dan boleh juga kita bekukan wang suami jika dia gagal untuk mengeluarkan atau melaksanakan keputusan-keputusan mahkamah. Ada dan telah lulus, *alhamdulillah*.

Kabinet telah lulus dan kita bentuk satu jawatankuasa di mana jawatankuasa ini akan melihat tindakan susulan seperti kita telah dapati berbagai-bagai masalah yang timbul apabila kita hendak cuba laksanakan perkara ini termasuk dia ada kena mengena dengan akta lain. Saya bagi contoh keputusan mahkamah kalau kita hendak kuatkuasakan dalam akta yang melibatkan Bank Negara di bawah Kementerian Kewangan, dia tidak *binding* kepada keputusan Mahkamah Syariah.

Akta itu tidak ada dekat kita, akta itu ada dekat sebelah sana. So, isu dia ialah kita sudah buat akan tetapi dia tersangkut di situ maka kita sedang berunding dengan pihak pemegang taruh utama iaitu Kementerian Kewangan supaya dia boleh meminda. Jikalau dipinda bahawa keputusan mahkamah juga termasuk Mahkamah Syariah barulah pelaksanaan *bailiff enforcement* membeku atau menyita atau menyekat boleh kita laksanakan. So, halangannya masih, cabarannya masih banyak.

Akan tetapi apa yang saya ingin tegaskan dalam kerajaan hari ini kita mengambil peduli tentang soal wanita-wanita yang tertindas di luar sana. Malah apabila saya *announce* bahawa kita akan mengadakan mahkamah bahagian khas ini untuk hadanah, untuk nafkah, dan juga satu kuasa untuk menyita, menyekat ataupun membekukan harta suami yang alih dan tidak alih yang gagal melaksanakan keputusan mahkamah, ramai wanita-wanita yang menelefon, ramai wanita-wanita yang mengucapkan terima kasih kerana perjuangan mereka selama ini dibela oleh satu undang-undang yang memberikan mereka rasa lega. Mereka ada suara akhirnya untuk mereka mengadu dan mendapat keadilan. So, itu respons...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Ya, silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Yang Berhormat Menteri ada memfokuskan mengenai penangguhan kes-kes di Mahkamah Syariah. Jadi saya mohon klarifikasi adakah benar kita mempunyai banyak kes yang bertimbun berbanding dengan Mahkamah Sivil?

Oleh sebab sefaham saya berbanding dengan Mahkamah Sivil, Mahkamah Sivil mempunyai kes yang banyak. Adakah ia hanya mainan di bibir masyarakat ataupun benar bahawa memang penangguhan kes yang banyak di Mahkamah Syariah? Sebab saya difahamkan apabila kita ada contohnya macam *sulh*. *Sulh* telah berjaya mengurangkan banyak kes-kes yang tertangguh dan sampai satu peringkat itu sampai 60 peratus kes dapat dikurangkan.

Jadi mohon klarifikasi daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai betul kah sebenarnya kes Mahkamah Syariah ini banyak berbanding dengan Mahkamah Sivil sebab dia sudah menjadi mainan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Betul dari segi yang menjadi tertangguh itu ialah penguatkuasaan, apabila hendak melaksanakan keputusan tadilah itu. Kalau dia tidak bayar pun nafkah, apa yang hendak ikat dia? So, dia orang terpaksa lagi tuntutan turun naik, turun naik. So kesnya di sini ialah benar jikalau kita melihat masalah yang betul-betul menghantui isu pelaksanaan kehakiman terhadap kes-kes ini banyaknya ialah tentang penguatkuasaan di situ ada banyak masalah.



Oleh sebab itulah kita cuba selesaikan masalah itu dengan satu bahagian khas mahkamah yang tumpu kepada soal nafkah, soal hadanah dan lebih penting penguatkuasaan yang tadi saya kata apabila kita hendak *follow up* setelah dipersetujui sebab ini tidak perlu bawa ke Parlimen sebab dia tidak melibatkan soal akta, ia lebih kepada soal pengurusan sahaja maka kita tersangkut dengan isu yang bukan dari masalah kita.

Ia terlahir daripada masalah akta lain yang menyatakan keputusan Mahkamah Syariah tidak *binding* dan tidak terikat jadi kita tidak boleh *go further* dan saya harap perkara ini kita dapat selesaikan. Adapun perbincangan kita hari ini bukan fasal itu, perbincangan kita hari ini ialah RUU Guaman Syarie. Kita fokus yang itu dahulu.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari juga timbul isu anak guaman yang tidak mampu bayar yuran guaman. Sebenarnya kita dalam RUU ini ada satu kuasa untuk menubuhkan Badan dan Majlis Peguam Syarie di mana Badan dan Majlis Peguam Syarie ini boleh ditubuhkan dalamnya Unit Bantuan Guaman untuk beri khidmat guaman *pro-bono*, percuma kepada mereka yang layak bukan sahaja dalam kes mal yakni cerai, nafkah, hadanah, tetapi juga dalam kes-kes jenayah syariah. Maknanya jika ada undang-undang ini diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini maka kita telah juga pada waktu yang sama membolehkan, meringankan beban melalui Majlis dan juga melalui Badan Peguam Syarie ini menubuhkan satu unit yang sama seperti bantuan guaman khas untuk Mahkamah Syarie.

So, itu satu yang baik yang kita boleh gunakan. Satu lagi yang boleh kita gunakan kaedah ini juga ialah yang saya sebut enam bulan *chambering* itu mungkin salah satu dia punya *task* ialah untuk memberi khidmat kepada mereka yang memerlukan dan dia akan buat itu secara *free*, *pro-bono*, di atas salah satu *training* dia di Mahkamah Syariah. So, itu antara yang kita hendak bantu mereka-mereka yang memerlukan.

Ya, saya setuju memang tidak seragam di antara negeri-negeri, itulah yang kita bicarakan. Itulah yang kita sedang cuba selesaikan sebagai sebahagian daripada penyelesaian iaitu model rang undang-undang di Wilayah Persekutuan diharapkan dapat dicontohi oleh negeri-negeri, secara tidak langsung ia akan diseragamkan. Itulah hasrat kita dan memang tidak dapat dinafikan di sesetengah negeri dia iktiraf yang ini dia tidak iktiraf yang ini. Di sesetengah negeri dia tidak *interview*, di sesetengah negeri dia hanya ambil periksa, di sesetengah negeri dia ambil periksa tetapi susah hendak lulus. Macam-macam kerenah yang kita terima sebagai aduan daripada pengamal-pengamal peguam syarie.

Namun demikian, oleh kerana kita tertakluk kepada *list* negeri dalam *Schedule Nine* Perlembagaan Persekutuan yang kuasa-kuasa pentadbiran agama duduk di bawah kuasa negeri yang membezakan antara kuasa *Federal* dengan kuasa negeri, maka kita tidak boleh *imposed* melainkan kita kena gunakan kaedah penyeragaman.

Kita guna boleh kaedah model-model, kita guna kaedah libat urus, kita guna kaedah rundingan supaya akhirnya Raja-raja yang merupakan kuasa tertinggi dalam pentadbiran Islam di negeri masing-masing dengan perkenan mereka maka dapatlah dilaksanakan undang-undang. Sebentar tadi dinyatakan oleh Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh bahawa Yang Berhormat minta supaya kita ambil berat tentang isu Yang di-Pertuan Agong supaya jangan kita langgar proses.

Itu saya sudah sebut dari awal lagi ya, awal lagi saya sudah sebut semua ini tidak akan berlaku tanpa *due process*. Membuat undang-undang itu penting, mengikut proses undang-undang untuk membuat undang-undang itu sama penting dia. Itu yang kita pakai dalam hendak buat undang-undang yang berkaitan dengan Islam yang kita tahu bahawa akhirnya keputusan kalau melibatkan di negeri adalah Raja-Raja, kalau di *Federal* adalah Yang di-Pertuan Agong.

Oleh kerana itulah kita harap ia boleh dibawa dalam beberapa platform yang telah sedia ada iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam yang mana saya adalah Timbalan Pengerusi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, JAKIM adalah sekretariat, semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan wakil Majlis Agama Islam akan ada dalam platform tertinggi ini. Dalam platform inilah kita bincang.

Dalam platform inilah kita dari *Federal*- Persekutuan turunkan apa dasar-dasar baharu kita, apa usaha-usaha penyeragaman yang kita hendak buat dan kemudian akan dibahaskan di situ dan dipertahankan, dipersetujui atau tidak dan sebagainya.

■1530

Kemudian, keputusan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam ini akan dipersembah maklumkan kepada Majlis Raja-Raja. Sebelum Majlis Raja-Raja bersidang penuh, akan ada satu persidangan *pre-council*. Dalam *pre-council* itu, Menteri Agama akan dipanggil untuk memberi penjelasan kepada agenda-agenda yang kita utarakan. Di situlah satu platform untuk kita bermuzakarah, memberi penjelasan kepada Majlis Raja-Raja ataupun *Ruler's Council* yang kemudiannya akan membawa dalam *full council*. Jika tiada masalah apa-apa, bila diterima, ia akan menjadi dasar dan dia akan menjadi keputusan yang kita akan buat *follow-up* dalam libat urus kita dengan negeri-negeri. So, kita tahu proses itu semua, Yang Berhormat, dan kita ambil maklum. Terima kasih atas nasihat yang berguna itu.

Adakah tempoh *chambering* enam bulan cukup sedangkan di sini sembilan bulan? Jawapannya ialah cukup kerana pada pandangan kami, bidang kuasa yang akan diikuti oleh peguam syarie kita tidak seluas peguam sivil yang mana lebih kepada hal ehwal kekeluargaan Islam dan kes-kes jenayah syariah.

Pada masa ini, tempoh *chambering* tidak selaras dan tidak semua negeri mewajibkan. Sekarang inilah, undang-undang yang ada sekarang inilah, di negeri-negeri ada yang wajib, ada yang tidak wajib. Akan tetapi yang kita buat enam bulan ini sebab mereka tidak buat isu kontrak, mereka tidak buat isu-isu *litigation* yang lain. Dia hanya melibatkan soal-soal di mahkamah tentang *substantive laws* yang terhad kepada kekeluargaan, mal, jenayah syariah dan sebagainya.

Oleh sebab itu kita merasakan enam bulan itu sudah cukup berbanding dengan sivil yang dia terpaksa buat banyak *contract law*, dia terpaksa buat berbagai lagi *convening*... [Disampuk] *Convincing*. Saya bukan *lawyer*, saya tidak berapa reti hendak sebut. Minta maaf, Yang Berhormat sekalian. Saya ini ustaz, mengaji Al-Azhar sahaja. *Convincing*. Dia tidak ada *convincing*. Jadi, dia hanya buat isu-isu yang *substantive* sahaja. Oleh sebab itu, bagi kita, tidak timbul enam bulan itu sama ada tidak cukup atau sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah banyak memberikan pandangan tentang isu fi yang diseragamkan. Fi dikenakan oleh peguam tidak dapat diseragamkan, Yang Berhormat, kerana ia akan bergantung kepada setiap kes. Ia berbeza-beza. Kalau kita letak fi macam itu satu sahaja, maka seolah-olah kita tidak memberi satu ruang kepada *lawyers* kita untuk mengenakan fi yang mungkin dalam kes yang lebih susah, lebih berat, ia memerlukan fi yang lebih tinggi.

So, kita tidak berniat untuk menyeragamkan fi sebagaimana dalam peguam sivil juga tidak mempunyai fi yang seragam bagi kes-kes yang litigasi yang mana ia adalah terpulang kepada apakah kes yang dia sedang uruskan itu.

Dibangkitkan juga dengan isu ahli lembaga yang dikatakan perlu lebih ramai dan luas dalam pelbagai disiplin. Ya, betul. Ia telah diperuntukkan dalam fasal 6 rang undang-undang ini. Walaupun anggota Lembaga telah ditetapkan sedemikian yang dikatakan tidak ramai, namun di bawah seksyen 5(2)(a) rang undang-undang ini, Lembaga boleh melantik pula selepas itu apa-apa jawatankuasa yang difikirkan sesuai dan perlu untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan dalam perjalanan kuasanya. Maknanya, walaupun dikatakan sedikit, tidak ramai, tetapi ia ada ruang untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang sekiranya ia rasa perlu, ia boleh tambah untuk membantu apa-apa masalah yang timbul. Jadi di bawah ini, maka ada ruang untuk pakar-pakar lain boleh dijemput dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa.

Persoalan laporan akauntan dan audit. Di bawah rang undang-undang ini, peguam syarie perlu ada dua akaun. Saya sudah sebut tadi, keperluan akaun firma dengan keperluan akaun pelanggan, akaun pejabat dan akaun klien. Akaun klien adalah untuk menyimpan wang klien yang dipegang oleh peguam syarie sebagai *stakeholder*. Pada masa ini, peguam syarie hanya ada satu akaun sahaja dan dia tidak terikat untuk perlu ada dua akaun. Ketika ini, berbagai-bagai perkara boleh berlaku di mana di dalam akaun itu diletakkan semua wang pejabat, wang masuk klien dan sebagainya.

Satu lagi masalah, kematian peguam syarie ini. Katakanlah dia meninggal dunia, ia akan jadi harta pusaka peguam syarie itu. Dituntut sebagai harta sepencarian oleh pasangan walaupun wang itu mungkin wang klien. Itulah antara sebab kenapa kita rasa perlu ada dua akaun supaya klien tidak dinafikan haknya. Saya tahu peguam-peguam ini dalam banyak kes, mereka yang berdarah tinggi, mungkin dengan kes-kes yang mereka kendalikan, mungkin masa buat kes itu terus meninggal. Jadi, bayangkan apa akan jadi kepada pelanggan-pelanggan itu. Oleh sebab itu, jadi peguam pun kena sihat juga... [*Dewan ketawa*] Sama seperti ahli politik. Tadi sudah diselesaikan.

Perkara lain yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk pinda Akta 355 untuk memartabatkan bidang kuasa mahkamah syariah. Telah saya sentuh tadi bahawa kita melihat keutamaan-keutamaan yang perlu diberi tumpuan.

Kalau Akta 355 itu, ia berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah syariah yang mana tujuan dan doktrin bidang kuasa ini dari awal telah dibuat untuk tidak berlaku di sana pertembungan antara sivil dengan mahkamah syariah. Kita terima itu sebagai satu undang-undang yang berjalan di dalam negara kita. Meningkatkan Akta 355 dengan hukuman-hukuman yang mungkin akan bertembung dengan sedia ada memerlukan kajian yang lebih mendalam. Sehingga itu, adalah lebih baik kita tumpu kepada prioriti yang ada di depan mata kita yang masih perlu kita kata disegerakan berbanding dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

Kemudian, isu hak umat Islam melaksanakan undang-undang syariah. Saya bersetuju bahawa syariah itu adalah merupakan hak. Ia mesti diusahakan oleh peribadi dan juga mereka yang ada kuasa. Namun demikian, mungkin kita perlu berbahas dengan lebih luas dan lanjut apakah yang dimaksudkan dengan syariah itu. Apakah syariah itu hanya dalam urusan undang-undang atau syariah itu dalam undang-undang itu pun disempitkan hanya kepada undang-undang hudud sahaja atau bagaimana? Sedangkan, kita kembali kepada roh yang mengajak kita makna syariah itu ialah- seluruh kehidupan kita adalah syariah. Bersikap adil adalah syariah. Memberikan hak kepada mereka yang berhak adalah syariah. Meningkatkan proses keadilan adalah syariah. Menjaga keharmonian adalah syariah.

#### ■1540

Tidak ada dalam kehidupan kita yang tidak ada syariah. Bahkan, dalam undang-undang sivil pun, kenapa yang kita- masa jadi pembangkang dahululah, bising tentang isu-isu undang-undang yang terpakai yang tidak bersandarkan kepada *Bara'atu Zimmah* contohnya, *Innocent until proven guilty*. Apakah ini bukan daripada syariah yang disebut dalam kaedahnya *Bara'atu Zimmah*? Tidak boleh orang itu dikatakan bersalah sehingga dia terbukti bersalah. Sedangkan doktrin yang diamalkan dalam banyak undang-undang hari ini, "Engkau sudah bersalah, buktikan aku engkau tidak bersalah".

Itu adalah satu yang berlawanan dan bercanggah. Apakah apabila kita berdiri mempertahankan *Bara'atu Zimmah* bukan syariah? Inilah perkara-perkara yang saya maksudkan perbahasan kita tentang syariah itu perlu diluaskan dan jangan disempitkan. Hanya kepada undang-undang, kemudian dia sempitkan lagi pula, hanya undang-undang jenayah syariah semata-mata.

Dipersilakan Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, atas isu ini saya rasa antara cabaran yang paling sukar untuk kita juga ada yang mengatakan bahawa undang-undang syariah hari ini yang *duk* kena orang miskin, itu yang saya risau. *Duk* kena hukum sebab tidak minum arak, wanita. Pekerja itu yang miskin-miskin yang ramai, yang kaya-kaya tidak kena. Jadi saya rasa apa yang Yang Berhormat Menteri jelaskan tadi ataupun bahaskan tadi itu adalah untuk hendak menzahirkan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] itu, saya rasa itulah cabaran kita dalam memastikan naskhah undang-undang ini dirasai, mampu melakukan keadilan. Terutama sekali, bukan sahaja mereka yang bawah-bawah ini.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin tidak perlu menjawab secara khusus. Akan tetapi, saya rasa setuju sekiranya katakan itu ialah antara cabaran kita memastikan bahawa naskhah undang-undang ini, walaupun bentuk profesion ini apabila diamalkan, keadilan itu dapat terpakai kepada semua orang bukan sahaja mereka yang lemah. Itu pada pandangan saya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator tadi bahawa mana-mana undang-undang sekalipun tidak terkecuali undang-undang ini yang akan dilihat akhirnya pada undang-undang itu bukan namanya, tetapi adakah dia mampu bertahan dengan ujian keadilan ini. Itulah baharu kita boleh namakan ia satu undang-undang yang benar-benar termasuklah tanpa mengira bulu. Orang itu miskin, orang itu kaya, keadilan tetap terpakai kepada semua pihak.

Itu kerajaan hari ini cuba jamin bahawa perkara tersebut akan dilakukan dan tidak ada yang lebih besar daripada itu. Itulah tuntutan syariah sebenarnya... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Antaranya bermaksud, jangan kamu kerana dia bukan dari kalangan kamu, kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, sesungguhnya ia lebih hampir kepada sifat-sifat ketakwaan, dan boleh masuk pandangan Yang Berhormat Senator itu dalam sebahagian daripada ucapan saya dalam penggulungan itu.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Itulah yang kita maksudkan bahawa syariah itu lebih luas daripada apa yang kita jangkakan. Saya tidak menyatakan yang itu tidak syariah, tetapi syariah itu mesti di fahami dalam skop yang lebih luas sekali. Silakan.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu baik penjelasannya. Cuma saya ada sedikit sahaja berkenaan dengan undang-undang syariah ini.

Sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri tahu, dalam undang-undang syariah ini ia ada undang-undang yang di istilahkan sebagai hak Allah, yang ditentukan oleh Allah, yang telah ditetapkan hukumannya oleh Allah, yang tidak ada hak kerajaan untuk memindanya, yang istilahnya semua yang kita sudah kenal dan Yang Berhormat Menteri pun tahu. Satu lagi ialah undang-undang itu yang dipanggil hak Allah dan satu lagi ialah undang-undang di bawah bidang kuasa kerajaan yang dipanggil takzir. Jadi, kedua-dua undang-undang ini harus diakui dan diiktiraf.

Apa yang menjadi masalah sekarang ini, oleh sebab mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam dua bidang tadi, maka undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah yang kita panggil sebagai hudud dan qisas semacam dinafikan dan digantikan dengan undang-undang takzir.

Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita perlu mengutamakan yang utama dan yang segera, saya setuju. Akan tetapi, namun kita hendak menafikan hak Allah dalam undang-undang ini, itu adalah suatu yang sangat berat. Sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi dan hak Allah yang tidak pernah disebut dan tidak pernah diiktiraf ataupun tidak pernah dimaktubkan dalam Perlembagaan kita.

Oleh sebab itu, undang-undang jenayah syariah itu bercanggah dengan undang-undang negara. Jadi, sedangkan undang-undang Allah itu yang lebih tinggi. Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang ini, undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT itu tidak dapat dilaksanakan kerana bercanggah dengan Perlembagaan negara kita. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Ini bukan untuk sekarang, tetapi dalam jangka masa yang lama. Bagaimana proses untuk mengharmonikan supaya hak Allah tidak dinafikan, hak kerajaan pun tidak dinafikan dan hak rakyat pun tidak dinafikan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu habis pukul berapa ini. Saya ada banyak lagi hendak jawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Ada dua perkara yang kita kena faham sebelum kita membuat apa-apa rumusan terhadap isu hak Allah yang tidak ada mana-mana orang yang Muslim, yang mukmin mahu menafikan hak Allah kerana itu adalah merupakan sebesar-besar dosa. Itu kita kena *clear* benda itu.

Akan tetapi dalam melaksanakan hak Allah juga, di dalam syariat kita dan syariat itu adalah hak Allah. Dia juga meletakkan beberapa syarat. Satu daripadanya- hatta kita hendak diminta untuk bertakwa sekalipun, Allah SWT kata... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Takwalah kamu dengan sebaik-baik takwa". Lalu para sahabat menyatakan ini terlalu berat untuk mereka hendak... [Berucap dalam bahasa Arab] Dengan sebenar-benar.

Dengan kelemahan-kelemahan yang ada pada mereka, maka turun ayat... [Mengucapkan sepotong ayat Al-Quran] Maka, *istito'ah* adalah sebahagian daripada apa yang dikatakan hak Allah itu hendak dilaksanakan.

Termasuklah di dalam bab melakukan ibadah haji, itu hak Allah. Akan tetapi, disyaratkan... [Berucap dalam bahasa Arab] Seseorang itu tidak pergi haji atau tidak mampu bertakwa sampai tahap begitu bukanlah kerana dia itu hendak mengingkari hak Allah tetapi Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang, tahu tentang kekurangan-kekurangan yang ada, maka diberikan kepada kita satu rukhsah yang besar iaitu kemampuan, itu satu.

Kita boleh bahas di sini Tuan Yang di-Pertua, apa itu kemampuan dalam konteks hak Allah dalam siasah syariah, itu satu bab. Hatta dalam pelaksanaan bab hudud sekalipun, apakah kita tidak baca di dalam *l'lam al-Muwaqqi'in*, di dalam *Ibnu Qayyim al-Jawziyya* merakamkan dalam satu perkara tentang apa yang disebut sebagai pengecualian-kecualian yang menurut suasana, suasana ketika hukum itu hendak dilaksanakan. Antara lain disebut tentang undang-undang yang dikatakan hak Allah itu sendiri digantung pelaksanaannya di atas sebab-sebab, keadaan-keadaan yang tertentu. Itu adalah hak Allah. Apakah kita menyatakan dia tidak buat itu, dia mengingkari hak Allah? Saya rasa fahaman mereka terhadap hak Allah mungkin lebih hebat daripada kita pada hari ini...

**Puan Asmak binti Husin:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Duduk.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya belum habis lagi. Ini *floor* saya, saya akan bagi bila saya hendak bagi. Jadi, saya menyatakan bahawa- saya mohon kepada Dewan ini khususnya kepada kelompok tertentu yang mengandaikan apabila kita tidak buat itu, dia kata kita mengingkari hak Allah lalu merumuskan kita berdosa kerana kita tidak melaksanakan hak Allah.

■1550

Ini saya kira perlu dipelajari tentang beberapa perkara di dalam Islam. Antara lainnya ialah *maqasid syariah* yang muktabar, yang dikira, bukan *maqasid syariah* yang *lagho* dan yang lebih penting ialah siasah syariah. Apakah dengan tidak melaksanakan itu terus dihukum kita tidak memberi hak Allah? Maka dengan kesedaran ini Yang Berhormat Senator, kita balik kepada asas. Tidak ada siapa yang hendak menafikan hak Allah. Apa yang ada di depan kita ialah apa yang kita kata realiti-realiti atau bila kita tengok wahyu yang diturunkan itu pun, maka diberikan kepada Rasulullah SAW ruang-ruang untuk pelaksanaan itu agar yang lebih penting apabila hukum itu dilaksanakan, maka persediaan-persediaan yang telah sedia ada dibina dengan baik, termasuklah infrastruktur keadilan dan termasuk syarat pelaksanaan.

Apa yang dikatakan hak Allah itu, termasuk juga hak Allah ialah memberi keadilan. Kalau orang itu mencuri kerana dia lapar, maka yang melakukan kecurian itu bukan sebab dia mahu mencuri tetapi kerana kerajaan tidak memberi dia makan. Maka, yang dipertanggungjawabkan adalah kerajaan dan bukan orang yang mencuri.

Maka, memberikan ekonomi yang baik kepada rakyat, memberikan rakyat supaya hidup sejahtera, memberikan kehidupan yang lebih aman dan selesa. Itu adalah hak Allah juga yang kita kena penuhi. Jadi, jangan sampai kita menyempitkan hak Allah yang luas itu dengan menyatakan ini saja hak Allah, yang lain tidak ada hak Allah. Kita meletakkan seorang pemimpin yang adil, itu juga adalah hak Allah. Kita memimpin negara ini dengan tanggungjawab dan amanah. Itu juga adalah hak Allah.

Kenapa kita hanya menyebut hak Allah dalam perkara-perkara yang kita hendak saja dengan menyatakan kalau tidak buat ini, maka kita akan dianggap mengingkari hak Allah.

Saya tidak mahu untuk masuk lebih panjang dan saya rasa niat Yang Berhormat Senator cukup baik untuk menyatakan kepada kita bahawa jangan ada siapa-siapa yang menafikan hak Allah ini. Tidak ada siapa pun yang menafikan hak Allah ini dengan kesedaran yang begitu jelas dalam benak kepala kita bahawa kita juga terikat dengan hak Allah yang lain untuk melaksanakan kerana *maqasid* syariah itu mengandaikan bahawa semua perkara itu ada *maflatul af'al*, mesti ada *consequence*. Kalau kita buat atas nama Islam pun tapi *consequence* nya tidak baik, maka itu bukan dinamakan sebagai Islam. Saya boleh *go on* sebab ini memang tajuk saya dan saya menulis banyak buku tentang soal ini.

Cuma saya hanya ingin menjelas dan memberikan ketenangan kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan bahawa jangan mudah kita merumuskan hak Allah itu dengan kita menyatakan tidak buat ini adalah merupakan kita menafikan hak Allah.

Disebut tentang penyelesaian kes, saya sudah sebut sudah tadi. Ini fasal lambat penyelesaian kes. Saya rasa saya hendak masuk kepada isu wanita di mahkamah, ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Tidak ada di dalam Dewan ini, keluar. Saya hendak maklumkan, memang salah satu KPI kita di pentadbiran Islam secara umum ya, kita memang meletakkan *target* 30 peratus penglibatan wanita.

Untuk pengetahuan ya, di JAKIM sendiri, di belakang saya ini pun ada ini, salah seorang ini adalah antara salah seorang daripada contoh yang kita sudah capai *target* bukan 30 peratus, lebih sudah, di JAKIM yang mempunyai kedudukan yang kita kata pegawai-pegawai yang tinggi, yang terdiri daripada wanita dan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Dasar di JAKIM adalah seorang wanita.

So, ini adalah satu usaha kita dan kita akan- di Selangor ada dua wanita yang menjadi Hakim Mahkamah Tinggi, Ketua Pendaftar kami adalah seorang wanita dan kita akan cuba laksanakan di negeri-negeri lain juga bahawa wanita tidak kurang hebatnya untuk menjadi hakim-hakim yang adil dan ini baru mesra wanita, Yang Berhormat. Bukan cakap saja, bagi terus. Jadi, jangan bimbanglah bab itu *you can have my guarantee on that*.

Okey, saya hendak masuk kepada isu yang lebih besar yang saya rasa ini akan memakan masa yang panjang. Yang dibangkitkan- sebenarnya celahan saja tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga celah, tapi yang berucap tadi adalah sahabat saya, Yang Berhormat Senator Mohd Yusmadi yang bercakap tentang isu *ethics*. Ya, tidak dinafikan masih pada satu fahaman yang sama bahawa dalam apa-apa isu pun, akhirnya yang menentukan kejayaan sesuatu itu ialah etikanya, bukan soal bagus undang-undang, bukan soal kita berjaya ekonomi dan sebagainya. Akan tetapi yang lebih penting ialah yang hendak menjayakan ekonomi itu siapa mereka.

Saya bersama menyokong dan saya rasa peruntukan dalam undang-undang yang ada ini ia tidaklah *rigid*, ada ruang-ruang dalam kaedah-kaedah, ada ruang-ruang yang boleh meletakkan *ethic* tidak ada *conflict of interest*, *ethic* tidak boleh ada *attachment* yang terlalu sentimental kepada *clients* sehingga ia menafikan keadilan dan sebagainya. Sudah tentu perkara itu, macam orang putih kata, *it's at the bottom of this act*. Itulah semangat *act* ini iaitu etika-etika dan falsafah-falsafah yang kita hendak. Oleh sebab itu hari ini kita tengok, hatta di dalam kehakiman sekalipun.

Hari ini mahkamah Tuan Yang di-Pertua, tidak hanya bercakap tentang punitif ataupun *eqqabi* dalam bahasa Arabnya. Ia juga bercakap tentang *Islahim*, ia cakap tentang *rehabilitative*. Oleh sebab beberapa orang yang dihukum daripada keputusan mahkamah, yang masuk penjara, yang kena sebat, yang kena rotan tapi keluar, ramai lagi penjenayah-penjenayah yang masuk. Apa tandanya kalau bukan *failure* atau sekurang-kurangnya *not effective enough*.

Maka, hari ini perundangan telah mengalih kepada satu lagi falsafah iaitu *rehabilitative*, yang mana *rehabilitative* ini yang hendak diberikan ruang kepada pesalah-pesalah ini ialah ada ruang untuk mereka baiki diri mereka melalui pendekatan yang bon berkelakuan baik, pendekatan komuniti servis sehingga kita hendak melahirkan dalam diri dia tanggungjawab, kesalahan yang dilakukan itu bukanlah dunia akan kiamat tetapi anda mempunyai ruang dan sudah tentu saya bercakap ini tidak terlalu umum.

Ia kena tengok dululah kes dia itu berat kah, kes dia itu sudah terlalu meluas kah atau dia ini orang yang berulang kah. Itu terpulang lah tetapi perlu ada satu ruang untuk melihat bahawa akhirnya, isunya bukan hendak hukum orang tapi isunya ialah untuk hendak bagi orang itu pulih dan kembali dia kepada jalan yang benar.

Untuk membuat itu, falsafah ini kita perlu *moved* daripada punitif kepada *rehabilitative*. Mahkamah Syariah, *alhamdulillah* sudah pun meletakkan ini sebagai satu platform baru untuk kita memberikan ruang mengikut keperluan-keperluan hakim untuk memberi ruang kepada dia membaiki diri dia melalui bon berkelakuan baik, melalui program komuniti servis supaya seseorang itu diberi *second chance* untuk dia membaiki diri dia.

Adapun soalan yang lebih *interesting* dalam hal ini ialah fasal 15 yang dibangkitkan dalam rang undang-undang ini yang disebut sebagai peguam syarie mestilah seorang yang beragama Islam. Adakah ia bertentangan dengan Perkara 8, dalam Perlembagaan Persekutuan? Perkara 8, dalam Perlembagaan Persekutuan menyebut tentang satu daripada asas Perlembagaan kita iaitu *equality*. Dengan izin, "*All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law, except as expressly, authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent, place of birth or gender in any law or in the appointment of to any office or employment under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition holding or this position of property or the establishing or carrying on off any trade, business, profession, vocations or employment*".

#### ■1600

*That is the full text* yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga, di mana ia dikaitkan dengan isu ini yang meletakkan *provision*, syarat itu mestilah Muslim. Itu isunya yang kita sedang bahaskan ini.

Sudah tentu dalam kita membahaskan perkara ini, *landmark case* yang tadi dibangkitkan ialah Victoria Jayaseele Martin yang berdebat dengan alasan yang sama seperti Yang Berhormat Senator Tuan Nga hari ini membangkitkan perkara yang sama. Yes, ia bukan keputusan sebulat suara. Ia keputusan 3/2. So, itu jawapannya tadi.

Yang Berhormat Senator, saya tolong jawab bagi pihak Yang Berhormat Senator ya. Bagus saya ini tolong jawab bagi pihak Yang Berhormat Senator sebab saya tahu Yang Berhormat Senator itu pun duduk cari tidak jumpa lagi.

Jadi, okey itu satu betullah. Ia bukan ketiga-tiga bersetuju. Akan tetapi kita hendak dengar apa hujahnya. Saya rasa itu lebih penting. Apabila dipakai hujah ini dan hujah ini boleh dihujahkan balik. Akan tetapi sekurang-kurangnya untuk *benefit of this* Dewan, kita mengingatkan semula bahawa kasus ini sudah di bahas dan bukan ia merupakan perkara yang baharu.

Menarik dalam hal ini, berdasarkan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya terpakai ke atas orang Islam sahaja. Itu antara hakim membuat perbahasan, *judgement on what basis*. Oleh itu sekiranya orang bukan Islam menjadi peguam syarie, syariah tidak berbidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap peguam tersebut sekiranya peguam itu melakukan *contempt of court* sama ada di dalam atau di luar mahkamah. *You cannot take action against this non-Muslim lawyer in the case where there is the contempt of court, in the court or outside the court because this lawyer is not binded* dengan keputusan-keputusan Mahkamah Syariah.

Hal ini adalah disebabkan seksyen 210 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)- saya *refer* kepada Wilayah Persekutuan iaitu mengenai penghinaan mahkamah tidak terpakai kepada orang bukan Islam. Jelas disebut di situ. Hal ini boleh menjejaskan kredibiliti dan imej Mahkamah Syariah dan usaha murni kerajaan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah. Maka jika ini berlaku, sebahagiannya akan menjadi sia-sia.

*At the same time*, dengan izin, kita menyatakan hendak memartabatkan Mahkamah Syariah, *at the same time* kalau *clause* ini kita tidak letak, maka kita buka satu ruang untuk Mahkamah Syariah ini apabila dihina, *contempt of court*, ia tidak boleh buat apa-apa.

Ini kita buka pintu, tetapi yang ini tidak boleh pula hendak terikat ke atas kes jikalau berlaku *contempt of court*.

*It will defeat the purpose of this bill, inter alia sentences the Mahkamah Syariah. Unless we are prepared, kita bersedia bawa keputusan Mahkamah Syariah juga binding kepada non-Muslim. I have do not seen there is a spirit of the discussion.* Oleh sebab itu kita menyatakan bahawa persoalan sama ada syarat Islam tersebut bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan, perkara ini telah dibincangkan dan dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan. Di antara prinsip undang-undang yang relevan dan keputusan telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan berhubung dengan isu ini adalah seperti berikut.

Apa yang relevan dalam isu ini tentang Artikel 8, *Federal Constitution*, dia kata, *the law on Article 8 of Federal Constitution is settled*. Selesai sudah, tidak ada isu di situ. *A law that discriminate is good law if it based on reasonable of permissible classification*. Tidak semua yang dikatakan *discrimination* itu tidak baik. Kalau saya tengok orang susah, saya bagi dia lebih berbanding dengan orang lain. Adakah saya bagi dia lebih itu saya dianggap *discriminate*? Tidak sama sekali.

Jadi, ada kes-kes yang antaranya disebut di dalam kes *Datuk Haji Harun Idris versus Public Prosecutor* tahun 1976 *where his*, dengan izin, "*Suffian in referring to the Indian Supreme Court case of Shri Ram Krishna Dalmia versus Shri Justice S. R. Tendolkar held the law that discriminate is good law if it based on reasonable or permissible classification. Two condition must be satisfied*". Dua syarat, dengan izin, "*The classification is founded on an intelligible differentia which distinguisher persons that are group together from others left out of the group*".

Syarat kedua, "*The differentia had a rational relation to the object sought to be achieved by the law in question. The classification may be founded on different bases such as geographical or according to objects or occupations and the like. What is the necessary, is that there must be a nexus between the basis of classification and the object of the law in question?*"

Untuk memperkukuhkan lagi ini, kalau kita membaca Artikel 8 sekalipun di atas semangat ini, ada menyebut *equality* Perkara 8(1) yang saya baca tadi, (2) disebut dalam (5), ia tidak habis. Ada (2), (3), (4), (5) di mana disebut di sini "*This Article does not invalidate or prohibit- (a) any provision regulating personal law;. Penting (b) ini, "any provision or practice restricting office or employment connected with the affairs of any religion, or of an institution managed by a group professing any religion, to persons professing that religion;"*". Even in the same clause, dengan izin, dalam *clause* yang sama, dia sudah sebut tentang yang dikatakan *not all discrimination is bad*. Ada yang dikatakan *permissible and good*. Ini didefinisikan sebagai *permissible and good*.

*For example*, kalau seorang datang dekat saya. Ini *very extreme case*. Saya hendak dakwa Artikel 8 ini, saya tidak diberi hak apa, tidak boleh jadi imam contohnya. Sedangkan yang tuntutan hak itu dia bukan Islam. Sedangkan imam itu memang khas untuk orang Islam atau orang Islam tuntutan atas Artikel 8, saya pun hendak ada hak hendak jadi paderi, contohnya. Itu sudah masuk dalam *boundary classification of that particular group or religious beliefs*. Maka *we consider* dalam isu peguam syarie, *it is invaded* dalam peguam syarie itu perkara-perkara yang dia akan berhujah dengannya ialah al-Quran dan as-Sunnah, dia akan berhujah dengannya *is not just the al-Quran dan as-Sunnah*. Ya kita tahu ada ramai...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sekejap Yang Berhormat Senator. Bagi saya-saya *duk syok* ini. Saya hendak *landing* nanti saya bagi. Apabila ada orang belajar Islam, *yes* Tuan Yang di-Pertua, dia boleh *excel better even than a Muslim*. Dia belajar di UIA, dia belajar di mana, *yes they can excel*. Akan tetapi *the whole idea is however, the classification must have rational relation to the object*.

Dikatakan di sini tentang keperluan yang lebih besar daripada sekadar ada ilmu tentang perkara tersebut, *further having a peguam syarie who profess the religion of Islam is important*, dengan izin, *to achieve the object of the acts. Faith here being the cornerstone is necessary to achieve the object of the acts*.



■1610

*It must be noted that one of the important duties of the peguam syarie is to assist the Syariah Court, in upholding the Syariah law. First and foremost, the profession is based on the concept of Islamic believe in Allah. One of the most important criteria which makes an upright and virtues peguam syarie is for the lawyer to have aqidah. This is a keputusan yang disebut dalam Mahkamah Persekutuan.*

*Aqidah which simply means belief with certainty and conviction in one's heart and soul in Allah and his divine law. Thus, from the perspective of syariah, it is fundamentally crucial- fundamentally crucial for peguam syarie to be selected among the Muslims, and only those who have faith in the religion of Islam and who are able to perform their duties with full conviction of that belief with due respect to the respondent.*

*She is of the Christian faith is referring to this case that we are talking about. Her faith is surely in conflict with the Muslim aqidah in that sense. How is she to fulfill her duty to assist the Syariah Court in upholding the Syariah law. Thus, in our judgement, we find that the classification can be regarded as reasonable. As it is nexus between the- rule and the object of the act. It is therefore our considered view that the- Article 10 does not contravene Article 8 of the Federal Constitution and it is therefore not unconstitutional.*

Oleh itu, persoalan sama ada fasal ini bertentangan dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berbangkit dan kita akan berpegang dengan keputusan ini. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit sahaja. Sekadar ambil peluang bagi perkara yang baik ini dapat direkod di dalam *Hansard*. Jadi apabila pada masa hadapan rujukan dibuat isu-isu ini dibangkitkan.

Yang Berhormat Menteri, saya rasa saya ada sedikit permasalahan untuk menerima bahawa apabila naskhah undang-undang ini diperkenalkan. Ia adalah diperkenalkan pasca kes Victoria. Victoria kita membuat penterjemahan tafsiran undang-undang. Setakat yang undang-undang ada masa itu sebelum undang-undang ini. Undang-undang ini di perkenalkan pada tahun 2019, satu.

Dalam kes Victoria juga Yang Berhormat Menteri, di sini macam Yang Berhormat Menteri kata tadi, kita bukan hendak berhujah berdasarkan apa yang peguam di sana. Cuma saya mengambil semangat yang Menteri kata *we are the law maker*. Kita sebenarnya membuat satu perkara yang ke hadapan. Apa yang ingin saya mohon menyatakan di sini Menteri ialah kalau isu *contempt* tadi yang ditimbulkan menjustifikasikan bahawa sebab itulah peguam itu kena peguam Islam sahaja kerana bukan Islam tidak boleh dihukum.

Saya rasa itu satu sisi yang bagi saya kurang tepat pada pandangan saya. Sisi yang paling kita kena tengok di sini ialah Fasal 5, Subseksyen 3, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang mengatakan setiap rakyat Malaysia mempunyai hak untuk diwakili oleh peguam-peguam yang mereka pilih sendiri. *Council of choice*. Ini kerana adalah isu *legal profession* ini, dengan izin, Menteri saya buat satu pandangan tambahan sahaja ialah isu representasi. *Access to justice*.

Tujuan *legal profession* ini peguam ialah hanya sebagai memastikan rakyat Malaysia terutama sekali dalam konteks ini mereka yang beragama Islam mempunyai ruang seperti mana yang dijanjikan dalam Perlembagaan iaitu mereka boleh diwakili oleh peguam mereka. Bukan sahaja peguam mereka, dipanggil *council of choice*. Itu dijamin oleh Perlembagaan. Itu perkara *aula* dan malah apabila di dalam konteks kita berbicara sebagai peguam, saya ingat betul kan saya Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan peguam yang lebih senior daripada saya di sini, peguam ini hanya lah agen. Kita hanya lah agen, agensi mewakili anak guam.

Kalau pendekatan yang diambil sebagai katakan tadi yang diberikan oleh pegawai tadi ialah dia mesti menjadi penganut *believer*. Isunya *believer*. Saya rasa saya kurang bersetuju.

Oleh sebab itu apabila kes ini pun seperti yang Menteri maklum tadi dia adalah 32 iaitu malah hakim yang berbeza pandangan itu agak hakim kanan juga. Hakim Suriadi, Yang Arif Hakim tidak salah saya, Zaharah. Kalau tidak salah saya lah. Betulkan saya kalau saya salah. Akan tetapi apa yang saya ingin galakkan pada rakan saya terutama saya tahu beliau amat ke hadapan. Malah mencari jalan ruang sejauh mana Islam itu dapat juga diangkat *seaula* yang mungkin. Terutama apabila kita mempunyai pilihan untuk meletakkan perkara itu sewajarnya.

So, dalam konteks ini saya rasa Yang Berhormat Menteri, kalau pandangan yang dikatakan tadi itu disebabkan hukuman *contempt* tadi itu, saya rasa kita telah melihat sisi pandang yang bagi saya mengecilkan peranan yang sebenarnya patut kita angkat iaitu, dengan izin, isu *access of justice*. *That's why justice* itu dikemaskan dengan representatif peguam dan kemaskan lagi dengan undang-undang ini dalam konteks syarie. Dalam konteks sivil kita pakai *Profession Act*.

Akhir sekali saya juga ingin menarik- merekodkan sebenarnya tanpa membebankan Menteri untuk berbahas dalam masa pendek ialah kita di sini peguam kah dan sebagainya hanya berperanan sebagai, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah *officer of court*, mesti dihujahkan tadi. *To assist court*. Tidak lebih daripada itu pun. Malah kalau diskusi itu mengatakan dia gagal untuk menjadi *court officer*, membantu mahkamah- sekiranya ia tidak boleh dihukum itu kita mengambil pendekatan, dengan izin, *to negate*. "*Negate*" ini maksudnya kita mengambil pendekatan dalam bahasa hukum- saya tidak pandai sangat sikit-sikit semua perkara itu adalah mubah, boleh.

Perlembagaan kata ada bagi. Hak untuk diwakili, hak untuk bercakap, hak untuk tidak boleh- hanya dalam keadaan tertentu baru ia boleh diambil ataupun dinafikan. Jadi dalam konteks ini Yang Berhormat Menteri, saya lebih mahu melihat sejauh mana naskhah undang-undang ini membesarkan, dengan izin, *the fundamental right* itu tadi iaitu hak rakyat Malaysia untuk diwakili peguam yang mereka pilih seperti mana yang ditetapkan di bawah Fasal 5 dan 3. Jadi dalam konteks ini Menteri saya juga tidak mahu memanjangkan isu ini. Cumanya saya berbesar hati untuk memberi pandangan ini. Itu sahaja Menteri. Terima kasih di atas penjelasan Menteri itu tadi.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya sekali lagi ingin merakamkan terima kasih kerana perbahasan ini telah membawa kita kepada satu tahap yang lebih matang untuk berbincang bukan atas emosi. Akan tetapi atas keperluan-keperluan undang-undang dan juga realiti-realiti semasa yang mungkin pada pandangan sesetengahnya dalam konteks *representation of justice access*, *to representation of justice* itu adalah antara perkara *fundamental* yang ada dan *lawyer* sebagai agen-agen yang telah disebutkan tadi.

Cuma kita juga kena memahami tatkala kita berbicara tentang persoalan ini ialah kena melihat kerangkanya secara menyeluruh. Ini kerana undang-undang itu bukan sekadar undang-undang yang kita kata *raw* atau yang kita kata sebagai mentah semata-mata. Akan tetapi undang-undang dan Perlembagaan itu sendiri datang dalam suasana sejarah yang panjang, dalam realiti-realiti yang terpaksa kita lalui, dalam adat-adat dan tradisi. Itu perlu diambil kira dalam pembentukan Perlembagaan soal Raja-Raja, soal *tri-party agreement*, soal-soal British yang meninggalkan legasi dengan undang-undang yang hari ini kita pakai.

Maka dibuatlah berbagai doktrin agar tidak dilihat bertembung atau bercanggah antara contohnya ialah Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah contohnya. Maka ada pula kuasa negeri dalam bab-bab menentukan Mahkamah Syariah negeri contohnya. Semua perkara ini Yang Berhormat adalah bukan kita punya beban. Akan tetapi itulah keunikan kita membentuk segala proses undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini bersama dengan Ahli-ahli Dewan yang mahu berfikir ke arah itu. Bukan sekadar berfikir kepada perkara-perkara yang remeh, perkara-perkara yang runcit tetapi memikirkan perkara yang *justice*.

Akan tetapi pada waktu yang sama, pemikiran itu perlu diletakkan dalam kerangka realiti. Dalam proses itulah kita membaikinya daripada masa ke semasa. Sedangkan perkara ini bukanlah mutlak dan soal akidah sehingga tidak boleh di bincang. Ia sekadar perkara-perkara yang... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Walaupun dia berubah dengan berubahnya zaman untuk *masalah* dan *masalah* itu mesti di-*define* secara kontemporari. Bukan di-*define* dengan buku-buku yang ada sebelum daripadanya dan kita tahu *masalah* juga adalah sumber syariah yang paling penting dan di situlah syariah dalam menggarap realiti yang ada tanpa dia hidup dalam zaman yang lampau atau tidak berpijak di bumi yang nyata.

## ■1620

Saya mengambil nota semua itu tetapi pada waktu ini, itulah keputusan yang telah dibuat dalam soalan yang telah diajukan sebenarnya daripada celahan, bukan soalan yang asal. Akan tetapi, kerana saya mengambil berat soalan Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh itu, maka saya ambil celahan itu sebagai yang terpanjang dalam saya punya jawapan.

Seterusnya, kelulusan Yang Berhormat Menteri untuk Majlis Badan Peguam, menggubal. Ada tadi disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah Mohd Salleh bahawa isu-isu yang melibatkan soal adakah Yang Berhormat Menteri punya kuasa yang lebih sehingga menyebabkan berlaku campur tangan dalam perjalanan badan yang bebas ini. Itu antara yang dibangkitkan, kerisauan-kerisauan.

Kerisauan ini sudah dibangkitkan sebelumnya oleh rakan-rakan yang lain juga tentang bagaimana kuasa yang ada pada Yang Berhormat Menteri itu memungkinkan dia campur tangan. Tadi telah pun dibangkitkan dalam poin ketiga oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi tentang dia tidak mahu melihat badan ini dikuasai oleh orang-orang yang ada kepentingan politik yang sememangnya ada kaitan dengan soalan ini. Oleh sebab itu bila ditanya, kalau begitu maka Yang Berhormat Menteri seolah-olah punya kuasa kerana ia boleh menentukan kaedah-kaedah sehingga boleh menyebabkan kebebasan peguam syarie dalam menggubal kaedah-kaedah.

Izinkan saya untuk membuat respons kepada dua soalan yang berkaitan itu. Pertama, dasar kita dalam soal-soal yang begitu besar yang melibatkan soal keadilan dan integriti para peguam syarie. Kita sama sekali tidak berniat atau membuka ruang untuk campur tangan politik dalam urusan pentadbiran mereka. Oleh sebab *it defeat the purpose*, dengan izin. Majlis Peguam ini dibuat atas kebebasan sebab dia nak jadi lebih *independent*, tiba-tiba kita campur tangan. Maka, itu tidak akan menyempurnakan tujuan asal kenapa undang-undang ini digubal *in the first place*.

Kedua, dalam konteks- kalau begitu bagaimana pula soal Yang Berhormat Menteri ada kuasa. Maka, kalau kita melihat kuasa yang ada kepada Yang Berhormat Menteri dan siapa-siapa sahaja yang akan jadi Yang Berhormat Menteri kemudian hari, kita tak tahu, ia adalah berkenaan dengan kaedah sahaja dan kaedah ini perkara yang sampingan. Dia bukan perkara yang substantif. Perkara substantif itu kita tak campur tangan dah. *We have given*, dengan izin, *all the independibility that they need*, dengan izin.

Kita dah bagi apa yang mereka perlukan untuk bebas daripada dahulunya seksyen 59 yang tertakluk kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan dia duduk hanya kaedah-kaedah sahaja. Hari ni, kita bagi dia satu kuasa yang besar tiba-tiba kita nak campur tangan. Sudah tentulah kalau ada begitulah punya cara, sudah tentulah saya sendiri berasa malu untuk membentangkan rang undang-undang ini kerana saya bercakap tidak serupa bikin sedangkan yang menggubal undang-undang ini diminta untuk memastikan *independibility* itu.

Maka, walaupun ada keperluan Yang Berhormat Menteri di dalam ini hanyalah perkara-perkara yang bersifat kaedah dan sampingan yang tidak menyentuh perkara dasar dan substantif kerana semuanya telah ada diperuntukkan dan mereka bebas untuk membuat apa sahaja dasar-dasar selagi ia berada di dalam lingkaran dan juga dalam bingkai kuasa yang telah diberikan kepada mereka. Perkara seperti perkara-perkara sampingan dan peranan Yang Berhormat Menteri adalah sangat terhad. Malah, sebagai *check and balance* supaya kaedah-kaedah ini dibuat tidak *ultra vires* dengan Akta Ibu dan ia tidak menjejaskan kebajikan peguam-peguam syarie. Itu sahaja.

Katalah *depa* buat satu keputusan yang dalam kaedah itu dia nak buat benda-benda yang akhirnya merugikan dan tidak mencapai tujuan utama, kenapa undang-undang dibuat? Maka, itulah Yang Berhormat Menteri sebagai *check and balance* dalam kaedah-kaedahnya menentukan supaya tidak *ultra vires*. Akan tetapi, substantif dan prinsipalnya masih tertakluk kepada kuasa yang ada di dalam bidang mereka.

Jadi, saya harap ia tidak menjadi satu kerisauan dan kebimbangan tetapi saya tak tahu kalau Yang Berhormat Menteri lain duduk sini, saya tak tahulah. Kalau mungkin orang lain duduk sebab ini dia tak kira siapa-siapa, bukan saya, bukan Mujahid. Mujahid boleh datang dan pergi tetapi undang-undang di sini kekal. Mungkin satu hari Yang Berhormat Senator di sana akan jadi Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu.

Maka bila menjadi Yang Berhormat Menteri, kena pastikanlah *this*, hasrat mereka yang membuat undang-undang ini. Saya tidak tahu, itu bukan masalah saya sebab ketika saya membuat undang-undang ini bukan politik. Saya buat undang-undang ini ialah untuk kepentingan yang lebih besar. Jadi terpulanglah. Kalau tak tahu mungkin dia orang datang, yang lain datang, dia rasa dia nak campur tangan lebih, buatlah undang-undang cantik macam mana pun tetap akan merosakkan tujuan utama undang-undang ini diperbuatkan.

Ada juga yang sebut tentang insurans. Adakah ada peruntukan? Ya, memang ada peruntukan sebab kalau saya sebut dalam ucapan awal saya bahawa semua yang komprehensif yang kita kata tadi termasuk menjaga kebajikan *client* ataupun anak guam. Oleh sebab itulah *negligence* atau kecuaiian. Maka, untuk mengelakkan kecuaiian itulah kita ada kenakan skim takaful agar mereka ini diberikan hak jikalau berlaku bagi pihak peguam apa-apa kecuaiian, maka di-*insured*.

Jadi, ke depan ini kalau orang nak jumpa peguam syarie, dijamin, kalau jadi apa-apa dia boleh dapat. Dia boleh, dia dijamin dengan insurans. So, perkara-perkara *insurance negligence* tadi. Perkara-perkara inilah saya rasa orang mengambil ringan sebelumnya. Asalkan jumpa peguam syarie, nombor satu, dia tak akan tipu. Asalkan jumpa peguam syarie, dia ini mestilah buat benda baik takkanlah dia hendak tipu, takkanlah dia hendak tipu. Itulah yang akan berlaku. So dalam hal ini, kita tak boleh andai. Kita kena ada undang-undang yang *govern the whole process*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besarnya dan saya kira mohon maaf jikalau tidak sempat saya untuk melanggan keseluruhannya dalam hal yang kita cuba bawa ini agar mendapat restu daripada Dewan Negara setelah dibahaskan dan telah kita cuba terbaik mungkin meyakinkan dan saya juga tidak ketinggalan seperti adat Melayu yang bermula dengan pantun juga mahu berakhir dengan pantun.

*Manusia ini semuanya sama;  
Hitam putih kita senada;  
Yang baik itu kita terima;  
Tak perlulah kita mendabik dada.*

*Fitnah dijaja umpama nanah;  
Berasa kuat sebenarnya lemah;  
Jangan kita membawa fitnah;  
Pesanan Tuanku penuh berhikmah.*

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk diambil perkiraan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 93 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual Pertama hingga Jadual Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

■1630

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Mahfuz bin Haji Omar) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) (NO.2) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.33 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 59, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 merupakan peruntukan yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hukum syarak menjadi peguam syarie dan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan kelayakan bagi penerimaan peguam syarie dan mengawal selia kelakuan peguam syarie iaitu Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993.

Memandangkan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 akan menjadi suatu undang-undang khusus untuk mengawal selia segala amalan yang berhubungan dengan profesion guaman syarie dan seterusnya menggantikan undang-undang sedia ada, maka Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 hendaklah dipinda dengan memotong seksyen 59 bagi mengelakkan pertindihan undang-undang.

Justeru, rang undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit ataupun *consequential* daripada pengubalan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam ini mengandungi empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong takrif “*peguam syarie*” berbangkit daripada pemotongan seksyen 59 Akta 505 dalam fasal 3.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 59 Akta 505 untuk meniadakan peruntukan mengenai kuasa Majlis dalam perkara yang berhubungan dengan peguam syarie. Pemotongan ini berbangkit daripada penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang dicadangkan. Perkara yang berhubungan dengan peguam syarie akan diperuntukkan dalam Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 yang dicadangkan.

Fasal 4 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Pindaan ini sebenarnya tidak lain tidak bukan sebagai perkara yang berbangkit setelah kita luluskan di sini Akta Guaman yang baharu. Maka, perlu kita pinda sebab memotong keperluan seksyen 59 yang dulunya semua kaedah-kaedah peguam syarie diletakkan di bawah seksyen 59, Akta 505.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada empat orang tokoh Yang Berhormat yang hendak berbahas. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Silakan.

**4.37 ptg.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekali lagi memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] seksyen 59 sejourus selepas kita meluluskan suatu akta baharu pindaan guaman syarie.

Saya rasa ini satu yang wajar sebab bila kita luluskan satu undang-undang yang melibatkan Wilayah Persekutuan dan ini khusus untuk Wilayah Persekutuan, saya juga hendak melihat dari segi- supaya Wilayah Persekutuan menjadi model kepada keseluruhan pentadbiran negara ini dan tahniah kerana Wilayah mendahului negeri-negeri lain.

Selepas ini, apakah usaha kita untuk menyelaraskan ke semua di negeri-negeri di seluruh Malaysia agar melaksanakan akta sebegini? Saya rasa tidak ada halangan penyelarasan di negeri, tidak ada halangan untuk kita *adopt* negeri-negeri supaya menyelaraskan soalan guaman syarie ini.

Bukan soal- kita menghormati kemuliaan kuasa agama itu di bawah Duli Yang Maha Sultan tetapi yang lebih penting ialah majlis agama Islam negeri ini dirujuk bagi memastikan bahawa mereka bersama-sama untuk membuat konvensyen agar diselaraskan di seluruh negara agar akta ini dapat di-*adopt enactment* dilaksanakan di negeri. Selama ini pun negeri tidak ada halangan. Tidak ada masalah untuk negeri *adopt enactment* ini seandainya ada penjelasan di buat di peringkat Persekutuan.

Jadi, saya tidak banyak untuk membahaskan ini, cuma menyokong penuh supaya akta ini diterima dan seterusnya di-*adopt* di semua negeri untuk menjadi enakmen di negeri-negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Kedua, Yang Berhormat...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sebelum itu saya hendak mengalu-alukan rombongan? Minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya sedikit ruang. Saya hendak mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada PERKIM, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PERKIM Hulu Klang dalam kawasan Parlimen Gombak di Dewan Negara yang berbahagia pada petang ini.

Sesungguhnya kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa PERKIM Hulu Klang ini adalah amat-amat dialu-alukan. Terima kasih kerana sudi datang ke Dewan Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selama datang ya, Ahli-ahli PERKIM. Selamat datang ya, selamat datang.

Kedua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Silakan.

■1640

4.40 ptg.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya untuk kali ini pendek sahaja kerana perkara yang sama juga. Cuma ingin saya bahaskan di sini ialah pindaan rang undang-undang ini- sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada rakan-rakan daripada kementerian kerana telah mengambil kira pindaan ini bagi mengharmonikan pengenalan rang undang-undang ini tadi. Jadi, itu sahaja. Saya tidak ada persoalan. Cumanya saya ingin ucapkan tahniah untuk tujuan rekod. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ringkas dan padat ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Dipersilakan.

4.41 ptg.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat dalam akta ini adalah mengada-adakan seksyen 59, peguam syarie dalam senarai kandungan akta ibu bagi Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Pindaan yang dibuat ini ekoran kerajaan telah memperkasakan kerangka perundangan mengenai profesion guaman syarie supaya ia lebih komprehensif dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jika kita soroti kembali kerangka perundangan yang dipinda ini memberi ruang yang paling efektif bagi memastikan semua pengamal undang-undang syarie melaksanakan tugas melalui tata kelola dengan tata amalan profesion yang sangat teratur. Ini melambangkan bahawa kegemilangan Islam ini tidak boleh diganggu gugat dan ia memang terpelihara di bawah Perlembagaan Persekutuan. Hakikatnya, segala tata amalan dan perkara asas mengenai Islam dan penganutnya perlu dipertahankan terus dibangunkan untuk demi kegemilangan tanpa ada cetusan provokasi atau tohmahan atau penganut-penganut bangsa lain yang sering kali mencetuskan polemik politik berkaitan dengan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ini, kerajaan mengatakan terdapat peruntukan kecualian dan peralihan proses imigrasi perundangan yang perlu diterima pakai oleh semua peguam-peguam syarie sehinggalah suatu tempoh Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019 mula diwartakan dan dikuatkuasakan.

Justeru itu, soalan saya, sejauh mana persediaan yang dibuat oleh kerajaan dalam mengendalikan daftar peguam syarie dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebelum ini dilaksanakan dengan lancar? Bagaimana pula kesahannya daftar peguam-peguam yang sedang diproses untuk pembaharuan tidak mengalami kelewatan apabila proses imigrasi ini berlaku?

Apakah implikasi secara teknikal dan perundangan apabila daftar peguam-peguam ini mungkin tercicir dan boleh menjejaskan kes-kes yang mereka wakili terutamanya bagi kes-kes perbicaraan yang sedang dan belum dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan?

Sejauh mana komitmen kerajaan untuk memberikan suatu notis pemberitahuan agar orang awam benar-benar jelas bahawa Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2109 tidak mungkin ada kelewatan dan isu birokrasi yang dijadikan alasan bagi eksploitasi fi ataupun yuran guaman yang mungkin menjejaskan kepercayaan masyarakat tentang pindaan ini?

Saya ingin mengambil kesempatan terakhir pada sesi perbahasan hari ini kerana saya pun akan menamatkan tempoh lantikan saya selaku Ahli Dewan Negara menjelang Disember ini. Saya mohon maaf kepada warga Senator di Dewan Negara ini, termasuk juga Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, mohon kerjasama untuk bersama-sama kita dan teruskanlah Dewan Negara ini dengan gemilang.

Untuk itu, saya mengambil kesempatan untuk mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang bagaimana kerajaan mampu menangani kecekapan Mahkamah Syariah mengendalikan kes-kes hal ehwal keluarga Islam dengan lebih baik.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan tentang bagaimana kerajaan dapat memastikan selepas ini, martabat Islam dan hal ehwal agama Islam tidak lagi disentuh dan dipersoalkan oleh warga bukan Islam demi memartabatkan pentadbiran hal ehwal Islam. Harapan saya, tidak ada satu orang pun tidak kira umur veteran ataupun muda atau biasa atau orang politik, kita tidak mahu mereka ini mempersendakan dan menjadikan subjek Islam sebagai polemik politik mereka.

Saya berharap agar kerajaan mengkaji agar pentadbiran Islam di Malaysia terus diperkasa demi perpaduan ummah dan kemajuan Malaysia sebagai negara Islam. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang yang tersebut di atas. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Akhirnya saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

#### 4.46 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.... [Mengucapkan selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu mengambil masa yang banyak.

Cuma satu soalan sahaja yang saya ingin kemukakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai dengan penubuhan Majlis Peguam Syarie setanding dengan *Bar Council*. Ini merupakan satu usaha yang besar. Saya ingin bertanya, sejauh manakan usaha kerajaan? Apakah ada usaha dalam penubuhan ini dengan mengadakan sekretariat dan juga apa sahaja yang boleh menjayakan usaha ini?

Saya juga sebelum berakhir, saya hendak ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri begitu baik memberi jawapan tadi.

Walau bagaimanapun, saya tetap menegaskan bahawa kita harus mengambil kira tiga hak yang penting tadi iaitu hak Allah, hak kerajaan dan juga hak rakyat atau hak rakyat untuk hidup dengan agama Islam. Tanpa ketiga-tiga hak ini, sudah pasti sesuatu perundangan itu akan pincang walaupun kita diberi kemudahan oleh Allah untuk *istitio'ah* tadi. Walau bagaimanapun, kita mesti terus berusaha supaya undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah itu akan dapat direalisasikan satu masa nanti dengan segala usaha yang kita mulakan daripada sekarang.

Ini kerana kita sangat-sangat berasa sedih, dia punya Mahkamah Syariah ini walaupun sudah 60 tahun lamanya kita merdeka, tetapi kemajuan Mahkamah Syariah ini berbanding dengan Mahkamah Sivil, jauh ketinggalan dan ia dianaktirikan begitu rupa.

Demikian jugalah soal undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah itu yang digantikan dengan undang-undang takzir. Saya boleh terima, ia merupakan satu langkah yang perlu diambil dalam mengharmonikan dengan realiti yang ada.



Akan tetapi undang-undang takzir yang di bawah bidang kuasa kerajaan itu tidak boleh mengambil alih hak Allah SWT dalam apa keadaannya sekali pun. Undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT itu menjadi hak-Nya dan tidak boleh diganti dengan undang-undang takzir walau apa pun keadaannya. Ini bukan bermakna kita ekstrem, bukan bermakna kita hendak menafikan keislaman atau keimanan sesiapa, tidak. Akan tetapi ini adalah hak yang mesti kita pertahankan iaitu hak Allah SWT dan yang hak kerajaan dan juga hak kita sebagai umat Islam. Saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan Yang Berhormat Senator ustaz. Sebenarnya tadi saya mohon laluan daripada Yang Berhormat Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak hendak bagi. Sebenarnya perbincangan kita di sini lebih kepada ilmiah. Bertitik tolak daripada apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Senator ustaz tadi, mungkin soalan saya adalah adakah di pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri, penubuhan sekretariat ataupun belanjawan yang khusus untuk membincangkan bagaimana untuk meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

#### ■1650

Oleh sebab kita tidak hendak kadang-kadang bidang kuasa mahkamah syariah ini menjadi gurauan di kalangan orang biasa. Contohnya apabila timbul kes- ini saya berdepan sendiri dengan wartawan Yang Berhormat ya. Contohnya apabila berdepan dengan kes berkahwin di bawah umur. Kita memang ada peruntukan di bawah mahkamah syariah untuk mendenda lelaki yang berkahwin tanpa kebenaran tetapi oleh sebab dendanya agak sedikit kecil, menyebabkan ia menjadi bahan gurauan. Ustazah sedikitnya, kalau macam itu semua orang boleh buat sebab bagi dia bidang kuasa itu kecil sangat.

Jadi oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri dari sudut macam mana *technical movement* yang sedang bergerak di pihak kerajaan? Dari sudut SOP, dari sudut sekretariat, dari sudut belanjawan khususnya. Ada atau tidak peruntukan dalam belanjawan nanti yang berkaitan dengan kos menubuhkan Majlis Peguam Negara tadi supaya setaraf dengan *Bar Council*, dan juga mungkin yang berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi saya rasa itulah sahaja apa yang saya dapat bersama dalam perbahasan ini. Jadi saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat memberikan huraian yang begitu baik. Cuma kita doakan semoga mahkamah syariah dapat dipertingkatkan dan segala hak yang saya sebutkan tadi dapat direalisasikan mengikut kemampuan kita berdasarkan realiti yang ada. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekian tadi, pembahas kita tadi ada empat orang.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 4.52 ptg.

**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebahagian daripada yang diajukan itu lebih kepada memberikan pandangan untuk memperkukuhkan lagi. Saya mohon maaf sebenarnya untuk Majlis Peguam Syarie di peringkat Persekutuan secara menyeluruhnya masih- terlupa hendak menjawab tadi, memang ada. Yang Berhormat ada bertanya tadi.

Sebenarnya perkara ini masih dalam perbincangan. Saya tidak berani kata boleh buat atau saya kata tidak boleh buat tetapi oleh sebab pandangan ini cukup baik dan macam saya kata hendak buat ini pun 35 tahun. Jadi sudah tentulah hendak membuat Majlis Peguam Syarie di peringkat *Federal* akan memakan ruang yang lebih sebab ia melibatkan- macam saya kata tadi, komplikasi hubungan antara *Federal* dengan *state*.

Setiap kali apa sahaja yang memerlukan satu penyelarasan di antara *Federal* dengan *state*, akan memakan masa yang panjang.

Saya ulang balik platform yang dicadangkan tadi, tajuk yang dicadangkan tadi platformnya ialah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, itu paling tinggi pentadbiran Islam. Dasar-dasar yang kita hendak bawa ke negeri duduk di dalam MKI dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pengerusinya. Jadi di situ semua Menteri Besar ada, Ketua Menteri ada yang mewakili majlis agama Islam ada, mereka akan berbahas di situ dan idea ini akan selalu datang daripada *Federal*. Contohnya baru-baru ini, kita telah membentangkan satu *paper* tentang Gagasan Negara Rahmah yang berteraskan *rahmatan lil-alamin*, *maqasid syariah* dan model Malaysia dibahaskan. Kemudian diperakui dan dipersetujui tanpa bantahan secara ijmak dan dimaklumkan ke Majlis Raja-raja di peringkat *pre-council* yang mana kita telah menerangkan gagasan pentadbiran Islam dalam kerajaan baharu pada hari ini.

*Alhamdulillah*, diterima dengan baik. Cuma Orang Putih kata, "*The devil is in the detail*" lah. Apabila hendak membuat perkara-perkara yang lebih terperinci, *elaboration* dari segi penyeragaman, kalau diambil undang-undang itu sebahagian daripada pendekatan yang perlu diuruskan oleh pihak kami, maka di situlah perlu memakan masa tanpa kita menafikan keperluan tersebut.

Termasuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Bukan saya tidak hendak beri, sebenarnya kadangkala apabila kita *duk* sedap bercakap itu, apabila orang bangun dia hendak bercakap, kita jadi- kalau Yang Berhormat bangun balik sekali lagi minta, *in syaa Allah*, saya bagi. Cuma kadang-kadang saya ini- kadang-kadang garang, orang takut.

Jadi- ya, kita ada beberapa platform untuk pengetahuan Yang Berhormat. Satu MKI. Satu di peringkat kementerian kami, di MKI itu di peringkat dasar negara. Kalau di peringkat kami, ini akan termasuk dalam salah satu daripada kluster strategik yang kita jadikan sebagai satu fokus kita iaitu kehakiman dan perundangan.

Dato' Dr. Haji Mohd Na'im selaku Ketua Pengarah JKSM dan Ketua Hakim Syarie dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan KPI yang ditetapkan daripada Gagasan Negara Rahmah ini antara lainnya ialah melihat secara holistik keperluan-keperluan mahkamah syariah termasuk bajet, *philosophy*, pengukuhan serta pemeraksanaannya, termasuk cabaran-cabarannya yang telah kita gariskan dalam *priority lists* kita.

Untuk pengetahuan Dewan, *priority list* kita yang sekarang kita ada *roadmap* sampai penghujung tahun 2020, ialah penyeragaman undang-undang jenayah syariah.

Tadi dibangkitkan oleh salah seorang Yang Berhormat Senator menyatakan di sini undang-undang lain, di sini undang-undang lain. Hakikatnya ialah sebenarnya undang-undang itu menyatakan hukuman kesalahan yang sama dibuat tetapi hukuman yang berbeza-beza antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Ini menunjukkan satu keadaan yang tidak molek bagi Islam dalam kita memperkatakan tentang melaksanakan penyeragaman ini supaya dilihat adil.

Oleh sebab itu tadi disebutkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Senator yang menyatakan tentang hak Allah, hak kerajaan, hak rakyat itu semuanya diletakkan dalam perkiraan-perkiraan siasah syariah yang ada disiplin-disiplinnya yang tertentu di mana keutamaan-keutamaan ini dilihat sebelum melihat kepada keutamaan-keutamaan yang besar. Semuanya itu dalam niat untuk memberikan hak yang sepatutnya kita berikan kepada Allah, kepada manusia dan juga kepada kerajaan. *In syaa Allah*, diambil perhatian dengan penuh rasa bersyukur, dengan kuasa yang ada ini kita akan mengusahakan yang terbaik.

Menjawab sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah Ali. Sebenarnya semasa saya di universiti dahulu, dia sebagai hal ehwal pelajar. Saya semasa itu sebagai pensyarah di Universiti Telekom, Melaka. Jadi kita sudah berkenalan lama di situ. Saya mengambil perhatian bahawa isu keperluan dan juga sensitiviti umat Islam mahupun bidang kuasa umat Islam itu sentiasa kita ambil kira.

Cuma saya tidak dapat kawal, satu masalah kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator membantu saya. Saya tidak dapat kawal kadang-kadang nuansa politik yang terlalu kita kata ganas, menggunakan kaum dan agama. Itu saya tidak boleh.

Saya kadang-kadang membuat perkara yang baik tetapi di luar sana dengan nuansa politik yang kejam ini menyebabkan gambaran, tujuan, motif politik itu menguasai isu sebenar yang kita cuba hendak bawa.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bantu saya. Kalau benar-benar kita telah hasratkan, kita kena jaga Islam, kita kena jaga pentadbiran Islam, mana yang baik itu kita kena bagi sokongan kita. Jangan asal kata kerana kepentingan politik, dalam Dewan sokong tetapi di luar Dewan belasah mengatakan mereka ini tidak buat Islam, Islam kena buli. Bantu saya.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator boleh membantu saya dalam hal ini, saya berasa cukup lega dan nuansa politik perkauman dan agama yang sempit ini kadangkala menyebabkan usaha-usaha baik ini dirampas di tengah jalan. Sehingga diperlihatkan kita anti Islam, kita tidak menjaga Islam dan nuansa-nuansa ini amat berbahaya kerana ia telah menjadikan kaum dan agama sebagai tunggangan yang menyebabkan kebencian, menyebabkan permusuhan. Kita tahu di dalam Islam, kita mesti menjaga keharmonian, kita mesti mengelak fitnah. Kita tidak hendak orang menghina agama kita dan kita pun tidak boleh menghina agama orang. Kita tidak boleh menyamakan pandangan dengan menghina, itu dua perkara yang berbeza.

#### ■1700

Oleh sebab itulah sistem yang ada pada kita sebenarnya sudah elok sudah, sistem yang ada. Akan tetapi, barangkali ada orang hendak merampas suasana ini, bukan tujuan lebih baik, tetapi dengan tujuan politik yang sempit menyebabkan isu-isu baik yang kita bincang dan bahas ini tidak tercapai hasrat dan matlamatnya.

Saya rasa itu sahaja yang saya hendak respons. Saya ucap terima kasih sekali lagi. Dengan *consequential amendment* ini, maka sempurnalah niat dan hasrat kita untuk memartabatkan profesion guaman kepada suatu yang lebih hebat, lebih bebas agar mereka terbang bebas tanpa mereka dikongkong lagi dengan apa-apa akta ataupun sekadar duduk menumpang. Akan tetapi, sekarang mereka bebas dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini juga. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah) dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MINIMUM PERUMAHAN  
DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:**  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 telah dibentangkan dan diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019.

Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] selepas ini disebut sebagai Akta 446 menetapkan standard minimum perumahan dan menyediakan kemudahan asas bagi pekerja dan tanggungan mereka yang perlu disediakan oleh majikan yang menyediakan perumahan kepada pekerja.

Akta 446 terpakai untuk majikan dalam sektor perladangan dan perlombongan yang menyediakan perumahan kepada pekerja. Rang undang-undang ini mencadangkan supaya liputan Akta 446 diperluaskan kepada semua sektor.

Akta 446 ini tidak mewajibkan majikan menyediakan perumahan atau penginapan kepada pekerja tetapi sekiranya majikan menyediakan perumahan ataupun penginapan, ia hendaklah mematuhi standard minimum yang ditetapkan di bawah akta ini. Perluasan akta ini kepada semua sektor yang juga mengguna pakai prinsip yang sama iaitu tidak mewajibkan majikan menyediakan perumahan ataupun penginapan. Selain itu, rang undang-undang ini juga dicadangkan untuk terpakai di Semenanjung Malaysia dan Labuan sahaja.

Bagi Sabah dan Sarawak, Akta 446 ini dikecualikan pemakaiannya sejak akta ini mula dikuatkuasakan pada tahun 1990. Bagi memanfaatkan pekerja di Sabah dan Sarawak, peruntukan setara akan dimasukkan dalam Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri masing-masing.

Akta 446 ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Sejak dikuatkuasakan pada tahun 1990, Akta 446 tidak pernah dipinda.

Dalam menggubal pindaan Akta 446, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan khususnya kesatuan sekerja, persatuan majikan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mengenai pindaan Akta 446 ini.

Kerajaan berpandangan sudah tiba masanya Akta 446 dipinda bagi meningkatkan dan memperluaskan perlindungan dan kebajikan golongan pekerja dalam aspek perumahan, penginapan dan kemudahan yang berkaitan.

Pindaan ini juga akan menjadikan Akta 446 selaras dengan perkembangan standard buruh antarabangsa terutamanya dari segi pematuhan kepada standard piawaian antarabangsa iaitu R115 ILO - *Workers' Housing Recommendations*.

Secara amnya, rang undang-undang bagi meminda Akta 446 ini adalah bertujuan untuk memenuhi hasrat berikut, iaitu:

- (i) menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Kedua Majlis Parlimen Ke-14 pada 11 Mac 2019 yang mana Baginda antara lain bertitah bahawa, kerajaan akan mereformasi undang-undang buruh bagi memastikan ia mematuhi standard antarabangsa di samping menambah baik aspek perlindungan ke atas pekerja;

- (ii) meningkatkan faedah-faedah *statutory* Akta 446 bagi memastikan pekerja dalam semua sektor pekerjaan menikmati perumahan dan penginapan yang lebih baik, kemudahan asas yang selesa serta tahap kesihatan dan keselamatan yang lebih terjamin, manakala majikan pula akan mempunyai pilihan sama ada untuk membina, menyewa atau menempatkan pekerja mereka dalam penginapan berpusat;
- (iii) mematuhi standard perburuhan antarabangsa berhubung penyediaan perumahan kepada pekerja yang akan memudah cara perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara lain.  
Pematuhan ini juga membolehkan Malaysia menyertai perjanjian perdagangan bebas dan boleh mengelakkan syarikat Malaysia daripada dikenakan sekatan perdagangan; dan
- (iv) memenuhi janji kerajaan bagi memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa.

Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji untuk meningkatkan martabat golongan pekerja dan memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa, termasuklah konvensyen-konvensyen yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *International Labor Organization* (ILO).

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, secara amnya, rang undang-undang ini melibatkan pindaan ke atas peruntukan sedia ada dan memperkenalkan bahagian baharu iaitu Bahagian IIIA.

Seterusnya, saya akan menjelaskan fasal-fasal rang undang-undang ini.

Pertama, "tajuk ringkas" dan "permulaan kuat kuasa".

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas rang undang-undang ini dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta ini.

Kedua, pindaan "tajuk panjang". Fasal 2 rang undang-undang mencadangkan pindaan kepada tajuk panjang Akta 446 seperti berikut.

Menggantikan perkataan "*workers*" dengan perkataan "*employees*" dalam teks bahasa Inggeris selari dengan cadangan penggunaan perkataan "*employee*" dalam keseluruhan Akta 446, dan memasukkan selepas perkataan "*tanggungannya mereka*" perkataan "*penginapan untuk pekerja yang tidak ditemani oleh tanggungan dan penginapan berpusat*".

#### ■ 1710

Pindaan ini bertujuan memperluaskan ruang lingkung Akta 446 supaya merangkumi sektor pekerjaan lain sebagai tambahan kepada sektor estet yang terdiri daripada perladangan dan perlombongan.

Akta 446 akan mempunyai kuasa untuk mengawal selia standard minimum penginapan untuk pekerja yang tempat pekerjaannya adalah selain daripada estet.

Pindaan am- fasal 3 rang undang-undang mencadangkan pindaan am seperti berikut. Pertama menggantikan perkataan "*worker, workers and a worker*" dengan perkataan "*employee, employees and an employee*" dalam seksyen-seksyen yang berkaitan dalam teks bahasa Inggeris Akta 446 agar selaras dengan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dan menggantikan perkataan "*dua ribu*" dengan perkataan "*lima puluh ribu*" dan perkataan "*seratus*" dengan perkataan "*satu ribu*" bagi setiap hari kesalahan itu berterusan. Ini bertujuan bagi meningkatkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 18 mengenai mengangkut pekerja yang sakit ke hospital.

Seksyen 20 mengenai kewajipan melaporkan penyakit berjangkit dan seksyen 33 berhubung penalti am. Secara amnya, cadangan menaikkan denda dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan pematuhan dan penyeragaman dengan undang-undang buruh yang lain.

Pindaan seksyen 1, fasal 4 rang undang-undang akan meminda seksyen 1, Akta 446 seperti berikut.

Menggantikan perkataan "*Standard Minimum Perumahan*" dengan perkataan "*Standard Minimum Perumahan, Penginapan*" selari dengan cadangan perluasan skop Akta 446. Melalui peruntukan ini, Akta 446 akan dikenali sebagai Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan menggantikan perkataan "*seluruh Malaysia*" dengan perkataan "*Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan*".

Cadangan peruntukan ini akan meminda ruang lingkup pemakaian Akta 446 supaya hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hal ini adalah kerana Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak secara prinsipnya telah bersetuju supaya peruntukan setara dengan Akta 446 diperuntukkan dalam Ordinan Buruh (Sabah Cap. 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Cap. 76), masing-masing.

Susulan itu, fasal 5 rang undang-undang memperuntukkan bahawa segala sebutan Akta 446 dalam undang-undang bertulis ataupun dokumen lain hendaklah merujuk kepada nama baharu apabila pindaan akta ini berkuat kuasa.

Pindaan seksyen 2, fasal 6 rang undang-undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta 446 untuk mengehendkan pemakaian Bahagian II berhubung dengan peruntukan perumahan dan kemudahan pekerja. Ini adalah untuk menjelaskan bahawa Bahagian II, Akta 446 ini tidak terpakai kepada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 3, fasal 7 rang undang-undang ini adalah untuk meminda tafsiran yang digunakan dalam seksyen 3, Akta 446. Selain bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan istilah "*employee*" dalam teks bahasa Inggeris Akta 446, fasal ini meminda tafsiran Menteri mengikut penggunaan semasa dan pindaan yang berbangkit kepada pegawai perubatan kesihatan yang tidak lagi meliputi Sabah dan Sarawak.

Pindaan seksyen 10, fasal 8 rang undang-undang akan meminda seksyen 10 akta yang bertujuan menyeragamkan penggunaan istilah "*employee*" dalam tafsiran teks bahasa Inggeris. Selain itu, fasal ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa majikan berkewajipan untuk menyediakan pusat asuhan kanak-kanak, jika pekerja-pekerja mempunyai sekurang-kurangnya lima orang tanggungan di bawah umur empat tahun yang tinggal bersama mereka, berbanding 10 orang tanggungan sebelum ini. Rang undang-undang ini juga mencadangkan penalti bagi kesalahan dalam seksyen 10 berkaitan dengan pusat asuhan kanak-kanak ditingkatkan daripada RM2,000 kepada RM50 ribu dan daripada RM100 sehari kepada RM1,000 sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Pindaan seksyen 11 dan juga 12, fasal 9 dan juga 10 adalah pindaan kepada seksyen 11 dan 12 yang masing-masing berbangkit dengan pindaan terma "*worker*" kepada "*employee*" dalam teks bahasa Inggeris akta ini.

Fasal 10 dan 11 juga bertujuan meningkatkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 11 mengenai peruntukan-peruntukan tanah dan seksyen 12 mengenai dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain. Rang undang-undang ini juga mencadangkan hukuman dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM50 ribu dan daripada RM50 sehari kepada RM1,000 sehari bagi kesalahan berterusan.

Pindaan kepada seksyen 13, fasal 11 melibatkan pindaan kepada seksyen 13 yang antara lainnya bertujuan untuk menghalang majikan daripada mengenakan apa-apa bayaran sewa ataupun caj ke atas pekerja estet yang disediakan perumahan dan kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Bahagian baharu IIIA. Sebagaimana saya sebutkan awal tadi, cadangan pindaan Akta 446 termasuk ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maaf sekejap ya. Minta maaf sekejap.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Oh. *Pass baton.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik. Sebagaimana saya sebutkan awal tadi, cadangan pindaan Akta 446 termasuk perluasan skop pemakaiannya kepada majikan yang menyediakan penginapan untuk pekerja yang diambil untuk bekerja di tempat lain selain dari estet. Bagi maksud ini, fasal 13 bertujuan memasukkan Bahagian IIIA berhubung dengan penginapan untuk pekerja. Fasal 13 ini mengandungi 15 seksyen baharu.

Seksyen baharu 24A menjelaskan bahawa Bahagian IIIA ini hanya terpakai bagi pekerja yang diambil bekerja selain untuk bekerja di estet.

Seterusnya, takrifan yang digunakan dalam bahagian ini diperuntukkan dalam seksyen baharu 24B seperti berikut.

Berkenaan "orang-orang yang bertanggungjawab bagi penginapan", ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh seseorang majikan ataupun penyedia penginapan berpusat yang bertanggungjawab bagi pengurusan penginapan serta keselamatan dan kesihatan pekerja dan kemudahan lain di dalam penginapan.

Sementara "penginapan", ertinya mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia.

Maksud "penginapan berpusat", ertinya mana-mana bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan.

Dan "penyedia penginapan berpusat", ertinya mana-mana orang yang menyediakan dan menguruskan penginapan berpusat dan menyediakan perkhidmatan yang disediakan di dalamnya bagi seorang atau lebih majikan, tetapi tidak termasuk majikan yang menyediakan penginapan bagi pekerjanya sendiri.

Seksyen 24C bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia berhubung dengan penginapan.

Fungsi-fungsi Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) mentadbir dan mengawal selia semua perkara berhubung dengan penginapan;
- (ii) mengarahkan majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen yang berhubung dengan penginapan pekerja;
- (iii) mengeluarkan apa-apa arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menyediakan apa-apa kemudahan lain yang berhubung dengan penginapan;
- (iv) mengeluarkan perakuan penginapan; dan,
- (v) melakukan apa-apa perkara yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya di bawah bahagian ini.

Seksyen baharu 24C juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk melakukan semua perkara yang perlu dan sesuai manfaat atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah bahagian ini.

Seksyen baharu 24D mewajibkan semua penginapan untuk pekerja hendaklah diperakukan dengan Perakuan Penginapan. Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memohon Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dalam bentuk dan cara yang ditentukan dan disertakan dalam fi pemprosesan.

**■1720**

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan menjalankan pemeriksaan ke atas penginapan sebelum sesuatu kelulusan diberikan. Kewajipan mempunyai perakuan penginapan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada standard minimum yang telah pun ditetapkan. Majikan yang menyediakan penginapan tanpa perakuan penginapan boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu. Hukuman bagi penyedia penginapan berpusat yang melakukan kesalahan yang sama adalah didenda tidak melebihi RM50 ribu ataupun dipenjarakan tidak melebihi satu tahun ataupun kedua-duanya.

Seksyen baharu 24E menghendaki majikan untuk memaklumkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia jika pekerjaanya telah menduduki mana-mana penginapan yang disediakan olehnya atau melalui penyedia penginapan berpusat. Hal ini bertujuan untuk memastikan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dapat menguatkuasakan akta ini dengan berkesan. Kegagalan mematuhi obligasi ini boleh menyebabkan majikan dikenakan denda tidak melebihi RM10 ribu.

Seksyen baharu 24F menetapkan bahawa penginapan yang disediakan untuk pekerja oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mematuhi standard minimum yang dinyatakan di bawah akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Standard minimum ini akan diperincikan dalam peraturan-peraturan.

Seksyen baharu 24G memperuntukkan bahawa tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri, majikan boleh mengutip sewa atau caj daripada pekerja bagi penginapan yang disediakan olehnya atau melalui penyedia penginapan berpusat. Sewa atau caj tersebut hendaklah dipungut melalui potongan upah pekerja.

Seksyen baharu 24H menetapkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat tidak boleh menggunakan mana-mana bangunan sebagai penginapan jika bangunan itu tidak sesuai untuk didiami manusia seperti undang-undang bertulis yang berkaitan. Seksyen ini dicadangkan bertujuan memastikan pematuhan kepada kehendak bangunan dan pembinaan di bawah undang-undang pihak berkuasa tempatan sebagai tambahan kepada pematuhan yang dikehendaki di bawah Akta 446. Majikan ataupun penyedia penginapan berpusat yang melanggar seksyen ini boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu.

Secara amalnya, majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mendapat perakuan yang diperlukan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dengan bangunan dan pembinaan sebelum mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan perakuan penginapan di bawah seksyen baharu 24D yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Seksyen baharu 24I memperuntukkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan kemudahan yang sesuai dan mencukupi mengikut akta atau peraturan yang dibuat di bawahnya. Keperluan bagi kemudahan ini akan dibuat dalam peraturan-peraturan.

Seksyen baharu 24J rang undang-undang ini meliputi kewajipan dan tanggungjawab majikan atau penyedia penginapan berpusat mematuhi aspek keselamatan dan kesihatan berhubung penginapan yang disediakan untuk pekerja. Kewajipan dan tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina;
- (ii) mengambil langkah pencegahan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (iii) memastikan langkah keselamatan kebakaran mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan. Dalam hal ini, undang-undang yang perlu dipatuhi termasuklah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- (iv) memastikan bahawa sistem pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan undang-undang bertulis yang berkaitan seperti Akta Bekalan Elektrik 1990;



- (v) memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan; dan
- (vi) mengambil langkah menghalang pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan seperti Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Majikan juga berkewajipan untuk menanggung apa-apa perbelanjaan bagi imunisasi.

Seksyen baharu 24K pula menghendaki setiap penginapan yang disediakan hendaklah diselenggarakan dengan sewajarnya seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Seksyen baharu 24L memperuntukkan bahawa majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik orang-orang yang bertanggungjawab bagi penginapan. Orang-orang yang dilantik ini akan bertanggungjawab bagi kebajikan dan disiplin pekerja di penginapan tersebut.

Seksyen baharu 24M adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pengosongan penginapan sekiranya pekerja meletak jawatan atau diberhentikan kerja.

Seksyen baharu 24N iaitu seksyen terakhir dalam Bahagian IIIA ini memperuntukkan bahawa majikan tidak berkewajipan untuk menyediakan penginapan untuk tanggungan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan seksyen 25 Fasal 14 rang undang-undang ini bertujuan minda seksyen 25 Akta 446 yang melibatkan penyeragaman perkataan "*employees*" dalam teks bahasa Inggeris dan menggantikan perkataan, "air dan elektrik" dengan perkataan "bekalan air boleh diminum dan bekalan elektrik."

Fasal 14 ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berhubung hal-hal yang berkaitan dengan penginapan, kemudahan asas berkaitan dan kadar sewa atau caj maksimum yang boleh dikenakan.

Seksyen baharu 26A Fasal 15 rang undang-undang akan mewujudkan seksyen baharu 26A yang memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu bagi memastikan pematuhan kepada akta ini. Penggantian seksyen 28 seksyen baharu 28A dan 28B serta seksyen baharu 29A. Cadangan pindaan fasal 16, 17 dan 18 rang undang-undang ini bertujuan mengemas kini peruntukan akta mengikut standard gubalan semasa seperti berikut.

Fasal 16 akan meminda seksyen 28 mengenai permulaan pendakwaan.

Fasal 17 akan mewujudkan seksyen baharu 28A dan 28B berhubung dengan pengkompaunan kesalahan dan perlindungan terhadap guaman dan tindakan undang-undang.

Fasal 18 akan mewujudkan seksyen 29A berkenaan dengan kesalahan oleh syarikat dan sebagainya.

Pindaan seksyen 31 dan 32. Fasal 19 rang undang-undang meminda hukuman denda dalam seksyen 31 mengenai kegagalan mematuhi perintah di bawah seksyen 5, seksyen 8, seksyen 12 atau seksyen 19 akta. Denda dicadangkan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM50 ribu dan daripada RM100 kepada RM1,000 bagi setiap hari kesalahan yang berterusan.

Fasal 20 pula meminda hukuman dalam seksyen 32 mengenai kegagalan mematuhi seksyen 20 atau 21 akta ini. Denda dicadangkan dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM10 ribu dan daripada RM100 kepada RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Kecualian dan peralihan. Fasal 21 adalah fasal terakhir rang undang-undang ini yang memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 adalah satu langkah pembaharuan undang-undang yang signifikan bagi menambah baik perlindungan golongan pekerja dalam aspek perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja.

Perluasan skop Akta 446 memastikan pekerja dalam semua sektor pekerjaan menikmati perumahan dan penginapan yang lebih baik, kemudahan asas yang selesa dan tahap kesihatan dan keselamatan yang lebih terjamin.

Pada masa yang sama, pihak majikan diberikan fleksibiliti untuk menentukan sama ada ingin membina, menyewa atau menempatkan pekerja mereka di dalam penginapan berpusat mengikut kesesuaian mereka. Rang undang-undang ini juga mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan undang-undang buruh negara selari dengan piawaian dan instrumen sejagat. Seterusnya meningkatkan imej dan memudah cara penyertaan Malaysia dalam apa-apa jua perdagangan antarabangsa.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan rang undang-undang ini khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Tuan Peguam Negara serta pegawai-pegawai beliau. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

#### ■1730

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili ya.

#### 5.30 ptg.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap ya. Duduk, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Negara- 17 untuk menangguhkan mesyuarat bagi suatu perkara yang perlu disegerakan.

Saya telah pun mengemukakan permohonan untuk usul mengenai kenyataan media Setiausaha Sulit kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Batu Sapi dan juga kenyataan Yang Berhormat Menteri yang telah pun dirakamkan di dalam *Hansard* yang bercanggah dengan kenyataan dia kepada khalayak umum dalam media.

Maka, saya rasa perlulah kita mengambil tindakan secara mengikut tatasusila tersusun supaya kita membetulkan keadaan dan juga menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini serta memohon Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu Sapi untuk membetulkan kenyataan di mana telah mempolitikkan keputusan yang telah dibuat oleh Ahli Dewan Negara khususnya kepada MCA. Ini di mana apabila kita membuat pengundian, kita mempunyai matlamat-matlamat dan telah pun memberi *qualifications* tertentu terhadap usul-usul yang dikemukakan. Maka untuk menjatuhkan maruah Ahli Dewan Negara hanya semata-mata kita tidak menyokong sesuatu usul adalah tidak kena dan lebih merupakan satu intimidasi ataupun satu *bullying* melalui media.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar kedua-dua perkara ini diperbetulkan. Kalau tidak, saya hendak menyampaikan usul supaya tindakan tatasusila diambil ke atas Yang Berhormat berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya telah menolak usul Yang Berhormat secara bertulis pagi di dalam Kamar.

Perkara yang saya telah mempertimbangkan sebelum saya menolak usul adalah bahawa saya telah menerima ataupun Dewan telah menerima melalui Setiausaha Dewan surat daripada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan bahawa kekeliruan yang berlaku itu adalah di mana, dengan izin, beliau telah mengatakan bahawa dia tidak ataupun- "Saya tidak dapat pastikan kedudukan yang sepenuhnya mengenai kes dua orang pegawai itu".

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mahu menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, tidak dapat kepastian itu dan juga saya telah meneliti usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat.

Oleh itu, saya telah menolak yang- satu, walaupun yang ada kebaikan untuk orang ramai, bagi saya kita menolak usul itu kerana itu bukan satu perkara yang hanya yang pasti yang saya kena segerakan untuk menanggungkan Dewan ini untuk membincangkan berkenaan usul tersebut.

Kedua, pertimbangan saya adalah bahawa perkara yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Menteri bila saya sebagai selaku Yang di-Pertua Dewan Negara duduk dan mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri dan perkara berkenaan dengan ketidakpastian perkataan yang telah digunakan *and* ada dalam *Hansard*, pada pendapat saya adalah munasabah bila surat yang ditulis kepada saya memberitahu saya bahawa ketidakpastian beliau itu adalah berkenaan dengan keputusan terakhir SPRM mengenai perkara kedua-dua orang tersebut. Ucapan ataupun- saya ini tidak ambil berat berkenaan dengan Setiausaha Politik kerana Setiausaha Politik tidak datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan dan tidak ada dalam *Hansard*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerja saya ini hanya untuk memastikan bahawa Dewan yang mulia ini dan institusi yang tertinggi di negara ini diberi penghormatan. Kuasa saya adalah kuasa yang besar bukan sahaja mengikut peraturan mesyuarat, di mana walaupun tidak ada peraturan mesyuarat untuk merujuk Yang Berhormat Menteri kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tetapi kuasa saya selaku Yang di-Pertua, saya boleh merujuk.

Akan tetapi, saya tidak menggunakannya kerana saya mesti mengenal pasti perkara tersebut dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang tidak dapat hadir kerana dia tidak ada urusan di Dewan Negara ini. Setelah saya mendapati bahawa alasan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah alasan yang munasabah di mana, dengan izin, *his qualified himself when he mentioned that he is stand corrected and then continue with his answer to the question raised by Tan Sri Prof. Emeritus.*

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan terima petua saya dan petua saya adalah muktamad. Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

### 5.37 ptg.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk ikut serta di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019.

Pertama sekali, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menunggu sejak dari minggu lepas sehingga ke petang ini baru berpeluang untuk membentangkan ya, dan juga seluruh pegawai kementerian di atas pembentangan rang undang-undang ini. Kesedaran saya ialah ke atas keinsafan bahawa kebajikan pekerja-pekerja haruslah diberi satu kedudukan yang baik sejajar sebagai kita dalam sebuah masyarakat yang bertamadun seperti ini.

Kesedaran saya ini kerana ada kalanya rumah pekerja-pekerja itu di tapak-tapak binaan. Ada kalanya tapak-tapak binaan itu rumah pekerjanya seperti, minta maaf saya katakan, seperti reban ayam ataupun kandang kambing, seperti itu. Jadi, saya begitu sedih melihatkan keadaan seperti ini. Dan ada kalanya masa mereka menjalankan kerja-kerja binaan ini bukannya satu bulan, dua bulan tetapi ada kalanya hingga dua tahun ataupun sehingga tiga tahun dan sebagainya. Kalaulah keadaan itu dibiarkan tidak ada seperti *requirement* daripada rang undang-undang ini, saya rasa keadaan itu perlu diperbaiki dan perlu diberi penekanan oleh pihak kerajaan.

*Alhamdulillah*, hari ini dan di Dewan ini rang undang-undang ini dibentangkan dengan harapan bahawa ianya menjadi satu undang-undang dan boleh dikuatkuasakan dan boleh diambil tindakan sekiranya majikan-majikan melanggar peruntukan ataupun *requirements* yang termaktub di dalam rang undang-undang ini.

Jadi, beberapa perkara saya lihat di sini ialah di bawah tafsirannya iaitu 24- berkenaan dengan penginapan. Erti penginapan di sini disebut sebagai rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia. Jadi saya hendak tahu, adakah ianya kepungan berbumbung itu termasuk sekarang ini orang selalu menggunakan kontena?

#### ■1740

Adakah ini termasuk di dalam istilah itu? Begitu juga, adakah kalau majikan itu mereka mempunyai pekerja-pekerja *shift*, adakah mereka kalau menyediakan tempat-tempat berehat, tertakluk juga di bawah rang undang-undang ini. Satu lagi perkara ialah saya melihat ada di bawah penginapan hendaklah mematuhi undang-undang pihak berkuasa tempatan.

Jadi, pertanyaan saya di sini, adakah satu standard pelan berkenaan dengan rumah-rumah seperti ini perlu disediakan dan juga kita tahu bahawa kalau mereka *submit* kepada pihak berkuasa tempatan. Pengalaman saya tiap-tiap pihak berkuasa tempatan ada kala mereka mempunyai *building by-laws* tersendiri.

Adakah akan terjadi banyak *red tapes* tentang perkara-perkara ini. Ini kerana dari sebuah pihak berkuasa tempatan dengan pihak berkuasa tempatan yang lain ada kalanya *requirement-requirement* mereka tidak begitu standard.

Di pihak perbandaran mungkin lain, di pihak- kalau di Sarawak untuk misalannya di pihak-pihak berkuasa tempatan jenis daerah, *requirement*-nya mungkin berbeza. Jadi ini harus dilihat juga oleh kita di dalam kita meneliti rang undang-undang ini.

Saya melihat juga di bawah kemudahan-kemudahan ini, seharusnya kita menghendaki mereka, majikan-majikan menyediakan *proper sanitation system*. Ada kalanya saya melihat bahawa rumah-rumah pekerja ini dibina di atas parit dan ada kalanya *sanitation system* mereka terus saluran pembuangan najis dan sebagainya, terus ke dalam parit itu sendiri. Jadi begitu menyedihkan perkara-perkara seperti ini.

Jadi, mungkin ini tidak dibenarkan lagi oleh *local authority* di bawah rang undang-undang ini dan juga pastikan bahawa bekalan air adalah bekalan air bersih yang dibekalkan oleh *water authority*, pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan air.

Termasuk juga saya lihat ialah mesti ada *proper* tempat pengumpulan sampah dan sebagainya kerana ini adalah penting, tempat-tempat ini untuk pembersihan. Pada saya, saya melihat juga satu perkara yang tidak ada dalam sini ialah tempat untuk mereka makan. *There should be a proper eating house* untuk pekerja-pekerja. Ini kerana ada kalanya mereka makan di mana-mana tempat jadi sepatutnya ditambah di dalam *requirement* rang undang-undang ini- *the proper eating house* dan juga tempat menyediakan makanan dan sebagainya.

Jadi, harapan saya juga Yang Berhormat Menteri ialah bahawa rang undang-undang ini suatu hari nanti akan juga diambil kira oleh Kerajaan Negeri Sarawak supaya mereka akan menyediakan *requirements* seperti di bawah rang undang-undang ini.

Saya harap walaupun kita mempunyai rang undang-undang yang lain, tetapi harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu kepada kerajaan negeri supaya *adopt requirement* seperti ini sama ada menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri. Jadi, dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

**5.51 ptg.**

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia. Terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan keseluruhannya adalah bagus kerana bila hukuman dinaikkan, ia akan melindungi hak pekerja. Memberi peruntukan supaya pekerja dapat perumahan yang wajar, kesihatan sekeliling pun dijaga.

Namun demikian, bagaimanakah kerajaan hendak memantau berkenaan perumahan ini? Pada masa sekarang, ada majikan yang sengaja memuatkan berpuluh orang dalam satu rumah walaupun ini melanggar peraturan majlis tempatan, dengan izin *Local Council Regulation*. Polisi okey, tetapi *enforcement questionable*. Sesetengah majikan menyatakan mereka tidak tahu tentang pindaan ini. Adakah kerajaan sudah melaksanakan sesi libat urus dan apakah hasilnya?

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua majikan diwajibkan untuk menyediakan kediaman dan penempatan. Adakah majikan selain daripada sektor perladangan dan perlombongan boleh mengatakan mereka tidak mahu menanggung liabiliti ini. Bagi majikan yang hendak menyediakan perumahan pula, adakah wujudnya cukup perumahan yang sesuai pada masa sekarang untuk pekerja ini.

Contohnya, di Kuala Lumpur atau bandar besar yang lain, harga perumahan adalah lebih mahal. Ini akan menjadi suatu beban dan liabiliti yang amat berat kepada majikan. Kecuali majikan boleh mendapatkan rumah yang lebih jauh supaya kosnya rendah dan menyediakan bas pekerja dan ini juga akan timbul sesuatu masalah kerana perlukan bilangan pekerja yang cukup untuk mengisikan bas. Mungkin terdapat juga masalah kesesakan jalan raya menyebabkan masa perjalanan panjang dan hasilnya kos pengangkutan yang tinggi dan sebagainya. Semua faktor ini perlu diambil kira oleh majikan untuk tujuan pengiraan kos.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kementerian akan mula pemantauan? Adakah kerajaan sudah ada *database* berkenaan majikan yang menyediakan penempatan? Adakah pula majikan dibenarkan mengubah rumah, contohnya menjadi tempat tinggal pekerja, dengan izin, *in Penang there is more than 30 people in one house in a gated community*. Seramai 30 orang diletak dalam satu rumah, seolah-olah tidak munasabah, merujuk Akta 446, Bahagian IIIA, 24H. Pekerja tidak ada bilik air yang cukup, mereka mandi di depan atau di belakang rumah. Pakai hanya seluar dalam di tepi jalan. Jiran-jiran di taman tidak sabar lagi dengan keadaan dan ini juga akan jadi kejutan budaya dua-dua pihak.

Terdapat juga ramai pekerja asing terutamanya pekerja tanpa izin yang tinggal dalam keadaan teruk sama ada secara sukarela atau paksa, maka tidak di dokumentasi. Walaupun RUU ini diluluskan dan akan dilaksanakan nanti, kita akan ada masalah ini disebabkan masalah pekerja asing tanpa izin (PATI).

Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin akan menimbulkan masalah yang lain seperti masalah kesihatan, penyebaran penyakit, masalah pengurusan sisa pepejal, dengan izin, *solid waste*, keselamatan, kebakaran dan sebagainya. Sekiranya- dari RUU, ini hakikat yang membelenggu kita semua. Banyak masalah yang datang daripada PATI disebabkan pihak yang tidak bertanggungjawab.

■1200

Selain dari itu, ramai pekerja asing ataupun pekerja dari luar bandar ditempatkan di perumahan kos rendah. Perumahan kos rendah sudah lama menghadapi masalah, tambah pula masalah dari penduduk-penduduk pekerja. Sekarang perumahan hanya diwajibkan untuk pekerja perdagangan dan perlombongan.

Rang undang-undang yang baharu akan terlibat pekerja sektor yang lain walaupun tidak diwujudkan merujuk Akta 466, Bahagian IIIA, 24G. Ini akan timbul masalah yang lain kerana ada majikan yang jaga manfaat pekerja, bagi bantuan sepenuhnya, juga ada yang akan ambil peluang mengeksploitasi pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju majikan perlu bagi kemudahan kepada pekerja bukan sahaja pekerja orang asing, tetapi termasuk orang tempatan yang datang dari luar bandar. Saya harap masalah yang dibangkitkan dan pandangan dapat ditimbang dan ditambah baik. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Silakan.

#### 5.51 ptg.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja yang saya hendak perkatakan. Nampaknya rang undang-undang ini adalah walaupun bunyinya seperti keperluan minimum, rang undang-undang standard minimum, tetapi keperluannya maksimum.

Cuma saya hendak komen sedikit mengenai bahagian baharu iaitu Bahagian IIIA, perkara 24B, "*penginapan' bermakna mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia*". Jadi saya rasa sebahagian besar daripada undang-undang, daripada akta digunakan oleh majikan-majikan sebagai SOP mereka. Ambil contoh, undang-undang buruh yang digunakan secara berleluasa sebagai SOP di sebahagian besar syarikat-syarikat di negara kita.

Jadi kalau takrifan kediaman sebegini, saya rasa mungkin majikan akan menyediakan kediaman yang minimum. Mungkin kandang kambing pun boleh dijadikan kediaman pekerja. Jadi saya rasa mungkin kena diperluaskan lagi sebab kalau inilah yang dijadikan SOP untuk sebahagian daripada syarikat-syarikat, jadi kita akan menghadapi masalah yang besar.

Akan tetapi selain daripada itu, saya rasa akta ini adalah amat baik sekiranya penguatkuasaan secara *friendly* dijalankan. Saya rasa kita tidak mempunyai banyak masalah untuk mendapatkan pekerja sebab kalau tempat yang selesa disediakan, saya rasa ramai yang berminat untuk bekerja di mana-mana syarikat.

Kita ambil contoh, pada satu ketika dulu estet-estet menyediakan tempat kediaman yang selesa dengan pelbagai kemudahan termasuk kemudahan kesihatan, ada pusat penjagaan anak-anak dan pelbagai lagi kemudahan yang *everybody looking forward* untuk bekerja di estet pada suatu ketika dahulu. Akan tetapi sekarang nampaknya sudah hilang, kemudahan-kemudahan tersebut tidak lagi disediakan oleh kebanyakan syarikat. Saya rasa itu mungkin menjadi salah satu sebab kenapa sukarnya kita mendapat pekerja.

Selain daripada itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

#### 5.54 ptg.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 petang ini.

Secara prinsipnya, kita menyokong sebarang langkah pihak kerajaan bagi mengikuti perkembangan piawai buruh antarabangsa R115 ILO di bawah *Workers' Housing Recommendation 1961*, meningkatkan faedah-faedah statutori Akta 446 dan apa yang turut mustahak untuk diberi perhatian adalah sebagai langkah yang sesuai dengan aspek Perjanjian Perdagangan Bebas serta mengelakkan sekatan perdagangan masa depan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri di atas pembentangan rang undang-undang ini di mana terdapat banyak kebaikan demi kebajikan pekerja cuba ditambah baik daripada yang sedia ada. Malahan saya mengharapkan dengan lulusnya pindaan ini, penalti yang lebih tinggi akibat kegagalan mematuhi undang-undang akan menyebabkan tidak lagi berlaku isu diskriminasi terhadap pekerja.

Di dalam Islam, bekerja merupakan satu tuntutan, tidak ada beza di antara kita walaupun berbeza bangsa, warna kulit, bahasa percakapan dan sebagainya. Apabila pekerja tempatan dan pekerja luar terlibat di dalam sektor industri, kerajaan harus bertindak sebagai pemegang amanah di muka bumi. Pekerja ini seharusnya dilayan sebagai seorang manusia supaya dapat saling berkenal-kenalan dan saling tolong-menolong ke arah kebajikan dan menjauhkan diri daripada perkara yang jahat dan keji.

Tiada stigma dan persepsi negatif sepatutnya ditimbulkan terhadap pekerja asing, mahupun pekerja tempatan kerana kerja yang dilakukan adalah tidak melanggar syariah dan ia adalah kerja mulia kerana menggunakan keupayaan sebaiknya untuk membangun potensi ke tahap yang maksimum. Oleh itu definisi bekerja lebih besar daripada sekadar memenuhi keperluan fasiliti bagi pekerja iaitu menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi ini yang boleh kita rujuk dalam surah Al-Jumu'ah, ayat yang ke-10.

Saya ingin menyuarakan beberapa perkara berkaitan dengan rang undang-undang ini. Perkara pertama, saya ingin meminta jika boleh, kementerian menyenaraikan semua pihak yang terlibat dalam proses konsultasi sewaktu perbincangan pindaan rang undang-undang ini untuk makluman Ahli Dewan. Kedua, berkenaan perumahan berpusat.

Saya telah membaca beberapa kenyataan. Jadi persoalan saya adalah sejauh mana penginapan ini mengambil langkah- sebagaimana yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi tentang perumahan ini. Jadi pertanyaan saya adalah, sejauh mana penginapan ini mengambil langkah untuk menjamin kesejahteraan dan menjaga disiplin warga pekerja tempatan dan pekerja asing daripada terlibat dengan jenayah? Bagaimana pula dengan pekerja yang sudah berkahwin dan mempunyai anak?

Saya juga ingin menyentuh berkenaan seksyen 24G tentang kebenaran mengutip wang daripada upah pekerja. Saya mendapat maklumat bahawa penempatan pekerja berpusat kepada setiap pekerja adalah dengan harga sewa RM150 sebulan yang saya kira berpatutan bagi penduduk bandar. Namun, bagaimana daripada aspek penyelenggaraan? Apakah perancangan kerajaan bagi memantau aktiviti penyelenggaraan penginapan untuk kemudahan pekerja ini?

Seterusnya, jika kita melihat nisbah pegawai di bawah Agensi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan dengan bilangan tapak projek adalah satu 1 nisbah 140. Ini bermaksud seorang pegawai perlu memantau sekurang-kurangnya 140 tapak projek.

Justeru, dengan pindaan terhadap aspek kemudahan perumahan yang wajib disediakan oleh pihak majikan ini, adakah kerajaan juga bercadang untuk menambah bilangan pegawai bagi memastikan para majikan mematuhi sebarang peraturan yang telah ditetapkan?

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari 2019, kerajaan memperkenalkan Skim Bencana Kerja di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial tertakluk dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Soalnya, adakah SBK ini juga akan merangkumi soal keselamatan dan kesihatan di rumah penempatan pekerja yang disediakan pihak majikan?

Saya juga ingin bertanya tentang seksyen 24J(b) tentang kewajipan dan tanggungjawab berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan. Apakah akan wujud satu *guidelines* yang akan menyenaraikan apakah yang perlu dicegah sebagai langkah pencegahan yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja?

### ■1800

Selain itu, saya juga ingin menanyakan berkenaan penyediaan piawai. Adakah pihak Kementerian akan menyediakan suatu piawai yang lebih khusus menyentuh soal tempat, jarak keluasan, keselamatan dan sebagainya serta menyediakan SOP berkaitan hal ini? Supaya ia menepati aspek keselesaan minimum, kebersihan dan sebagainya. Saya meneliti jawapan Kementerian di Dewan Rakyat dan saya fikir tidak ada jawapan yang menyentuh aspek ini.

Seterusnya berkenaan penggunaan tanah atau bangunan terbiar. Apakah Kementerian bercadang untuk memanfaatkan tanah atau bangunan terbiar berpotensi untuk ditukar menjadi perumahan berpusat pekerja-pekerja ini daripada membiarkan mereka menjadi pusat pembinaan warga dadah dan judi? Masalah lambakan penghuni pekerja asing, kita juga maklum mengenai setengah tempat berlaku apabila terlalu ramai warga asing di suatu tempat perumahan mendorong rasa tidak selesa dalam kalangan rakyat tempatan.

Soalan saya, apakah langkah kerajaan bagi menangani perkara ini supaya soal keselamatan rakyat di negara ini kekal terjamin?

Selain itu, sejauh mana proses pemutihan bagi warga asing yang tidak layak menghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dijalankan? PPR adalah perumahan rakyat yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu rakyat tempatan berpendapatan rendah dan ia tidak sewajarnya diselewengkan demi kepentingan pihak tertentu.

Ada dakwaan yang mengatakan tiada kesinambungan yang wujud berkenaan isu ini selepas peralihan kerajaan baharu. Jika proses pemutihan ini masih dijalankan, saya meminta Yang Berhormat Menteri mengeluarkan keputusan hasil proses pemutihan ini bagi menzahirkan keprihatinan kerajaan dalam menyelesaikan isu banjir pekerja asing yang menghuni kawasan perumahan rakyat secara haram.

Saya juga ingin bertanya, apakah tindakan kerajaan tentang kes buli dan jenayah dalam kalangan pekerja? Seperti yang berlaku, pertama, merujuk laman web *Utusan Malaysia*, 10 Julai 2019, kes di Sungai Petani di mana seorang pekerja ladang kelapa sawit telah didakwa membunuh rakan sekerjanya.

Kedua, pada 27 Jun 2019, kes warga asing disyaki dibunuh di Batu 37, Jalan Bukit Selambau, Jeniang berhampiran ladang kelapa sawit. Apakah langkah untuk mencegah daripada berlakunya jenayah sebegini? Apabila berlaku kes begini, apakah kerajaan lakukan untuk meringankan beban ahli keluarga terbabit?

Terakhir, selain daripada fasiliti yang memudahkan kehidupan para pekerja, perkara yang harus difikirkan bersama adalah pendidikan kepada para pekerja asing dan tempatan. Pendidikan di sini adalah pendidikan spiritual dan Rukun Negara Malaysia. Kita tidak mahu melahirkan robot. Pekerja-pekerja berkaitan pembangunan kepimpinan diri dan keyakinan kepada Tuhan harus dijadikan sebagai satu *syllabus* pendidikan supaya pekerja ini dapat berasimilasi dengan budaya dan adat tempatan. Amat menarik jika nilai-nilai murni dan budaya ketimuran juga menjadi ikutan kepada pekerja asing, *inshaa Allah*.

Mudah-mudahan menepati apa yang Tuan Yang di-Pertua minta [*Ketawa*] Okey, terima kasih. Begitu laju saya cakap hendak ikut *time*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana tadi Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying telah menarik diri tetapi saya pula potong Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen. Yang Berhormat pun okey. Terima kasih [*Ketawa*]

Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat.

### 6.03 ptg.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua juga.

Terlebih dahulu, saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesudian bagi peluang kepada saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas kejayaan membentangkan rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh mengenai pindaan yang dibuat dalam Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja ini.



Kita melihat bagaimana dalam akta ini kerajaan menyatakan bahawa mereka tidak berhasrat untuk mewajibkan penyediaan penginapan dengan standard minimum kemudahan pekerja bagi majikan untuk pekerja yang ramai. Jadi saya ingin tahu, apakah kekuatan pada undang-undang ini sekiranya ini tidak menjadi suatu kewajipan dan ia hanya satu pilihan?

Mungkin ini akan diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menjimatkan kos mereka untuk tidak menyediakan perumahan yang diperlukan oleh pekerja. Bayangkanlah kalau satu majikan yang memiliki 100 orang pekerja, kalau mereka tidak menyediakan tempat kemudahan penginapan dan kemudahan lain, iaitu ia hanya pilihan bukan mandatori, jadi kita lihat akan berlaku masalah penempatan pekerja. Ada di kalangan mereka yang mengambil kesempatan berkahwin dengan orang tempatan untuk membolehkan mereka menetap lama di Malaysia. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah penyelesaian dilakukan oleh pihak kementerian dalam soal ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang ingin saya sentuh ialah mengenai keselamatan kawasan penginapan. Di sini ada beberapa kes yang saya ingin kongsi. Pada 22 Januari 2019 yang lalu, seorang pekerja Bangladesh maut akibat lantai runtuh di kawasan pembinaan di Subang Jaya.

Selain itu, pada 2 Februari 2019, seorang pekerja maut dihempap jentera kilang barang lusuh di Kuala Lumpur dan pada 18 Januari 2019, seorang pekerja maut terkena renjatan elektrik di sebuah ladang di Sabah. Ini adalah kes-kes yang dapat saya lihat di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Oleh itu, apa yang saya harapkan ialah ia perlu dilihat dari segi keselamatan di mana tempat penginapan berpusat itu diletak supaya tidak terlalu hampir dengan kawasan pembinaan kerana kawasan pembinaan mempunyai risiko yang tertentu. Itulah harus diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh iaitu mengenai dengan insurans pekerja. Ia agak berbeza sedikit tetapi ia berkait rapat dengan kehidupan pekerja seharian. Kita telah ada sistem insurans pekerja- *employee insurance system* dengan 0.2 peratus potongan majikan dan 0.2 peratus potongan daripada pekerja. Seseorang pekerja itu mendapat kemudahan bantuan segera iaitu apabila ditamatkan pekerjaan atas sebab-sebab tertentu, maka diberikan kewangan maksimum enam bulan ataupun RM10,800 maksimum.

Memandangkan sistem insurans pekerja ini amat bagus dan telah dibuat sebelum ini lagi, apa yang saya ingin persoalkan ialah jika berlaku sebagaimana kemalangan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, adakah *employee insurance system* ini boleh membantu mereka dan keluarga mereka yang terlibat? Hal ini adalah bagi membantu kelangsungan hidup mereka jika mereka telah mendapat cacat atau sebagainya akibat daripada kemalangan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya amat setuju dengan pindaan berkaitan dengan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja ini. Saya bermohon supaya kerajaan sentiasa mengambil berat tentang isu-isu pekerja yang berada di negara ini lebih-lebih lagi berkaitan dengan tempat bekerja mereka supaya ia dapat memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Sebelum saya berundur diri, saya ada serangkap pantun.

*Pekerja asing negara hebat;  
Memang menjadi idaman semua;  
Apa sahaja undang-undang yang dibuat;  
Biarlah untuk kebaikan bersama.*

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**6.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan.

Walaupun sepatutnya asalnya 11 tapi turun 10 dan turun sembilan. Jadi hari ini semua pakat bersimpati dengan Tuan Yang di-Pertua yang sudah tentulah perlu menghadiri Santapan Diraja sempena dengan Pertabalan Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Kalau saya tidak hadir itu tidaklah sangat dilihat tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara tidak hadir, sangat-sangat kelihatan ketidakhadirannya. Akan tetapi, saya pun akan hadir, *inshaa Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, saya akan menjawab secara ringkaslah sepertimana Yang Berhormat pun meringkaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, secara bertulis? [*Ketawa*]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak apalah, saya jawablah satu atau dua. Satu atau dua sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong jawab, Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi yang membangkitkan beberapa perkara yang telah pun disebut tadi, kami mengambil perhatian bahawa soal-soal yang berkaitan dengan tempat kepungan berbumbung itu termasuk kontena dan perlu mengikut peraturan yang digariskan termasuk peraturan-peraturan yang digariskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). PBT itu ia merupakan syarat yang mesti dipatuhi dan ia dibolehkan.

**■1810**

Berkaitan dengan macam disebut tadi iaitu syarat-syarat ataupun *certificate* yang dikeluarkan oleh PBT. Kemudian, rang undang-undang ini menetapkan mesti disediakan air yang boleh diminum dan selamat. Itu memang syarat kita. Memang kena ada tempat air yang boleh diminum dengan selamat yang tidak ada pencemaran dan sebagainya. Ini antara yang harus dilihat oleh kita semua.

Terakhir yang saya hendak jawab ialah berkaitan dengan apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Berkaitan nisbah pegawai kepada tapak bina. Adakah keperluan bagi tambahan bilangan pegawai JKPP bagi tujuan penguatkuasaan? JKPP akan menggunakan aplikasi teknologi terkini dalam meningkatkan kecekapan penguatkuasaan. Selain daripada itu juga, perundangan yang menekankan kawalan di peringkat reka bentuk projek pembinaan akan diwujudkan nanti. *Inshaa Allah* kita akan bawa ke Dewan Rakyat dan kemudian kita akan bawa ke Dewan Negara.

Saya fikir itu yang dapat saya sampaikan dengan menghormati apa yang diharapkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan yang selainnya itu akan saya jawab secara bertulis. Saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Kementerian Sumber Manusia kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang memberikan pandangan dan cadangan. Teguran Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan diberikan perhatian dalam merangka dasar dan program kementerian juga lebih cekap dan berkesan *in syaa Allah* pada masa yang akan datang. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat saya jawab, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator boleh lah mengemukakan selepas ini dan saya akan mohon menjawab jawapan bertulis daripada pegawai-pegawai saya.

Saya di kesempatan ini juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai saya yang dah berapa hari tunggu, tidak jadi balik, tidak jadi balik. Diketuai oleh Datuk Kua Abun (TKSU) dan juga pegawai-pegawai yang lain. Terima kasih atas komitmen mereka yang sangat tinggi untuk menjayakan akta ini. Terima kasih... [*Tepuk*] *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat saya yang ambil kesempatan... [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Chong Chieng Jen) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini telah dikemukakan dan diluluskan dengan pindaan di Dewan Rakyat pada 10 Julai 2019.

Pindaan tersebut melibatkan fasal 11 dalam rang undang-undang dengan memotong perenggan (a) dan menomborkan semula perenggan (b), (c), (d) sebagai perenggan (a), (b) dan (c) dalam rang undang-undang. Salinan pindaan tersebut turut dilampirkan bersama naskhah rang undang-undang untuk rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan ini.

Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 777 telah mula dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017.

Akta 777 ini yang telah memansuhkan dan menggantikan Akta Syarikat 1965 iaitu Akta 125 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara lain yang berkaitan.

Sejak Akta 777 berkuat kuasa, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerima maklum balas bahawa terdapat beberapa peruntukan dalam akta tersebut yang perlu dipinda untuk memperjelas maksud dasar-dasar yang telah ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan serta amalan perundangan yang lebih efektif. Pihak-pihak yang telah memberi maklum balas adalah seperti:

- (i) Bursa Malaysia;
- (ii) Jabatan Akauntan Negara;
- (iii) institusi perbankan dan kewangan;
- (iv) pengamal undang-undang; dan
- (v) pengamal kesetiausahaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara dasar-dasar utama yang diperkenalkan di bawah Akta 777 adalah seperti berikut:

- (i) untuk memperkenalkan kerangka perundangan baru yang terpakai ke atas sesebuah syarikat;
- (ii) untuk memudahkan undang-undang dan tatacara untuk syarikat-syarikat berdasarkan perbezaan persendirian atau awam;
- (iii) menghapuskan halangan dan mempermudah syarikat persendirian untuk berkembang dan bersaing;
- (iv) memberikan akses mudah untuk memperbadankan, termasuklah memperkenalkan konsep syarikat yang dianggotai oleh seorang ahli dan ahli tersebut juga boleh menjadi pengarah iaitu *single member, single director*;
- (v) menyingkirkan halangan kepada proses pemerbadanan dengan memperkenalkan proses yang lebih mudah;
- (vi) memperkenalkan pelbagai peraturan baharu bagi mempermudah pematuhan oleh syarikat persendirian, termasuk menghapuskan keperluan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan sebaliknya menggunakan prosedur resolusi edaran bagi tujuan membuat keputusan;
- (vii) mempertingkatkan lagi tata urus syarikat iaitu *corporate governance* dan kawalan dalaman bagi penambahbaikan pengurusan syarikat secara keseluruhannya;
- (viii) memperkenalkan rejim tiada nilai tara iaitu *no par value regime*;
- (ix) memperkenalkan peruntukan baharu mengenai saham dan penyelenggaraan modal bagi memudahkan pelaksanaan korporat supaya lebih anjal;
- (x) memperkenalkan skim penyelamat syarikat berbentuk penyusunan korporat secara sukarela iaitu *corporate voluntary arrangement* dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) untuk memulihkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan; dan
- (xi) menambah baik sistem semasa pendaftaran gadaian dengan memperbaiki prosedur dan proses yang terlibat.

#### ■1820

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 5 Julai 2019 telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna segera mengambil tindakan bagi membolehkan beberapa peruntukan dalam Akta 777 ini dipinda untuk memberi penjelasan bagi membolehkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dilaksanakan dengan lebih efektif dan teratur oleh pihak-pihak dan agensi-agensinya yang berkaitan serta pengamal undang-undang dan kesetiausahaan syarikat.

Rang undang-undang ini mencadangkan 13 perkara pindaan kepada Akta 777. Antara cadangan pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subperenggan 4(1)(a)(iii) bagi memperuntukkan bahawa suatu perbadanan hendaklah disifatkan sebagai suatu subsidiari perbadanan yang lain jika perbadanan itu memegang lebih daripada separuh jumlah keseluruhan syer dikeluarkan. Pindaan ini juga bertujuan menjelaskan bahawa dalam konteks persekitaran tanpa nilai tara pengiraan pemegangan syer adalah berdasarkan jumlah syer yang dikeluarkan.

Fasal 3 adalah bertujuan untuk memperkenalkan takrif “dokumen” dalam subseksyen baharu 66(6). Takrifan ini memperjelaskan bahawa hanya dokumen tertentu sahaja yang perlu disempurnakan mengikut peruntukan subseksyen baharu 66(1).

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 72(4) dan (5) bagi memperuntukkan bahawa sekiranya penebusan syer keutamaan adalah daripada keuntungan atau jumlah yang tersedia untuk dividen. Jumlah tersebut hendaklah dipindahkan kepada akaun modal syer syarikat.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 84(1) bagi menjelaskan bahawa syarikat boleh mengubah modal syernya melalui kelulusan suatu ketetapan biasa iaitu *ordinary resolution*.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda perenggan 93(2)(b) bagi memperjelaskan bahawa permohonan bantahan untuk mengubah had kelas hanya boleh dibuat oleh pemegang saham bagi kelas saham tertentu yang telah dilantik secara bertulis oleh semua pemegang saham kelas tersebut.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 247(3) bagi memperuntukkan bahawa pengarah syarikat pemegangan boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar tidak kurang daripada 30 hari sebelum penyata kewangan syarikat pemegangan diedarkan untuk membenarkan tahun kewangan syarikat subsidiari yang berlainan dengan syarikat pemegangan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 304 bagi memperuntukkan bahawa syarikat dikehendaki mengedarkan ketetapan bertulis iaitu *written resolution* yang dicadangkan oleh anggota dengan syarat perbelanjaan yang mencukupi telah didepositkan dengan syarikat.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda perenggan 340(1)(c) bagi memperuntukkan bahawa pelantikan dan penetapan saraan juruaudit hendaklah dibuat dalam mesyuarat agung tahunan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 386(1) bagi memperuntukkan bahawa penerima atau penerima dan pengurus yang dilantik setelah syarikat digulung mempunyai kuasa untuk terus bertindak dalam kapasiti masing-masing.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 433 seperti berikut:

- (i) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4A) yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan sebarang sekatan atau syarat apabila seorang itu diluluskan sebagai seorang penyelesaian;
- (ii) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4B) yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tempoh kelulusan atau pembaharuan penyelesaian adalah selama dua tahun; dan
- (iii) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4C) untuk memberi kuasa kepada Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan untuk mewakili kuasa-kuasanya di bawah seksyen 433 ini kepada mana-mana orang.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 580A ke dalam Akta 777 bagi memperuntukkan bahawa syarikat yang bertindak sebagai plaintif dalam mana-mana tindakan atau prosiding lain, dikehendaki untuk memberi jaminan yang mencukupi bagi kos. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa tindakan atau prosiding hendaklah ditanggung oleh pihak kepada tindakan atau prosiding itu.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukan pengecualian.

Fasal-fasal lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Saya mohon menyokong sahaja Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

**6.28 ptg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya pun tidak perlulah hendak berbahas panjang lebar dan memberi sokongan penuh terhadap RUU ini. Cuma saya dikesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh kalau Yang Berhormat hendak cakap boleh.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Boleh ya Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua mengejar masa.

Cuma satu perkara yang ingin saya hendak kemukakan tentang RUU ini adalah berkenaan dengan penyelewengan terhadap- saya baca lah Tuan Yang di-Pertua, lagi cepat saya rasa daripada saya bercakap. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan RUU bagi meminda Akta Syarikat 2016. Mudah-mudahan dengan pindaan yang dibuat, urus tadbir pengurusan syarikat-syarikat di Malaysia lebih sempurna dan pengarah-pengarah komited dalam mematuhi semua ketetapan SSM dalam mengendalikan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi trend bagi warga *corporate* ataupun kumpulan ahli keluarga warganegara mempunyai satu atau dua syarikat sendiri berhad bagi memiliki hak hartanah perladangan dan perusahaan di Malaysia. Trend sebegini sudah lama wujud semenjak Akta Syarikat 1965 dikuatkuasakan dan kerajaan mula memperkenalkan undang-undang Akta Syarikat 2016 yang baharu agar reformasi kerangka perundangan dan tata kelola mengurus syarikat lebih terurus dan cekap.

Namun demikian, saya mendapat banyak maklum balas dari syarikat sahabat dan warganegara, terdapat kes-kes di mana berlaku penyelewengan oleh salah seorang pengarah syarikat dan kerjasama curang tersebut bersama dengan setiausaha syarikat, menyebabkan berlakunya kes-kes penggubalan ataupun penggubahan hak harta milik syarikat dan wang secara haram.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyak kes melibatkan penggubahan aset wang hak milik syarikat secara haram dan sejauh mana SSM selaku agensi penguat kuasa menangani masalah ini? Sejauh manakah kerangka SSM mengendalikan kes-kes perintah Mahkamah Persekutuan, perintah rayuan agar pelaksanaan semua keputusan mahkamah di Malaysia dilaksanakan segera dan sebarang kelewatan diambil tindakan?

■1830

Seterusnya sejauh mana pengawalan terhadap *official receiver* agar kes-kes penyelewengan oleh *liquidator* ditangani dengan baik tanpa merugikan mana-mana kepentingan minoriti atau pengarah syarikat?

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya, terdapat satu *company*, contohnya ABC, dia telah diisytiharkan muflis tetapi syarikat tersebut telah mewujudkan satu *company* dan bekerjasama dengan setiausaha syarikat dan memasukkan wang secara haram. sedangkan bila disemak syarikat ABC tersebut, syarikat yang ditubuhkan tidak wujud pun dalam SSM. Bagaimana- maknanya dikendalikan? Ataupun selepas ini kita boleh jumpa selepas luar Dewan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan hari terakhir saya berucap di Dewan yang mulia ini. Menjadi harapan dan hasrat saya agar proses mereformasi Dewan Negara dilaksanakan segera dan institusi Parlimen diperkasa seiring dengan janji dan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semua warga kerja Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Parlimen, sahabat-sahabat Senator sekalian.

Terdahulu juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri serta semua pegawai-pegawai kerajaan kerana selama tiga tahun satu penggal saya menjadi Ahli Dewan Negara, semua persoalan dan permasalahan rakyat dikemukakan, dijawab dan diambil perhatian dengan berkesan.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua sahabat handai, individu serta rakyat Malaysia yang telah berkongsi pandangan dan pendapat bagi memastikan Malaysia ini terus maju. Doa saya semoga Allah limpahi kerahmatan dan dilindungi dari segala bencana dan ancaman. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya hendak menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ini sudah lambat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Hendak menyokong sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti saya akan rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan... [Dewan ketawa]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Hendak menyokong sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**6.32 ptg.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang sangat-sangat saya kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam masa yang cukup pendek ini juga saya fikir saya juga hendak ambil kesempatan ini hendak menyokong Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019 ini. Akan tetapi, lebih pada itu ialah saya juga hari ini adalah hari terakhir saya berucap di Dewan yang berbahagia ini selama enam tahun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 12 orang hari terakhir.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Akan tetapi saya hendak ambil peluang ini, pertama, hendak ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri selama enam tahun ini telah memberikan banyak ruang kepada saya untuk bercakap di pentas antarabangsa. Sesungguhnya peluang yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua amatlah saya hargai.

Saya juga hendak ambil kesempatan ini hendak mengucapkan selamat maju jaya kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang akan terus berkhidmat dan saya yakin dengan kemampuan dan kebolehan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sepertimana kata Dato' Hajah Fahariyah tadi, akan membawa Dewan Negara sesuai dengan institusinya sebagai Dewan yang tertinggi dalam negara ini dengan yang lebih penting ialah untuk kita menjaga keharmonian negara yang sangat-sangat kita kasihi.

Akhir kalam, terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan kita akan berjumpa di lain masa dan juga dalam kesempatan-kesempatan yang lain. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan, Bentara-bentara dan seluruh ahli-ahli ataupun pegawai-pegawai di Dewan Negara yang banyak membantu saya.

Saya juga hendak mohon maaf kalau sepanjang perkenalan kita ada menyinggung perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Akan tetapi, Yang Berhormat Senator Datuk Razali, sampaikan dekat kawan-kawan yang lain, *inshaa Allah, I'll be back* di Dewan yang lain. *I'll be back* di Dewan yang lain... [Tepuk] Dengan berkat doa semua, mana tahu... [Disampuk] Ha, berkat doa Yang Berhormat Senator Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tengok, saya dapat sokongan. Doakan terus ya. Mudah-mudahan Kerusi Gombak bertukar tangan selepas ini... [Dewan ketawa] Terima kasih. Mudah-mudahan.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah... tidak boleh?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** [Ketawa] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**6.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kedua-dua orang Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbincangan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah yang bertanya tentang *scam* atau penipuan kepada orang awam atau pemegang saham. Memang ia merupakan satu penipuan yang boleh dikuatkuasakan oleh kerajaan dan ada pelbagai pihak penguat kuasa yang bertanggungjawab terhadap *scam* yang dilakukan oleh syarikat.



Di antaranya ialah SSM dan ada juga KPDNHEP atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid dan juga Bank Negara di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan PDRM di bawah Kanun Keseksaan. Untuk makluman yang *detail*, terperinci, saya akan membekalkan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Secara amnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini tidak mengubah apa-apa tujuan polisi asal yang telah dipersetujui di dalam penguatkuasaan kelulusan Akta Syarikat 2016. Sebaliknya rang undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan polisi yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dan dipatuhi dengan sepenuhnya melalui penjelasan proses dan prosedur yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Sekian sahaja penjelasan, penggulungan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Mahfuz bin Haji Omar) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berapa orangkah Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan habiskan tempoh dalam persidangan ini?

**Beberapa Ahli:** Ada 12 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang ada dalam Dewan berapa orang?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit Yang Berhormat seorang, kalau hendak berucap... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Boleh saya bangun?... *[Dewan ketawa]* Bukan hendak berucap. Untuk bangun sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucapan terima kasih Yang Berhormat.

**6.39 ptg.**

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya, pendek sahaja.

Pertamanya, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Datuk Seri Timbalan Yang di-Pertua atas bimbingan dan juga latihan yang telah diberikan oleh kedua pemimpin ini. Maka, saya minta Dewan kita berikan tepukan sebagai penghormatan... *[Tepuk]* *We have learned a lot from this two distinguish gentlemen* dan saya amat berterima kasih kerana saya fikir sayalah satu-satunya Senator yang diberi peluang untuk menanyakan soalan tambahan kepada Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini. Terima kasih.

■1840

Jadi, kepada Ahli-ahli Dewan Negara semua saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas persahabatan kita atas persahabatan dan juga persefahaman yang telah kita capai. Saya sangat-sangat gembira kerana selepas pilihan raya umum yang lalu, saya mendapat lebih ramai sahabat terutama daripada pelbagai parti politik dalam negara kita dan saya sangat menghargai persahabatan tuan-tuan dan puan-puan semua... *[Tepuk]*

Ketiga, saya juga hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Riduan bin Rahmat, Setiausaha Dewan kita, Tuan Yang di-Pertua. Kepada Puan Adlina, Cik Hani dan juga semua Bentara-Bentara atas bantuan dan juga pertolongan yang telah diberikan kepada kami. *Inshaa Allah*, kita akan bertemu dalam masa yang datang, tidak tahu bila.

Saya mendoakan kesihatan, panjang umur dan juga murah rezeki kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Semoga sumbangan tuan-tuan dan puan-puan semua akan mendapat limpahan nikmat di dunia dan di akhirat kelak. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. *Thank you very much. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

6.41 ptg.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang semua.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya kurang mengambil bahagian baru-baru ini. Tidak semena-mena darah naik. Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz tanya, "Yang lain tak naik kah?" Saya kata, "Salah makan ubat." Salah makan ubat, darah naik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jadi, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan mengelirukan Dewan *[Ketawa]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya tidak termasuk dalam golongan yang seperti kata Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) yang mengghairahkan. Jadi, ada masalah kalau darah naik, yang lain tak naik tak apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini pertama sekali mengucapkan jutaan terima kasih terutama kepada Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor yang telah menamakan saya sebagai anggota Dewan dan diterima oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Mantan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, Mantan Timbalan Yang di-Pertua Dato' Sri Doris Sophia anak Brodie dan seterusnya sudah tentulah kepada adinda saya Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran selaku Tuan Yang di-Pertua yang telah bersama-sama dengan saya daripada dalam Dewan sampai naik ke atas 'singgahsana' ini... *[Menunjuk ke tempat duduk Tuan Yang di-Pertua]* Dan Timbalan Yang di-Pertua.

Sudah tentulah tidak lupa, tidak ketinggalan Setiausaha Dewan Negara dan seluruh pegawai, Bentara-Bentara dan semua pegawai- daripada Ketua Pentadbir dan semua pegawai Parlimen yang banyak membantu saya terutama sekali apabila saya menjawat jawatan sebagai Presiden Majlis Senator. Mereka ini banyak memberi pertolongan sehingga kita dapat menjayakan beberapa perkara di dalam saya menjalankan tanggungjawab.

Sudah tentulah saya amat rasa terharu kerana saya terpaksa meninggalkan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat semua termasuklah mantan-mantan Ahli Yang Berhormat. Untungnya kita masih ada Majlis Senator, dan saya masih terus menjadi Presiden. Saya kata hendak tinggalkan kerusi ini sahaja, tetapi saya akan duduk di belakang sana untuk terus memantau rakan-rakan di dalam Dewan ini, *inshaa Allah... [Tepuk]* Datuk Timbalan saya sudah mengatakan kepada saya, bahawa beliau duduk di dalam, saya duduk di luar. Jadi, sudah tentulah kami akan pastikan semua perjalanan seperti biasa.

Terima kasih lah kepada rakan-rakan yang mana yang menganggap saya belot, tetapi saya tidak bolot. Saya duduk di dalam Dewan ini, dulu saya di sini, kemudian saya di sana. Akan tetapi, yang untungnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyatakan lagi sekali, memang saya pembelot, tetapi saya tidak bolot.

Sekian, terima kasih banyak. *Wabillahaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis kah? Tiada orang lagi ya, *okey*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada pada penghujung Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas. Sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya penuh berkeyakinan di bawah pemerintahan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku- saya ini perkataan sudah salah sedikit. Tidak apalah ya. Maka tanah air tercinta kita akan terus gemilang memenuhi aspirasi rakyat kita.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ambillah pedoman daripada Titah Baginda sempena Istiadat Pertabalan yang memberikan penekanan kepada aspek perpaduan dan keharmonian rakyat.

Justeru itu, sebagai ahli badan perundangan tertinggi negara ini, Ahli-ahli Yang Berhormat harus menjadi penggerak kepada perpaduan kita untuk mempertahankan *solidarity* rakyat dan memastikan Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang aman.

Pada masa yang sama, Dewan yang mulia ini menyambut baik usaha kerajaan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat bertujuan untuk memelihara keharmonian negara untuk mencari kebersamaan dalam pelbagai isu agama dan etnik. Saya sesungguhnya berharap Majlis ini dapat menjalankan *engagement* bersama rakyat untuk mencari kunci kepada perpaduan dan integrasi nasional kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang enam hari sidang kali ini, seperti mana diketahui semua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan sebanyak 12 rang undang-undang.

Saya berpuas hati dan berbangga dengan semua Yang Berhormat Senator kerana menunjukkan prestasi yang amat memuaskan ketika berbahas terutamanya dalam menyumbangkan pelbagai idea yang bernas dan teguran yang tegas demi kepentingan rakyat dan masa depan negara.

Pada masa yang sama, adalah kewajipan kita untuk menjunjung kemuliaan Dewan ini serta mempertahankan kedaulatan Parlimen. Apabila setiap kita memahami dan memelihara tanggungjawab ini, saya percaya malahan cukup yakin, kesejahteraan rakyat dan kepentingan tanah air akan selalu terjamin dalam proses penggubalan undang-undang negara.

Sebelum berakhir, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh semua yang menjayakan sesi Dewan kali ini, terutamanya kepada Setiausaha Dewan Negara serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara. Ribuan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri serta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sidang Dewan Negara kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada sahabat-sahabat saya telah berada dengan saya dalam Dewan yang mulia ini selama enam tahun- ada yang enam tahun, ada yang tiga tahun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi kerjasama yang begitu erat.

Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan habis tempoh ini usah gusar ataupun sedih kerana dalam masa- saya ingat lapan atau sembilan bulan, saya akan bersama Yang Berhormat [*Ketawa*] Ini adalah perjalanan hidup. Kiranya kita berada dalam Dewan yang mulia ini untuk kebaikan negara.

Saya betul-betul lah- bila saya mengambil alih, saya ini selepas- saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bila selepas pilihan raya umum, saya ini hendak jadi Yang di-Pertua pun agak pelik sedikitlah kerana saya dari parti pembangkang. Akan tetapi, saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari Kerajaan Pakatan Harapan yang telah memberi hormat kepada Kerusi sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara untuk supaya memberi saya ruang untuk menjalankan tugas saya sebagai Yang di-Pertua dan mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat.

Dewan kita ini, kita ada, dengan izin, *convention*, bahawa kita tidak seperti Dewan Rakyat di mana mereka sering mengadakan perbahasan yang tersendiri. Bukan seperti perbahasan di Dewan Negara yang teratur dan saling menghormati satu sama lain.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, saya ingin ucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji pada tarikh 11 Ogos 2019, bersamaan 10 Zulhijah 1440 Hijrah.

Akhir sekali, saya doakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan selamat kembali ke pangkuan keluarga yang tercinta.

Dengan kata-kata itu, saya tangguhkan Dewan ini sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.51 petang]**